

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**AMANAH** sertai ulama dunia usaha selamatkan Palestin



→ ms2

**Prinsip 'fastabiqul khairat' kunci kejayaan Selangor, kata Azmin**



→ ms8

**Pulau Pinang bentang 'Belanjawan Marhaen'**



→ ms9

# DAP TIDAK BOLEH TUBUH KERAJAAN

**DI DEPAN** kaum Cina, Najib berkata, DAP tidak akan boleh tubuh kerajaan dan menguasai kerajaan Malaysia namun di depan orang Melayu, Najib berkata, DAP akan menguasai kerajaan Malaysia sekiranya BN tumbang. Dalam masa yang sama, jentera Umno juga berkempen, undi Pakatan Harapan bermakna mengundi DAP dan Lim Kit Siang akan menjadi perdana menteri Malaysia.

**DEPAN ORANG MELAYU**

"DAP akan menguasai kerajaan Malaysia sekiranya BN tumbang."

Najib Razak  
Kuala Ketil Baling, 17 Jan 2017



**DEPAN ORANG CINA**

"Beritahu komuniti Cina, DAP tidak akan boleh tubuh kerajaan, realitinya pada PRU lepas mereka menang pun tidak boleh tubuh kerajaan."

Najib Razak  
Perhimpunan Agung MCA, 5 Nov 2017



→ Laporan penuh muka 2

**...jentera Umno juga berkempen, undi Pakatan Harapan bermakna mengundi DAP dan Lim Kit Siang akan menjadi PM**

**PROMOSI TERBARU!!**

DAPATKAN SEGERA

01132334322  
untuk urusan pembelian


HANYA RM 30




HANYA RM 30



HANYA RM 35



HANYA RM 39



HANYA RM 49





# Kenalan Najib, Putera Turki antara ditahan kerana rasuah

**K**ERAJAAN Arab Saudi telah menahan 11 orang putera raja dan beberapa orang menteri kanan pula disingkirkan Sabtu lalu dalam suatu siasatan oleh jawatankuasa anti rasuah yang baru ditubuhkan.

Menurut laporan Reuters, antara yang ditahan ialah Putera Turki bin Abdullah, pengasas syarikat Petrosaudi yang punya kaitan dengan 1MDB.

Bekas gabenor wilayah Riyadh itu ditahan atas dakwaan rasuah berhubung projek Riyadh Metro kerana didapati memanfaatkan kedudukannya memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengannya, menurut laporan itu lagi.

Dalam satu kenyataan kepada agensi berita Saudi, SPA, Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud dilaporkan berkata, beliau



Putera Turki (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan Najib, Rosmah serta Jho Low (kiri sekali).

menyambut baik penubuhan jawatankuasa anti rasuah tersebut bagi membasmi "eksploitasi mereka yang berjiwa lemah,

yang meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan awam untuk mendapatkan wang".

Petrosaudi ditubuhkan dalam 2005 sebagai sebuah syarikat minyak persendirian

**“**Bekas gabenor wilayah Riyadh itu ditahan atas dakwaan rasuah berhubung projek Riyadh Metro kerana didapati memanfaatkan kedudukannya memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengannya, menurut laporan itu lagi.

oleh Putera Turki bin Abdullah dan rakan niaganya Tarek Obaid, seorang pengusaha bank, menurut maklumat Financial Times. (www.ft.com)

Petrosaudi menjalin kerjasama dengan 1MDB dalam tahun 2009, memberi persetujuan dana Malaysia sebanyak US1 bilion dilaburkan dalam usaha sama sebagai tukaran syarikat Saudi membawa masuk konsesi ekstrak mineral di Turkmenistan dan Argentina yang didakwa bernilai US2.7 bil-

ion, lapor Financial Times lagi.

Perihal hubungan Petrosaudi dengan 1MDB yang kontroversi turut disebut dalam kenyataan bela diri Clare Rewcastle Brown dalam kes saman Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ke atas Sarawak Report.

Sebelum ini, Najib mendakwa wang sebanyak RM2.6 bilion yang masuk ke akaun beliau itu adalah derma dari putera raja Arab Saudi dan Putera Turki adalah pihak yang dimaksudkan itu.

## DAP tidak boleh bentuk kerajaan, kata Najib

**PERDANA** Menteri Datuk Seri Najib Razak menegaskan, DAP tidak boleh membentuk kerajaan walau bagaimana berjaya sekali parti itu dalam pilihan raya akan datang ini.

Kenyataan ini dibuat oleh beliau di depan para pemimpin dan perwakilan MCA ketika berucap dalam Perhimpunan Agung MCA di ibu pejabat parti itu 5 November lalu.

"Beritahu komuniti Cina, DAP tidak akan boleh tubuh kerajaan, realitinya pada PRU lepas mereka menang pun tidak boleh tubuh kerajaan.

"Mereka tidak boleh buat yang terbaik dari PRU lepas, tak boleh, termasuk jika mereka buat dengan baik pun mereka tetap tak boleh tadbir kerajaan," katanya ketika berucap

dalam Perhimpunan Agung MCA di ibu pejabat parti itu hari ini.

Ketika Najib berkata demikian kepada masyarakat Cina, lain pula yang beliau nyatakan kepada orang Melayu.

Ketika berucap kepada orang Melayu di Kuala Ketil, Baling 17 Januari lalu, Najib berkata DAP akan menguasai kerajaan Malaysia jika BN tumbang.

"DAP akan menguasai kerajaan Malaysia sekiranya BN tumbang," kata beliau dalam ucapan itu bagi menakutkan orang Melayu kepada DAP agar mereka tidak mengundi Pakatan Harapan.

Ketika berucap kepada perwakilan MCA, Najib berkata MCA hanya mempunyai tujuh kerusi parlimen dan ma-

sarakat Cina boleh diwakili lebih baik dalam kerajaan jika MCA memenangi lebih banyak kerusi.

Najib berkata, beliau tetap memperuntukkan tiga jawatan Kabinet kepada MCA, walaupun parti itu hanya menyumbang 7 kerusi Parlimen pada PRU13.

"Sebab itulah kalau masyarakat Cina nak lebih lagi, tolong sokong BN lebih. Sekarang MCA ada tujuh ahli Parlimen sahaja, kalau 15 ahli Parlimen lebih kuat," katanya.

Pada PRU lalu DAP menang 38 daripada 51 kerusi parlimen yang dipertandingkan. DAP juga memenangi 95 daripada 103 kerusi DUN, menjadikan ia parti kedua terbesar selepas Umno.

## AMANAH sertai ulamak dunia usaha selamatkan Palestin

**PENASIHAT** Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang bersama timbalannya, Ustaz Abdul Ghani Samsudin menyertai Konferens Antarabangsa Al Ittihad al 'Alami li 'Ulama al Muqawamah di Beirut, Lubnan.

Konferens dua hari bermula 1 November 2017 lalu itu membincangkan tajuk "Palestin Antara Perjanjian Balfour dan Janji Tuhan: Bersama Kita Menentang Bersama Kita Menang".

Konferens ini bertujuan memperingati tragedi 100 tahun deklarasi atau perjanjian Balfour yang telah menjajah bumi Palestin dan memberi penegasan kepada para ulama dan orang Islam untuk meneruskan penentangan dan membimbing ummah untuk mencapai matlamat yang diimpikan.


Sementara itu, Timbalan Penasihat Umum Parti Amanah Negara (AMANAH) yang juga Ahli Jawatankuasa Kesatuan Ulamak Sedunia, Ustaz Abdul Ghani Samsudin ke Turki 5 Oktober lalu.

Beliau sempat merakamkan foto kenangan dengan Pengerusi Kesatuan Ulamak Sedunia, Dr Yusuf Al-Qaradawi selepas berakhirnya mesyuarat kesatuan itu di Istanbul, Turkey, 5 Oktober lalu.

Abdul Ghani merupakan Ahli Pemegang Amanah Kesatuan Ulamak Sedunia sejak 2010.



Ustaz Ahmad Awang (tengah) dalam sidang ulama antarabangsa di Beirut, Lubnan.





# Tun Mahathir ziarah mangsa banjir Pulau Pinang

Oleh **ARIF ATAN**

**P**ERMATANG PAUH: Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa menyaksikan sendiri kerja-kerja pembersihan pasca banjir di Pulau Pinang oleh sukarelawan Biro Keselamatan dan Kebajikan (ARiF) Nasional.

Kunjungan Pengerusi PPBM itu di kawasan Tanjung Putus, dekat sini disambut mesra Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Bekas Perdana Menteri kemudiannya memasuki salah sebuah rumah yang sedang dibersihkan selain bertemu dengan penduduk kampung termasuk sepasang warga emas.

Penyelaras Khas Permatang Pasir, Mohd Azhar Mat Dali berpendapat kehadiran kedua-dua pemimpin itu sebagai istimewa dan bukti pemimpin Pakatan Harapan peduli rakyat.

Melangkah kawasan yang masih berlecek dan berlumpur, negarawan berusia 92 tahun itu seterusnya menaiki kenderaan untuk menuju ke pusat pemindahan banjir di Sungai Dua.

Tampil berpakaian 'bush jacket' keperangan yang lumrah menjadi identitinya, kunjungan Mahathir itu dilihat disambut mesra mangsa banjir di Dewan Muhibah, Sungai Dua.

Selain Mohamad, Datuk Saifuddin Nasution Ismail selaku Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng juga antara yang mengiringi Tun Mahathir.

Sementara itu, mengulas situasi banjir di Permatang Pasir khususnya, Azhar memberitahu sebahagian besar mangsa bah telah kembali ke kediaman masing-masing.

Menurutnya, tumpuan Pusat Khidmat adalah membantu kerja-kerja membersihkan kediaman mangsa dengan kekuatan seramai 40 sukarelawan ARiF.

Lokasi terlibat sekitar Permatang Nibong, Kampung Sama Gagah, Taman Desa Murni, Sungai Dua, Kampung Sungai Sintok, Tanjung Putus dan Kampung Permatang Pasir.

"Saya juga berkesempatan meninjau rumah salah seorang penduduk di Tanjung Putus yang sebahagian bumbungnya rosak diterbangkan angin. Insyallah kami akan usahakan untuk membantu keluarga tersebut.

"Terima kasih juga kepada mereka yang



Tun Mahathir bertanya khabar seorang warga emas mangsa banjir di Sungai Dua.

sudi menghulur bantuan dan sumbangan kepada Pusat Operasi Banjir KADUN Permatang Pasir," kata Azhar dipetik dari Facebook AMANAH Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, ujarnya sumbangan berterusan daripada orang ramai masih diperlukan bagi membantu mangsa banjir di kawasan terjejas.

## Video 'edisi kanto' pemimpin Pas berbohong di masjid tular

**KUALA LUMPUR:** Video kuliah seorang pemimpin Pas Selangor, Dasuki Abdul Rani kononnya banjir di Pulau Pinang telah mengakibatkan tujuh mati sedangkan banjir besar di Kelantan pada 2014 tidak meragut nyawa menjadi tular di media sosial.

Video 'edisi kanto' itu mempertikaikan dakwaan Dasuki yang terkenal dengan kisah-kisah kuburnya di radio Ikim.fm kerana sekurang-kurangnya sembilan kematian dicatatkan semasa banjir besar di Kelantan.

Akibatnya Dasuki terpaksa mem-

buat pembetulan melalui akaun facebooknya.

"Pembetulan fakta, berlaku juga kematian dalam banjir di Kelantan," tulis Dasuki selepas video 'edisi kanto' beliau itu diviralkan.

Dalam klip video 1.03 minit bertajuk 'Edisi Kanto' itu, Dasuki

didapati berbohong dalam kuliahnya di sebuah masjid.

Dalam kuliah itu, beliau turut menyelar pemimpin Pulau Pinang yang menganjurkan Oktober Fest dan menyindir 'Ini bukan negeri Taliban' yang sebelum ini dibangkitkan Sultan Johor.

"Buat Oktober Fest. Buat berlagak dengan minum arak. Kita bukan negara Taliban," kata Dasuki dalam kuliah itu.

"Ni kalau cakap macam ini kalau tak kena gaya masuk penjara kita," tambah penceramah kisah kubur itu.



**BERSAMA TOKOH ULAMA...** Timbalan Penasihat Umum AMANAH yang juga Ahli Jawatankuasa Kesatuan Ulama Sedunia, Ustaz Abdul Ghani Samsudin merakam kenangan bersama Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia, Dr Yusuf Al-Qaradawi selepas berakHIRnya mesyuarat kesatuan itu di Istanbul, Turki, 5 Oktober lalu. Ustaz Abdul Ghani juga dilantik Ahli Pemegang Amanah Kesatuan Ulama Sedunia sejak 2010.

## Rawatan terbaik untuk Anwar, janji TPM

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan bahawa Ketua Umum Pakatan Harapan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menghadapi masalah kesihatan diberikan rawatan terbaik.

"Saya ingin nyatakan bahawa rawatan yang terbaik daripada doktor pakar yang sesuai dan 'post operation' atau rawatan pasca pembedahan akan diberikan kepada beliau dan kita tentunya mendoakan agar selepas rawatan ini beliau akan segera sembuh.

"Kita berharap pegawai-pegawai perubatan Kementerian Kesihatan

dapat memberikan rawatan yang terbaik dan pasca rawatan yang terbaik juga," katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 peringkat dasar bagi Kementerian Dalam Negeri, di Dewan Rakyat, 8 Nov lalu.

Jawapan Ahmad Zahid disambut baik anak mantan Timbalan Perdana Menteri itu, Nurul Izzah Anwar (Keadilan-Lembah Pantai) yang mencelah penggulungan.

Nurul Izzah mengucapkan terima kasih dan turut memohon jaminan keselamatan terhadap banduan di penjara susulan kemalangan jalan raya yang menimpa Anwar baru-baru ini.

Mengenai kemalangan itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, siasatan sedang dilakukan dan tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak sekiranya kejadian itu didapati disengajakan.

Pada 7 Nov, satu sidang media diadakan di rumah keluarga Anwar yang memaklumkan Ketua Umum Keadilan itu akan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menjalani pembedahan pada 12 Nov bagi merawat kecederaan di bahu kanan beliau yang semakin teruk kesan kemalangan melibatkan kenderaan Jabatan Penjara yang dinaikinya pada 22 September lalu.

## Peguam Negara masih siasat video tular Ketua Pengarah SPRM

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meminta semua pihak memberi peluang kepada Jabatan Peguam Negara menyasat kes video yang dikaitkan dengan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkipli Ahmad.

Ahmad Zahid juga meminta agar mereka berlapang dada dan menghentikan sebarang perbuatan 'pembunuhan karakter' Dzulkipli dan memberinya peluang untuk menjalankan tugas.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, video yang viral di internet dan media sosial itu masih disiasat dan belum

pasti kesahihannya.

Ahmad Zahid menjawab soalan tambahan Gobind Singh Deo (DAP-Puchong) sama ada siasatan akan dilakukan terhadap Dzulkipli susulan penulatan video itu, ketika menggulung perbahasan Bajet 2018 bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Dewan Rakyat, 8 Nov lalu.



## Minda Pengarang

# Banjir: Kemanusiaan mengatasi segalanya

Banjir besar yang melanda Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya, memang banyak menimpakan kerosakan, namun jika kita merenung jauh, tentu kita sampai pada kesimpulan bahawa nilai kemanusiaan mengatasi segalanya.

Semua pihak, walau berlainan fahaman politik, NGO dan individu, semuanya datang membantu mangsa banjir itu. Bantuan yang datang membuktikan bahawa kemanusiaan adalah segalanya. Ia mengalahkan kepentingan politik, emosi, kebencian dan pelbagai lagi.

Pelbagai parti politik, kerajaan negeri dan hampir semua lapisan masyarakat datang membantu bukan saja dengan wang ringgit, tenaga dan segalanya, tetapi juga segala peralatan yang diperlukan, di samping tenaga yang begitu ramai.

Antara yang sangat mengharukan ialah kesediaan pihak berkuasa sebuah surau di Pulau Pinang membenarkan beberapa orang mangsa banjir non-Muslim untuk menumpang sementara di tengah banjir besar itu. Ini suatu contoh akan sikap yang sangat mulia.

Sementara itu, sebaik-baik saja mendapat maklumat mengenai musibah banjir yang melanda Pulau Pinang, Parti Amanah Negara (AMANAH) dengan segera mengerahkan tenaga ahlinya daripada semua peringkat untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir yang terlibat.

Sejak banjir besar itu, pimpinan AMANAH daripada pelbagai peringkat dan negeri telah turun padang bagi menghulurkan bantuan, diketuai oleh Naib Preiden dan Pengerusi AMANAH Pulau Pinang, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, Pengerusi AMANAH Perak, Asmuni Awi, Ketua Pemuda AMANAH, Sany Hamzan, Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Asmirul Anuar Aris serta pimpinan pemuda dari beberapa buah negeri di utara.

Kini ribuan sukarelawan AMANAH

sedang membantu mangsa banjir itu, di samping sukarelawan dari parti politik lain dan NGO serta individu. Mereka datang membantu bersama dengan bantuan wang, makanan, pakaian dan pelbagai barangan lain. Kini sukarelawan bertungkus-lumus membersihkan rumah mangsa banjir itu serta bangunan lain.

Misalnya, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil bersama Pemuda AMANAH Perak berada di sekitar Kampung Permatang Rawa dan Kampung Petani dalam kawasan parlimen Permatang Pauh. Mereka bukan saja menghulurkan bantuan dengan menyampaikan makanan dan minuman, barangan lain, tetapi juga membantu untuk memindahkan mangsa banjir ke tempat pemindahan.

Beribu-ribu ahli AMANAH antara sukarelawan yang telah bergerak dalam pelbagai kumpulan bagi membantu semua mangsa banjir yang terlibat. Menurut Dr Mujahid, kebanyakan mangsa yang ditemui amat berterima kasih dengan kehadiran AMANAH dan semua pihak yang datang membantu..

Menurut beliau, kawasan banjir yang agak besar pada kali ini memerlukan komitmen dan sokongan oleh semua pihak. Sehubungan itu jugalah, katanya, pelbagai bentuk bantuan segera sebaik saja berlakunya banjir turut disalurkan oleh AMANAH serta komponen Pakatan Harapan dan juga pihak lain.

Kerja membersihkan banjir besar ini sudah tentu memakan masa yang lama, di mana kerosakan akibatnya sangat besar. Justeru, bantuan berterusan sangat diperlukan dan para sukarelawan dari pelbagai pihak amat dinanti.

Bagaimanapun, dapat disimpulkan, bahawa banjir besar di Pulau Pinang ini mempunyai erti yang sangat besar, bahawa kemanusiaan mengatasi segalanya.

# Antara pasrah dan pantas (Siri 7)

**D**ALAM penggunaan bahasa Melayu hari ini bolehlah diterima *Rab* atau *Ilah* sebagai Tuhan. Di mana dengan kedua-dua kalimah *Rab* dan *Ilah* ini kita percaya, beriman dan memperakuihnya di atas perintah "*qul*" sebagai:

- *Huwa Allahu Ahad* dengan maksud Dia Allah Yang Esa.
- *Allahu As-Samad* dengan maksud Allah Yang Kita Mohon Pertolongan.

Juga kita diperintah berlindung dengan-Nya di atas perintah "*qul 'a'zu bi*":

- *Rab Al-Falaq* dengan maksud Dialah *Rab* yang menguasai subuh.
- *Rab An-Nas* maksud Dialah *Rab* kepada seluruh manusia.
- *Malik An-Nas* maksud Dialah Raja kepada seluruh manusia.
- *Ilah An-Nas* maksud Dialah *Ilah* kepada seluruh manusia.

Perlu juga diingat antara surah awal bahkan surah pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. lengkap sebagai satu surah adalah Surah Al-Fatihah. Dimulakan dengan nama Allah, *Ar-Rahman Ar-Rahim* seterusnya dipertegas pula dengan *tahmid - Alhamdulillah*, Surah Al-Fatihah mengulang sekali lagi memperkenalkan Allah sebagai *Ar-Rahman* dan *Ar-Rahim*.

Ditambah kalimah *Malik Yaum Ad-Din* yang boleh dijaharkan sama ada sebagai Raja pada Hari Pembalasan seperti *Malik An-Nas* dengan maksud Raja kepada seluruh manusia. Juga boleh dijaharkan bacaannya sebagai Pemilik Hari Pebalasan. Bahkan Surah Al-Fatihah seawal itu lagi telah membawa konsep *Rab* yang menjadikan sepenuhnya, seluruhnya, selengkapnya dan paling merangkul ciptaan-Nya, iaitu *Rab Al-Alamin* atau boleh ditulis dalam Bahasa Melayu sebagai *Rabbul Alamin*.

Perintah "*qul*" dan "*qul 'a'zu bi*" yang terkandung dari tiga surah akhir dalam Al-Quran dan juga merupakan surah-surah Makkiyah. Dimana ayat-ayat ini bertujuan untuk mengukuhkan *ikhtiqad* dan aqidah orang-orang yang beriman. Demikian juga mereka adalah golongan yang dipilih untuk menerajui perubahan serta pembaharuan. Di mana teras kepada perubahan dan pemba-



## Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II

**SAARI SUNGIB**

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

haruan ini adalah berpijak di atas landasan aqidah salimah.

Sebab itulah dalam wacana pencerahan ini saya memilih konsep aqidah yang berpaksikan kepada *Tauhid Rububiyah* dan *Tauhid Uluhiyah* kerana terbukti jelas dari wahyu terawal yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. dan kemudiannya daripada Rasulullah s.a.w. kepada para sahabahnya adalah demikian itulah kaedah dan manhaj yang telah ditunjukkan oleh Allah kepada Rasul-Nya s.a.w.

Kita telah sama-sama wacanakan bagaimana Allah memperkenalkan Diri-Nya kepada kita. Suatu yang original! Asli dan tulen.

Bagi kita kesimpulannya adalah: Kalimah *Rab* ditanzulkan sebagai satu tuntutan penghayatan yang mencetus ketulusan serta menjuruskan kepasrahan terhadap segala tuntutan *Tauhid Rububiyah*.

- *Tauhid Rububiyah* adalah pasrah dalam keimanan.
- *Tauhid Uluhiyah* adalah pantas dalam kepatuhan.

Saya percaya, seseorang mukmin yang cerah qalburnya dan celik akal budinya dapat dengan mudah memahami kesimpulan di atas.

Jika saya cadangkan orang yang terbaik di dalam ummah ini yang paling pasrah dalam keimanan dan paling pantas dalam kepatuhan adalah Abu Bakr As-Siddiq, saya percaya semua di kalangan kita pada ketika ini tanpa sedikit pun lagi perlu kepada penjelasan tambahan akan faham apakah maksud kesimpulan di atas. Di situlah kita lihat sebagaimana surah-surah awal iaitu *Al-Alaq*, *Al-Muzzammil* dan *Al-Muddath-thir* memperkenalkan Allah sebagai *Rab*, *Rab Al-Masyrik wa Al-Maghrib* dan

“

**...Kalimah *Rab* ditanzulkan sebagai satu tuntutan penghayatan yang mencetus ketulusan serta menjuruskan kepasrahan terhadap segala tuntutan *Tauhid Rububiyah*.**

Manakala kalimah *Ilah* dizahirkan sejelas dan sepantas mungkin sebagai satu kepatuhan dan ketaatan terhadap segala tuntutan *Tauhid Uluhiyah*.

Jika apa yang dinyatakan di atas itu benar, bolehkah kita simpulkan wacana kita seperti ini:

*Ilah*, maka di peringat awal seterusnya dengan surah-surah Al-Makkiyah iaitu Al-Ikhlash, Al-Falah dan An-Nas memperkenalkan Allah sebagai Ahad, As-Samad, Rab Al-Falaq, Rab An-Nas, Malik An-Nas dan Ilah An-Nas.





# Sapno 'selamatkan' imej Islam

**A**ntara tajuk debat yang paling diminati ketika zaman sekolah saya adalah, sama ada hakiki kemanusiaan itu baik ataupun jahat.

Pihak pencadang mengemukakan hujah bahawa manusia cenderung untuk berbuat baik. Belas kasihan zahir dari hatinya, lantas manusia menitiskan air mata apabila melihat kesengsaraan yang ditanggung mahluk lain. Jikalau pilihan terpaksa dibuat antara yang baik dengan yang buruk, manusia akan memilih yang baik.

Namun pihak pembangkang akan menyanggah, bahawa manusia itu mementingkan diri. Jikapun berbuat baik, ia semestinya bertujuan agar dirinya dibalas baik. Seandainya perbuatan baik itu boleh mengundang malapetaka terhadap dirinya, maka manusia akan memilih untuk tidak berbuat baik. Justeru, perbuatan baik itu sebenarnya untuk dirinya dilihat dan dibalas baik.

Perdebatan ini tidak berpengaruh. Maklumlah, tujuan perbahasan adalah mengasah kemampuan pendebat untuk berfikir dan mengolah hujahnya. Apakah hakiki kemanusiaan itu menjadi baik jikalau pihak pencadang menang, atau berubah menjadi jahat andainya pembangkang menang? Semestinya tidak.

Namun perdebatan terus



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

berlaku dalam hidup kita, dengan tajuk dan isu yang berbeza-beza. Antaranya, agama Islam juga sering diperdebatkan. Pencadang akan memetik ayat dalam kitab Quran untuk membuktikan keindahan agama ini; sementara mereka yang menyimpan prejudis, akan mengambil contoh perwatakan sesetengah Muslim yang mencalar imej Islam.

Apabila kita membincangkan imej Islam, maka ia soal persepsi. Wajah Islam yang ditampilkan bergantung kepada Muslim yang mencorakkannya. Tidak cukup sekadar memetik ayat dalam Quran untuk membuktikan bahawa Islam adalah agama yang membawa keamanan, tetapi perlu disusuli dengan tekad masyarakat Muslim untuk mendukung keamanan dan menolak keganasan.

Saya sendiri berdepan dengan masalah ini ketika cuba meyakinkan non-Muslim yang meny-

impan syak-wasangka terhadap Islam. Mereka yang menuduh bahawa Islam itu agama penganas, akan mencabar, berapa ramai Muslim yang tampil untuk menentang keganasan oleh ISIS? Mengapa penganut agama yang kononnya cintakan keamanan dan kedamaian, berdiam diri apabila keganasan itu dilakukan oleh ISIS yang menggunakan nama Islam?

Pada pengamatan saya, hujah ini boleh mempengaruhi golongan atas pagar untuk bersikap sangsi terhadap Islam. Saya menolak pandangan bahawa Islam itu agama penganas, tetapi saya bermasalah untuk meyakinkan golongan non-Muslim atas pagar, agar bersetuju dengan pandangan saya. Dan ia sememangnya di luar kemampuan saya untuk mencorakkan wajah Islam, kerana saya bukan seorang Muslim.

Dalam konteks ini, saya menghargai apa yang dilakukan oleh Sapno Tukijo, bilal surau Taman Free School ketika air bah melanda. Sapno mengundang mangsa banjir non-Muslim untuk menumpang di surau ketika air sudah mencecah paras dada di kawasan itu. Sapno sedar bahawa tindakan dirinya bakal mengundang kecaman dan kritikan daripada sesetengah umat Muslimnya, tetapi "berasa lebih bersalah sekiranya melihat mereka tanpa

arah tujuan atau lebih buruk dihayut arus deras."

Malang tidak berbau. Air bah datang secara tiba-tiba, dan Sapno terpaksa membuat keputusan pada detik saat yang genting. Sesungguhnya, tindakan membantu mangsa bencana adalah amalan baik. Namun amalan ini berkemungkinan menjejaskan kepentingan diri Sapno, kerana beliau boleh dipertikaikan. Akhirnya, Sapno memilih untuk berbuat baik, sungguhpun tindakannya boleh mengundang malapetaka terhadap dirinya.

Sapno telah membuktikan bahawa hakiki kemanusiaan adalah baik. Lebih-lebih lagi, sebagai seorang bilal dalam surau, Sapno telah menampilkan imej Islam yang baik kepada khalayak Muslim dan bukan Muslim. Tidak usah kita memetik ayat kitab, atau kenyataan Yusof al-Qaradawi, untuk menyanggah prejudis terhadap Islam. Tindakan Sapno itu sendiri, telah mencorakkan keindahan Islam.

Hakikatnya, wajah Islam dicorakkan semua Muslim, sebagaimana kita semua memainkan peranan untuk menentukan, sama ada hakiki kemanusiaan itu baik atau jahat. Sudah tentu ada Muslim yang melakukan kejahatan, tetapi ia boleh diperbetulkan seandainya lebih Muslim tampil untuk menyanggah perbuatan atau

kenyataan itu.

Begitu juga, sudah tentu ada manusia yang jahat dalam dunia ini, tetapi semua manusia bertanggungjawab untuk memperbetulkannya. Itu sebab penentangan berlaku di setiap pelosok dunia, menolak rasuah, kezaliman, diskriminasi, ketidakadilan dan sebagainya. Ada kalanya gerakan itu menang, dan kebanyakan manusia berakhir dengan kekalahan.

Persoalannya, manusialah jawapan kepada kemanusiaan, umat Muslimlah wajah kepada Islam. Adalah tanggungjawab untuk manusia yang baik, bangkit menentang kejahatan yang menodai kemanusiaan. Juga, adalah tanggungjawab untuk Muslim yang baik, tampil menentukan wajah sebenar Islam.

Sesungguhnya, tindakan lebih lantang daripada kenyataan. Tahniyah sekali kepada Sapno Tukijo, susuk yang telah memenangi hati non-Muslim ketika kita air bah menimpa. Tindakannya menghangatkan hati tatkala kita diserang kesejukan ribut. Dari kaca mata Muslim, Sapno Tukijo telah menyelamatkan kira-kira 70 nyawa non-Muslim; tetapi dari kaca mata non-Muslim pula, Sapno Tukijo telah "menyelamatkan" imej Islam, yang diburuk-burukkan untuk sekian lama.

## Walaupun sukar tahaluf siasi perlu dilaksanakan

**BETAPAPUN** sukarnya untuk melaksanakan tahaluf siasi, atau persepakatan politik, lebih-lebih lagi usaha untuk mengekalkannya, tetapi ia mesti diteruskan juga.

Memang disedari, kesukaran melaksanakannya, antaranya, ialah dalam suasana sedang berleluasanya gejala perkauman dan ekstremisme agama yang menghambat segala usaha keterbukaan, merongkai kasih sayang, timbangrasa dan segalanya.

Lebih-lebih lagi sesetengah antara kita masih membelai fahaman feudal, yang antara lain, sukar untuk menyingkirkan pimpinan yang berkuasa, betapa pun buruknya. Tetapi halangan ini semua mesti dihadapi, justeru, walau dalam apa keadaan pun, tahaluf siasi perlu diteruskan.

Ini saya terkesan ketika mengikuti Wacana Nunji 17, Tahaluf Siasi Perspektif Malaysia di Bangi minggu lalu.

Memang tepat apa yang dikatakan oleh Ustaz Zolkhar-nain Abidin, Pengarah Hal Ehwal



Syariah AMANAH, apabila beliau memberi contoh bagaimana getirnya perjuangan Rasulullah s.a.w. untuk menegakkan keadilan, merobah suasana jahiliah yang berkabilah-kabilah, kezaliman, kehidupan yang tidak padu dan pelbagai halangan kepada perpaduan untuk menegakkan keadilan di bawah naungan Islam.

Oleh itu, kata Ustaz Zolkhar-nain, tahaluf siasi perlu diteruskan betapa pun sukarnya. Maka itu, seperti kata Datuk Dr Muja-hid Yusuf Rawa, dalam ucapan perasmian, rundingan demi rundingan dengan semua pihak yang terlibat,

perlu diadakan berterusan dengan semangat dan fikiran terbuka, tolak ansur dan sebagainya.

Sebelum itu, wacana tersebut, diisi dengan pembentangan buku Tahaluf Siasi oleh Ustaz Alias

Othman yang mengupas secara akademik akan Tahaluf Siasi Dari Perspektif Maqasid Syariah dan Siasah Syariah. Buku tersebut boleh menjadi rujukan kepada perbahasan untuk mengetahui dengan mendalam mengenai persoalan ini.

Sementara itu, dalam acara forum di Wacana Nunji 17 itu, Dr Dzulkefly Ahmad, Pengarah Strategi AMANAH telah menghuraikan dengan jelas kepentingan tahaluf siasi untuk menentang kezaliman yang berlaku di negara ini sejak puluhan tahun oleh parti yang memerintah,

Kezaliman ini, kata Dr Dzul, perlu diakhiri dalam PRU14 dengan kekuatan tahaluf siasi dalam Pakatan Harapan. Hal ini juga disuarakan oleh Ustaz Zolkhar-nain. Kedua-dua tokoh ilmu ini mengambil contoh dari seeraah Nabi s.a.w. terutamanya pembentukan Piagam Madinah, Perjanjian Hudaibiyah, peristiwa lagi yang bersejarah. Semuanya membuktikan kejayaan konsep tahaluf siasi

yang dipelopori oleh Nabi s.a.w.

Kini, tidak lama lagi PRU14 akan tiba. Tentunya Pakatan Harapan sedang memperkukuh ikatan persepahaman politik antara komponennya. Oleh itu tahaluf siasi bukan saja perlu diperkukuh sebelum PRU14, tapi juga selepasnya. Lebih-lebih lagi jika Pakatan Harapan memenangnya. Ini supaya ikatan politik itu terus kukuh selepasnya.

Pengalaman pahit kegagalan ikatan politik dalam Pakatan Rakyat dulu itu perlu menjadi *ibrah* (teladan) supaya tahaluf siasi tidak menemui kegagalan lagi. Asasnya ialah amanah dan teguh memegang janji, bersikap terbuka dan toleransi di antara komponen. Di samping itu rundingan demi rundingan perlu diteruskan kerana tahaluf siasi itu bersifat dinamik.

Konsep tahaluf siasi ini pula perlu diberikan kefahaman meluas kepada rakyat pelbagai kaum dan agama supaya mereka menghayati keperluannya. Ia menggambarkan keluasaan daan

keluasan Islam sebagai Rahmat Seluruh Alam.

Dengan itu program Nunji perlu diadakan berterusan di seluruh negara. Tahniyah kepada penganjuranya. Nunji17 telah merumuskan resolusi:

- Menyebar dan menyuburkan tahaluf siasi yang menjadikan kepelbagaian dalam masyarakat bagi menegakkan keadilan untuk semua lapisan masyarakat dan menentang kezaliman.

- Memperkasa tahaluf siasi untuk menggarap kekuatan dan keupayaan dalam membangun kehidupan semua lapisan masyarakat untuk membawa kesejahteraan dan kemajuan.

- Menggembelngkan kebolehan, kemahiran, dan kepakaran untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti yang tinggi melalui agenda masyarakat dan negara dalam ikatan tahaluf siasi.

- Merencanakan agenda tahaluf siasi dengan gerakan membanteras gejala yang merosakkan masyarakat dan negara.



# Merawat luka amanat Banggol Peradong



**D**alam bahagian pertama wawancara bersama Pengerusi AMANAH Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, beliau menjelaskan tentang masalah ekonomi dan pentadbiran yang dihadapi negeri Terengganu di bawah pentadbiran BN dan tawaran Pakatan Harapan bagi meningkatkan tadbir urus dan ekonomi negeri. Bahagian kedua wawancara ini menyentuh tentang budaya takfiri yang masih wujud di negeri itu hasil 'Amanat Haji Hadi' dan potensi Pakatan Harapan untuk melakukan perubahan politik di Terengganu.

**Datuk sering membangkitkan tentang masalah ekstremisme agama di kalangan masyarakat khususnya fahaman takfiri yang semakin menular. Apakah kaedah terbaik untuk mengatasi fenomena ini?**

Budaya takfiri adalah masalah besar yang kita hadapi masa kini. Kita selalu dengar masalah perkauman dan agama yang menyentuh hubungan antara kaum, namun budaya takfiri ini membabitkan sesama Islam dan ia bermula di Terengganu.

Budaya ini sudah lama bertapak dalam masyarakat kita, namun kini ia sudah merebak ke tempat-tempat lain. Di utara Semenanjung, Kedah misalnya, sudah ada imam-imam dan guru-guru agama misalnya secara terbuka menghalalkan darah sesama Islam. Budaya takfiri ini bermula di Banggol Peradong (Kuala Nerus) dengan 'Amanat Haji Hadi' pada April 1981.

Ini sebenarnya masalah pokok yang kita hadapi, perpecahan di kalangan umat Islam bermula di Banggol Peradong, kerana fahaman politik Islam yang amat keras, amat eksklusif dan bukannya inklusif.

AMANAH amat jauh berbeza dari segi pendekatan dan nilai Islam yang kita bawa. AMANAH selalu tekankan konsep Islam rahmatan lil 'alamin (Islam rahmat bagi sekalian alam). Bermakna kita lebih inklusif. Kita bukan sahaja bercakap tentang orang bukan Islam, malah sesama Islam sekalipun kita tidak boleh melabelkan mana-mana pihak yang tidak sependapat dengan kita sebagai kafir, munafik, Islam liberal dan sebagainya.

AMANAH mengambil pendekatan yang jauh lebih sederhana dengan mendekati semua golongan termasuk yang muda dan tua, kerana kita rasa inilah Islam yang dipelopori oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dan nilai ini jugalah yang telah dilaksanakan oleh (bekas Mursyid Am Pas) Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Inilah pendekatan yang AMANAH akan terus ketengahkan kepada masyarakat khususnya di Terengganu.

Saya rasa orang Terengganu hari ini sudah bosan dan penat dengan politik berpuak-puak. Saya tidak bercakap tentang agama dan bangsa lain. Saya bercakap tentang orang Melayu. Kesan 'Amanat Haji Hadi' di Banggol Peradong telah memecahbelahkan orang Melayu. Mereka tidak lagi menziarahi antara satu sama lain hanya kerana perbezaan fahaman politik yang dikaitkan dengan pegangan agama mengikut kefahaman mereka. Dari sinilah timbul budaya kafir mengkafir. Sehingga hari ini masih ada... di Besut, di Kuala Terengganu... masjid berasingan, sembahyang Jumaat berasingan.

Kenduri kendar, sembelihan orang Umno tak boleh makan, nikah kahwin jika imam bukan daripada parti Pas tak sah, kena nikah sekali lagi, cerai berai pun ada, kenduri kendar berasingan, sembahyang berasingan, kubur berasingan. Masih ada sehingga hari ini. Jadi adakah ini satu budaya yang ingin kita teruskan.

Inilah antara perkara yang akan AMANAH beri perhatian. Kita akan beri penerangan dan penjelasan. Kami sering dituduh liberal dan sebagainya. Kami bukan liberal, kita hanya mengetengahkan konsep Islam yang lebih tolerans, inklusif dan mengamalkan pendekatan yang lebih halus, tidak keras, cara memujuk, cara Tuan Guru Nik Aziz.

Kenapa Pas hanya boleh memerintah Terengganu dan Kedah satu penggal tapi boleh perintah Kelantan lebih 20 tahun? Bezanya kerana Nik Aziz Nik Mat. Bukan kerana orangnya tetapi pendekatannya. Politik dan Islam yang lebih inklusif, itu bezanya.

Sekarang kita boleh tengok, kalau dulu perkara-perkara negatif ini kita hanya boleh lihat di Terengganu, sekarang dah merebak ke negeri lain. Ustaz Zamihan (Mat Zain) contohnya dengan kenyataannya yang macam-macam. Mufti Pahang misalnya yang keluar kenyataan "DAP kafir harbi". Daripada kafir mengkafir sesama sendiri sudah mengkafirkan DAP pula. Dia mufti.

Di mana peranan Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)? Jakim tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap kenyataan 'kafir harbi' yang dikeluarkan Mufti Pahang. (Tan Sri) Harussani Zakaria, Mufti Perak juga sering keluar kenyataan yang keras-keras. Zamihan juga bukan pertama kali keluar kenyataan yang bukan-bukan. Saya percaya jika beliau (Zamihan) tidak keluar kenyataan yang menyentuh tubuh badan Sultan Johor, tiada tindakan diambil. Apabila Sultan Johor mengambil tindakan, Sultan Selangor juga ambil tindakan, baru Jakim nak bertindak. Saya menyokong tindakan yang diambil oleh baginda berdua.

Ada pihak yang mesti bertindak memperbetulkan keadaan ini. Dan kita perlu menjunjung kasih kepada Raja-raja Melayu kerana mengambil inisiatif ini dan sedar kerajaan hari ini tidak memainkan peranan mereka.

Kita mesti balik ke asas (punca) masalah. Adakah 'Amanat Haji Hadi' yang dikeluarkan di Banggol Peradong sudah ditarik balik? Jika tidak ditarik balik, bagaimana Pas dan Umno boleh begitu akrab hari ini? Amanat itu tidak ditarik balik, tapi mereka boleh bersekongkol dalam banyak aspek.

Inilah salah satu sebab orang Pas mula mendekati kita (AMANAH). Kita tidak payah buat kempen agresif untuk jelaskan apa yang berlaku.

Alhamdulillah, kesedaran dalam diri sendiri (self actualization) lebih berkesan, masuk ke lubuk hati mereka. Mereka menyoal sendiri.

Apabila saya berkunjung ke Pasar Payang, ada yang datang bertanya, "Tengku... kenapa (Pas) jadi begini?" Apabila mereka bertanya, kemusykilan itu sudah wujud dan kita hanya perlu beri penjelasan.

Saya rasa orang Pas, orang Terengganu sudah mula musykil, 'serabut' dan bosan dengan perpecahan yang berlaku. Dan kita mengambil keputusan keluar daripada Pas bukan kerana ingin berpecah dan tidak boleh bekerjasama, tetapi budaya takfiri (yang menular dalam Pas) bukan nilai sebenar Islam yang kita perjuangkan.

Sehubungan itu, budaya takfiri ini perlu dibendung. Kerajaan nampaknya tidak berbuat apa-apa. Sekarang ini Umno kononnya ingin menjadi lebih Islamik dan Pas ingin menjadi lebih Melayu. Ini satu kombinasi yang amat bahaya untuk kepentingan politik semata-mata.

**Rakyat sangat dahagakan perubahan terutama di Terengganu khususnya. Mereka telah melihat banyak perubahan yang berlaku terhadap sikap pemimpin Umno dan Pas. Dua parti tradisi ini tidak lagi mampu menjadi wakil yang dihajatkan rakyat. Mereka tidak 'keep in touch' dengan isu-isu semasa.**

**Sebagai Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Terengganu, apakah potensi PH untuk membuat perubahan politik di Terengganu?**

Alhamdulillah... saya lihat benih-benih untuk buat perubahan yang besar di Terengganu sudah ada. Terengganu bukanlah negeri yang mustahil untuk perubahan yang besar dan drastik berlaku.

Kita dapat lihat dari segi sejarah yang berlaku pada 1959 dan 2004 (apabila Pas dan BN membentuk kerajaan). Kalau itu boleh berlaku, saya rasa tidak mustahil ia boleh berulang lagi. Apa yang penting, pihak pembangkang (PH) perlu lebih bersatu dan bersepakat melaksanakan program dan sebagainya bagi membina kepercayaan rakyat.

Rakyat sangat dahagakan perubahan terutama di Terengganu khususnya. Mereka telah melihat banyak perubahan yang berlaku terhadap sikap pemimpin Umno dan Pas. Dua parti tradisi ini tidak lagi mampu menjadi wakil yang dihajatkan rakyat. Mereka tidak 'keep in touch' dengan isu-isu semasa.

Contohnya, Pas kata mereka pembangkang tetapi sering berkecuali dalam sidang parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun). Di parlimen dalam beberapa isu, Pas berkecuali. Nak jaga hati Umno. Rakyat susah, rakyat menderita tidak kisah sebab nak jaga hati Umno. Mahu kerjasama... kerjasama apa? Tapi masih memanggil diri mereka parti pembangkang.

Di Terengganu ada dua isu utama. Apabila bekas Menteri Besar Datuk Ahmad Said mengemukakan usul undi tidak percaya kepada (Menteri Besar) Datuk Ahmad Razif, kenapa Pas

tidak sokong? Pada sidang paginya macam nak sokong, selepas makan tengahari tidak jadi (sokong). Jika mereka betul-betul nak ambil alih pentadbiran negeri, mengapa tidak sokong? Ini menunjukkan mereka mempunyai kerjasama yang tersembunyi dengan Umno.

Keduanya berhubung isu pemilikan tanah Melayu. Dalam sidang Dun Terengganu diluluskan akta baru tentang pemilikan tanah Melayu. Akta baru ini membolehkan tanah rizab Melayu dimiliki oleh Badan Perhubungan Umno Terengganu. Tidak ada negeri lain di Malaysia yang luluskan akta sebegini. Tidak seorang pun Adun Pas yang bangun membantah apabila akta ini dibentangkan tahun lepas.

Bagaimana sebuah parti politik boleh memiliki tanah rizab Melayu? Saya bagi satu senario. Kalau nak luluskan pemilikan tanah mesti melalui

Exco. Siapakah ahli Exco? Semuanya ahli Umno. Macam mana ahli Exco Umno nak luluskan tanah kepada Badan Perhubungan Umno Terengganu? Sudah ada percanggahan kepentingan (conflict of interest).

Kedua, ini adalah satu 'precedent' (kes duluan) yang amat merbahaya. Adakah ahli Umno semestinya 'orang Melayu'. Di Sabah orang Umno tidak semestinya Melayu. Jadi macam mana Pas kata nak jaga kepentingan orang Melayu. Ini bukan soal perkauman, tetapi isu berkaitan tanah rizab orang Melayu.

Sebelum daripada ini pun sudah timbul masalah. Apabila tanah rizab Melayu hendak diubah syarat kepada pegangan bebas (freehold), ia perlu diganti balik dengan keluasan yang sama. Tetapi gantian ini tidak dibuat. Akhirnya tanah rizab Melayu makin berkurangan. Saya tanya di parlimen (tentang jumlah tanah rizab Melayu), kerajaan tidak boleh jawab.

Oleh itu tanah rizab Melayu makin terancam.

Kita mempunyai satu tanggung jawab yang berat untuk buat perubahan dan pembaikan. Saya percaya, Insya Allah PH Terengganu ada potensi yang besar untuk melakukan perubahan ini. Terlalu banyak Umno dan Pas telah menyimpang dalam soal memperjuangkan hak orang Melayu. Sekarang ini kita lihat Pas hanya mengiyakan apa yang dibuat Umno di Parlimen dan Dun.

Saya yakin PH mempunyai peluang yang cerah dan menjadi pilihan baru rakyat. Umno sudah 45 tahun dan Pas pernah satu penggal memerintah, tiada perubahan yang signifikan berlaku di Terengganu.






# ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX JEMAAH 1 FREE**  
\*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

**HARGA DARI RM4,900 (11h/09m)**

UMRAH MUSIM BIASA

CUTI SEKOLAH

**HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)**

**www.alfajrtraveltours.com**

## AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22  
(17-18 MAC 2017)  
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :  
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines  
تسمالطيران

**PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH**

## HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON  
RM2,750  
(KUL/JED/JED/KUL)

PEAK SEASON  
RM3,250  
(KUL/JED/JED/KUL)



### NOVEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
23 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,090
25 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
27 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
30 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790

### DESEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
04 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
06 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
07 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
11 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
16 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
18 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
19 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690

23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
25 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690

### JANUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
09 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
15 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
17 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
25 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,990
27 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
29 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890

### FEBRUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
05 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
08 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

### MAC (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,890
19 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,790
22 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
29 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr\_travelsb@yahoo.com.my  
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

#### KEDAH

UST FITRI /  
HJ AZIZAN  
04-4480709  
011-4066 0800 /  
013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

#### MELAKA

HJ RAZAK OMAR  
012-310 8464

#### SELANGOR

HJ NORSHAM  
011-3231 4248

#### PERAK

EN FAIZUL  
012-568 1150

#### KELANTAN

CIKGU NASIR  
013-906 5903

#### PAHANG

HJ YUSOF  
016-987 5115

#### PPINANG

UST LATIF  
019-510 0255

#### NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT  
017-327 2205

#### JOHOR

HJ KAMAR  
019-776 3300

#### SABAH

HJ AWANG ADI  
013-559 8889

#### SERAWAK

HJ IBRAHIM  
013-823 5841

#### SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN  
AMPANG MOHD ROZAIKAL  
AMPANG HJH CONNIE  
AMPANG HJH ROSNANI  
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR  
KLANG HAJAH FADILAH  
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE  
BATANG KALI USTAZ ANAS  
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT  
KLANG HJ MUSTAFAR  
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA  
BANGI HJ MOHD JAJOLI  
SHAH ALAM HJ HASSAN  
HULU KELANG HJ ROZALI  
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL  
BANGI HJH NORIBAH  
HULU SELANGOR NORAI SHAH  
SERENDAH RADZIAH MD ISA  
BENTONG HJH ROHANI  
JENGA HJH RABIAH  
KUANTAN HJH MARZIANI  
PEKAN HJ YUSUF AWANG  
TEMERLOH HJ JOHARI  
KUANTAN HJH NORMAH  
BENTONG HJ ABD MANAN  
RAUB NAIM ASHAARI  
FELDA BUKIT GCH HJH SHARIFAH

#### SARAWAK

SG LADA, SG MIRI ASLI

#### Wakil Daerah

012-640 3144  
013-364 6452  
017-881 2727  
019-258 0478  
013-607 7722  
011-3550 0815  
019-277 7070  
019-225 0189  
019-332 6002  
012-350 5437  
012-235 8640  
019-359 8423  
010-221 2962  
019-250 1210  
019-214 0248  
019-234 1922  
012-222 8958  
019-567 2254  
019-383 4588  
013-704 5848  
013-908 5969  
019-958 4003  
012-964 9730  
016-887 5115  
019-383 4588  
012-243 7490  
013-950 2585  
013-885 1234

#### SABAH

SABAH HAJI RAMLI  
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH  
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE  
IPOH MOHD ANI  
KINABATANGAN MOHD JEFRI  
KUNAK ENCIK KASMAN  
TAWAU MUHAMMAD TAUFICOURRAHMAN  
SANDAKAN ENCIK SAHAR  
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA  
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH  
ZAN BELURAN AWANG DAMIT  
TUARAN & KB MIASIN BIN MION  
BALONG HJH ROSNAH  
BOTA HJH AZIZAH  
TAUPING HJ ABDUL RAHIM  
IPOH MOHD ANI  
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG  
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD  
BAGAN DATO HAJI HAMZAH  
SEMARAK KASHPUL ANUAR  
SEGAMBAT HJH ROHANI  
DEMAN SARA HAJI ROSLEE  
KEPONG MEGAT NAJIB  
BANDAR MELAKA HJH MASTURA  
ALOR GAJAH M. NAZZER  
JASIN PN ROHANI HARUN

#### Wakil Daerah

019-589 3194  
019-883 4852  
013-556 9894  
014-504 1963  
011-5166 5530  
014-855 5863  
017-647 1594  
019-803 0104  
013-893 6806  
019-823 1419  
013-286 8839  
010-510 7871  
019-808 3885  
016-774 8965  
016-562 5140  
012-589 8965  
017-523 9308  
014-254 5221  
019-347 1575  
016-656 5803  
019-248 3420  
012-327 8401  
012-315 8613  
017-347 7612  
019-888 1474  
012-651 6003

#### KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN  
PENKALAN CHEPA, AHMAD TARMIZI  
BACHOK CIKGU NURI  
NILAM PUJI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI  
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID  
PASIR MAS HAJI ALIAS  
BAHAU UST ZUBIR  
NILAI YAHYA OTHMAN  
GEMAS RIZAL KEMIS  
TELOK KEMANG ABD RAHMAN  
RASAH AZMAL  
SEREMBAN UBAIDAH  
JELABU HJ MAZIN  
KANGAR MOHD SOLEHIN  
BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ  
AIR HITAMUTHM HJ. BAHARUDDIN  
PARIT RAJA HJ. YAHYA  
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN  
SRI GADING HJ. ABD. JALIL  
PARIT SULONG HJ. REDZUAN  
YONG PENG HJ. A. RAZAK  
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM  
SRI MEDAN HJ. RAMLI

#### Wakil Daerah

019-980 8538  
013-972 9304  
019-989 9028  
017-237 2387  
012-951 8172  
019-915 5656  
012-380 6140  
011-1096 6342  
019-604 6315  
017-385 4399  
016-685 4141  
013-381 2875  
011-1064 1046  
019-460 5016  
019-474 3732  
011-1053 0254  
013-756 3090  
017-729 2402  
011-1875 7710  
011-1519 2400  
013-770 3346  
017-716 6499  
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD  
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI  
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH  
RENGIT HJH JUNAINAH  
TKG. PECAH HJH. ARFAH  
JOHOR BAHRU HJ ROSLAN  
SRI GADING HJH. ZAHARAH  
SKUDAI EN. ABD. JALIL  
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT  
SENAI EN. ZAINUDIN  
INDAUPURA EN. AHMAD SAHRL  
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH  
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH  
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI  
PT. SALUHTKG. PECAH EN. KASRIM  
PARIT RAJA EN. MAIROP  
KULAJELU TIRAH PN. ROPINAH  
SIMPANG RENGGAM AZREEN  
KLUAH HJ. SHAMSUDIN  
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF  
MUAR HJ. WAGIMAN  
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM  
SIMPANG RENGGAM ABD WAHAB MAH  
LULU TIRAH HJ. MARJONI  
MAJIDEH HJH SUKARTINI  
PLETONG MUHAMMED ALI  
BANDAR BARU UJA PN. SITI MUTTAAH  
SETIA INDAH HASNIZAN  
PASIR RAJA EN. SULAIMAN  
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN  
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD  
PARIT RAJA MOHD ZAINOL  
PASIR GUDANG EN. MD. PALUZI  
TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI  
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

\*\*HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTA @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m) VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850+ (KAMBING).  
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing  
Tanpa Notis - Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.



# Prinsip *'fastabiqul khairat'* kunci kejayaan Selangor, kata Azmin

**DENGAN** prinsip *'fastabiqul khairat'* atau berlumba-lumba melakukan kebaikan, kerajaan negeri Selangor membentangkan Bajet 2018 dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.66 bilion dari RM3.12 bilion yang diperuntukkan.

Berdasarkan hasil yang baik, Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan bonus tiga bulan gaji untuk semua kakitangannya.

Katanya, prinsip *'fastabiqul khairat'* antara kunci kepada kerajaan Selangor berjaya menyatupadukan pemimpin dan rakyat negeri ini untuk memastikan negeri Selangor kukuh dari segi pembangunan ekonomi dan politik negeri.

Azmin ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2018 berkata, kesemua pihak sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan yang terbaik bagi kerajaan negeri Selangor.

Belanjawan kali ini memperuntukan belanja pembangunan sejumlah RM1.66 bilion dan belanja pengurusan RM1.46 bilion daripada

peruntukan sejumlah RM3.12 bilion. "Kita telah berjaya buktikan berkemampuan mengurus ekonomi dan kewangan negeri serta meletakkan belanja pembangunan sebanyak 53.2% berbanding dengan belanja mengurus 46.8%.

"Ini satu kejayaan besar walaupun peringkat awal tiga tahun lalu, ramai yang curiga sama ada kita mampu menjana ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan negeri," ujarnya pada sidang media selepas selesai membentangkan Belanjawan Selangor di Dewan Negeri Selangor 3 November lalu.



Azmin membelet nota belanjawannya sebelum ia dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.

Mohamed Azmin berkata, pelaksanaan dasar penilaian perolehan *'cut off'* dibuat secara terbuka dan sehingga hujung tahun ini, kerajaan negeri berjaya melakukan penjimatan sejumlah RM432 juta.

"Dengan penjimatan sebegini besar dan pertumbuhan yang dijana, kita dapat kemukakan satu belanjawan pembangunan yang besar pada 2018 dan kita harap semua projek ini dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan," ujarnya.

Selain itu beliau turut menegaskan inisiatif yang diperkenalkan dalam belanjawan kali ini antaranya memperkenalkan Kad Ibu Smart Selangor (KISS).

"Kita perkenalkan skim ini untuk ibu yang kurang berkemampuan

mendapat bekalan asas dan pakaian anak-anak ke sekolah," ujarnya.

Inisiatif lain diperkenalkan adalah program untuk belia yang mana kerajaan menyediakan program latihan.

"Walaupun dikalangan belia memiliki sijil dan diploma mereka tidak mendapat pekerjaan kerana pasaran kerja memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran.

"Kita sediakan peruntukan RM52 juta dan bekerjasama dengan beberapa agensi yang terbukti telah menjalankan latihan kemahiran kepada belia di Selangor untuk melahirkan lebih ramai belia berkemahiran.

"Ini antara inisiatif baharu yang kita perkenalkan selain kita meneruskan beberapa dasar dan program yang



kita jalankan di bawah inisiatif peduli rakyat," ujarnya.

Dalam bajet dibentangkan itu, kerajaan negeri akan melaksanakan satu program perdana yang dikenali sebagai Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisass Smart Selangor (IKTISASS) dengan peruntukan RM52 juta yang mewakili 51.1 peratus daripada peruntukan untuk pendidikan tinggi.

Inisiatif ini bertujuan memberi peluang kepada *millennials* (generasi melinium) menggarap latihan kemahiran bagi menjamin kebolehpasaran dengan pendapatan tinggi dan meningkatkan rantaian nilai modal insan. Belanjawan Negeri Selangor 2018

ini lebih memberikan tumpuan kepada soal kebajikan, kesihatan, pendidikan dan perumahan yang menjadi faktor penting melestarikan pertumbuhan ekonomi negeri.

Katanya lagi, urus niaga tanah bukanlah fokus utama kerajaan negeri untuk mendapatkan hasil negeri.

"Bermula Januari 2018 kita akan perkenalkan sistem percukaian petak yang diluluskan KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) di Parlimen baru-baru ini. Dengan pelaksanaannya kelak akan ada pertambahan hasil berdasarkan akta yang baharu diluluskan itu.

"Saya juga berbincang dengan rakan-rakan dalam pentadbiran agar tidak bergantung kepada pendapatan hasil tanah sahaja, kita perlu ada sumber lain," ujarnya.

Beliau turut berkata, beliau berasa beryukur kerana ada pasukan kerja yang kuat yang sentiasa meletakkan keutamaan untuk membangunkan negeri Selangor.



Azmin bersalam dengan para Adun selepas membentangkan belanjawan 2018 Selangor dibentangkan.

## Selangor penyumbang nombor satu KDNK negara

**DENGAN** menyumbang 22.7% dari jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, Selangor kini menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara, umum Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, KDNK Selangor meningkat kepada RM251.6 bilion atau 22.7% daripada KDNK negara berbanding RM240 bilion atau 22.6% bagi tahun sebelumnya.

"Dengan rekod ini *Alhamdulillah*... Selangor kekal sebagai penyumbang nombor *'wahid'* (satu) kepada KDNK Negara," ujarnya ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2018, di Dewan Negeri Selangor, Shah



Azmin menegaskan, Selangor adalah negeri yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Alam, 3 November lalu.

Katanya lagi Selangor juga

akan terus kekal menjadi destinasi utama pelabur kerana

kerajaan negeri selama ini yang mempertahankan tadbirurus yang baik dan kebertanggungjawab.

Keyakinan ini, katanya, sangat baik untuk negeri Selangor berdaya tahan bagi mendepani ketidaktentuan ekonomi negara dan global.

"Kerajaan negeri akan teruskan dasar pelaburan yang berteknologi tinggi dalam meningkatkan daya saing global," ujarnya.

Belanjawan 2018 ini juga akan memperkenalkan beberapa dasar baru dari inisiatif untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Bagi tahun ke empat berturut-turut kerajaan negeri

dalam Belanjawan 2018 kali ini memperuntukan sejumlah RM3.12 bilion dengan 53.2 peratus diperuntukkan bagi belanja pembangunan.

Belanja pembangunan sahaja merangkumi RM1.66 bilion sementara baki RM1.46 bilion diperuntukkan bagi belanja pengurusan meliputi yang 46.8 peratus.

"Belanjawan ini adalah tahun keempat berturut-turut Kerajaan Negeri melebihi belanja pembangunan daripada belanja pengurusan.

"Ini selaras prinsip *'ex ante accountability'* dalam perancangan dan pengurusan belanjawan. Ia bagi memacu ekonomi dan pembangunanyang

menjamin kesejahteraan juga kualiti hidup rakyat," ujarnya.

Mohamed Azmin berkata, belanjawan kali ini juga dijangka mengalami defisit RM870 juta daripada peruntukan pembangunan substantif keperluan pembangunan mampan.

"Pengalaman tiga belanjawan lalu membuktikan kerajaan negeri melaksanakan perbelanjaan berhemah, perkukuh budaya kerja cekap, berintegriti, tiada pembaziran serta ketirisan.

"Ia berjaya ubah belanjawan defisit kepada belanjawan berimbang dan mengurangkan belanjawan defisit kepada jumlah yang munasabah," katanya.



# Pulau Pinang bentang 'Belanjawan Marhaen'

Dengan tema 'Belanjawan Marhaen', Ketua Menteri Pulau Pinang membentangkan Bajet 2018 baru-baru ini yang akan menumpukan perbelanjaan kepada menjaga kebajikan golongan ini.

"Ini adalah kenyataan dasar yang mencerminkan nilai-nilai teras Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang. Kita perlu menjaga kebajikan rakyat marhaen, iaitu orang kebanyakan dan keluarga-keluarga bekerja," kata Lim Guan Eng di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Katanya, kerajaan negeri harus memastikan kehidupan rakyat menjadi 'kalis masa depan' (*futureproof*) agar tiada sesiapa yang ketinggalan dalam ekonomi digital Revolusi Industri Ke-4.

Katanya lagi, ia adalah perkongsian antara sektor awam, swasta



dan rakyat, ataupun 3Ps *Partnership: public, private, dan people*.

Beliau juga berkata, Pulau Pinang telah berjaya dalam usaha memangkinkan pertumbuhan ekonomi dengan bantuan pentadbiran CAT yang cekap, akauntabel dan telus.

Beliau memberitahu, KDNK per kapita di Pulau Pinang telah meningkat

daripada RM33,597 pada tahun 2010 kepada RM47,322 pada tahun 2016, iaitu peningkatan 30%.

Katanya, KDNK per kapita Pulau Pinang adalah kedua tertinggi di negara selepas Kuala Lumpur.

Kadar pengangguran Pulau Pinang pula katanya, pada tahap 2.1% pula adalah yang kedua terendah di negara bagi tahun 2016.



Lim Guan Eng bersama pemimpin kerajaan negeri yang lain berjalan bersama menuju dewan sebelum Bajet 2018 Pulau Pinang dibentangkan.

Pada masa yang sama, katanya, jurang pendapatan (*income inequality*) di Pulau Pinang pula telah berkurang.

"Pekali Gini bagi negeri kita telah menurun daripada 0.419 pada tahun 2009 kepada 0.356 pada tahun 2016,

iaitu sebanyak 15%," katanya merujuk kepada kaedah pengiraan jurang pendapatan itu.

Beliau juga memberitahu, dari tahun 2015 sehingga separuh tahun pertama 2017, Pulau Pinang berjaya

menarik sebanyak RM13.8 bilion dalam bentuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan, iaitu kedua tertinggi di negara selepas Johor.

"Pemulihan industri pembuatan ini dicerminkan dalam hakikat bahawa Pulau Pinang telah sekali lagi muncul sebagai juara pelaburan di Malaysia," katanya.

Meskipun jumlah pelaburan yang diluluskan bagi negara telah berkurang sebanyak 28.2% bagi separuh tahun pertama 2017 daripada RM88.4 bilion pada tahun 2016 kepada RM65.4 bilion.

"Pulau Pinang telah menongkah arus apabila jumlah pelaburan yang diluluskan telah meningkat daripada RM2.67 bilion pada tahun 2016 kepada RM7.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 188%," katanya dalam ucapan itu.

## Pulau Pinang tambah peruntukan untuk agama Islam

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan peruntukan hal-ehwal agama

Islam daripada RM50 juta pada tahun 2017 kepada RM53 juta pada tahun 2018, kata Lim Guan Eng dalam Bajet 2018.

Peruntukan untuk sekolah agama sahaja berjumlah RM55.3 juta sejak tahun 2008, katanya.

"Ini tidak termasuk tanah yang diambil alih atau yang diberi kepada sekolah agama," katanya.

Sekolah agama tidak hanya menerima RM1.75 juta setiap tahun, tetapi jumlah yang lebih besar, di bawah portfolio Ahli EXCO bagi hal-ehwal agama Islam.

Malah, katanya, RM1.75 juta ini sebenarnya adalah peruntukan

tambahan.

"Malangnya, sesetengah pihak dengan motif jahat sengaja mengabaikan jumlah besar yang diperuntukkan dan hanya menggunakan RM1.75 juta bagi menabur fitnah bahawa Ketua Menteri adalah anti-Islam," katanya.

Katanya, kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM457 juta kepada hal-

ehwal agama sejak 2008, iaitu peningkatan 84% berbanding RM249 juta bagi tempoh masa yang sama panjang sebelum 2008.

Hakikat ini, katanya, telah mendorong Pengerusi MCA Pulau Pinang untuk melabelkan saya sebagai anti-Cina kerana mendapat undi Cina tetapi hanya membantu orang Melayu dan Islam.

"Namun pada masa yang sama, pemimpin pro-UMNO melabelkan saya sebagai anti-Islam. Jadi, yang manakah betul?" soal beliau.

Menurut Guan Eng lagi, beliau juga dituduh anti-Cina kerana men-

yokong pembangunan industri halal di Pulau Pinang yang telah berkembang daripada sifar pada tahun 2008 kepada RM428 juta yang dilaburkan di Hab Halal Pulau Pinang hari ini.

"Tahniah saya ucapkan kepada ahli EXCO untuk hal-ehwal agama Islam YB Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim atas kejayaanmu!

"Biar saya nyatakan di sini bahawa kerajaan negeri Pakatan Harapan bukanlah anti-Cina atau anti-Melayu atau anti-India. Kita hanya anti-rasuah, anti-IMDB dan anti-GST," katanya.

## Pulau Pinang perkenal 'Program Penang Sihat'

**Ketua** Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng mengumumkan kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta melalui program yang dikenali sebagai 'Program Penang Sihat'.

Ia dibuat untuk memastikan rakyat negeri tersebut berada dalam keadaan sihat, katanya.

Ujarnya lagi, mulai tahun 2018 program tersebut akan diperkenalkan khusus bagi isi rumah yang memperoleh pendapatan dibawah RM5000.

"Program yang akan dilaksanakan tidak lama lagi merupakan satu inisiatif baru ekoran tindakan kerajaan Pusat memotong kos perubatan serta rawatan kesihatan dalam bajet yang telah dibentangkan pada 27 Oktober yang lalu.

"Tindakan mereka mengurangkan kos perbekalan barangan farmaseutikal serta kesihatan awam berjumlah RM19 juta dari-

pada RM950 juta pada tahun 2017 kepada RM931 juta pada tahun 2018 adalah tidak wajar.

"Ekoran itu, belanjawan marhaen yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri PH Pulau Pinang adalah bagi menyediakan pelbagai kemudahan untuk keperluan rakyat biasa," jelasnya.

Kata beliau lagi, melalui program baru yang diperkenalkan pada tahun 2018, bagi mereka yang layak, setiap isi rumah akan diberikan kredit sebanyak RM300 melalui kad I-Love-Penang.

"Kad ini akan memudahkan golongan tersebut untuk mendapat rawatan di klinik swasta melibatkan RM50 bagi setiap rawatan yang diterima.

"Manakala bagi golongan yang belum mendirikan rumah tangga serta mempunyai pendapatan kurang dari RM2500 sebulan, layak untuk menerima kredit

berjumlah RM250 setahun.

"Melalui program ini mereka tidak lagi perlu bimbang dengan caj mahal yang dikenakan bagi mendapat rawatan," tegasnya ketika membentangkan bejot 2018 kerajaan negeri Pulau Pinang semalam.

Tambahnya lagi, peruntukan sebanyak RM60 juta tersebut mampu untuk memberi kemudahan kepada 195,000 isi rumah setahun.

Selain dari itu katanya, kerajaan negeri turut menyediakan peruntukkan sebanyak RM15 juta bagi sokongan penjagaan anak bagi ibu yang bekerja.

Mulai tahun 2018 ujarnya, semua ibu yang bekerja dan berusia sehingga 60 tahun serta mempunyai anak berumur enam tahun akan mendapat sumbangan yang disediakan sebanyak RM300 setahun.

## Bonus RM2,000 sebelum akhir tahun

**KERAJAAN** negeri mengumumkan bonus tunai RM2,000 kepada penjawat awam Pulau Pinang yang akan dibayar sebelum akhir tahun 2017.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri senantiasa menghargai perkhidmatan yang diberi oleh penjawat awam.

"Bonus Hari Raya tahun ini adalah 0.75 bulan. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa bonus akhir tahun adalah RM2,000

tunai kepada mereka yang mempunyai rekod disiplin yang baik dan akan dibayar sebelum akhir tahun 2017," katanya.

Mereka yang tidak mempunyai rekod disiplin yang baik sepertimana ditentukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri akan dibayar RM1,000 tunai.

"Bonus RM2,000 tunai ini juga adalah berkuatkuasa terhadap Pihak Berkuasa Tempatan; MBPP dan MPSP, serta perbadanan dan agensi Kerajaan Negeri,"

katanya.

Sekolah agama dan guru KAFI dan guru sekolah persendirian Cina juga akan menerima bonus tunai sebanyak RM300, sementara mereka di sekolah tahfiz, sekolah pondok dan tadika Islam (TADIS) akan menerima saguhati RM200 tunai.

Katanya, mereka semua telah menerima amaun yang sama semasa bonus Hari Raya.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:  
luqman.malysiadateline@gmail.com  
Sebelum 30 November 2017



# Aktivis AMANAH sambut kerahan bantu mangsa banjir

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**S**EBERANG PRAI: Sebaik sahaja mendapat maklumat mengenai musibah banjir yang melanda Pulau Pinang, Presiden AMANAH Mohamad Sabu tanpa lengah terus mengerahkan sukarelawan daripada semua peringkat parti untuk bergegas membantu mangsa-mangsa banjir.

Para pemimpin dan aktivis AMANAH dari seluruh pelosok negara turun padang bagi menghulurkan bantuan.

Antara yang sempat ditemui ialah Pengerusi AMANAH Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil, Naib Ketua Awan Nasional Ustazah Mariam Abdul Rashid dan Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul Anuar Aris.

Mereka bukan sahaja menghulur-

kan bantuan dengan menyampaikan makanan dan minuman, tetapi juga membantu memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan.

Menurut Faiz, seramai 200 aktivis Pemuda AMANAH dan ARIF telah bergerak dalam beberapa kumpulan bagi membantu mangsa banjir di kawasan-kawasan tumpu.

"Musibah yang menimpa kali ini mencatat sejarah dan adalah ujian yang besar buat rakyat negeri ini.

"Antara khidmat yang diberikan pihak kami adalah membantu mangsa membersihkan kediaman mereka dan juga menyerahkan makanan ke lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti.

"Kita menghulurkan sumbangan kepada semua pihak dengan mengeneipkan apa jua sentimen politik dan ras," jelas Faiz.

Beliau juga berkata, kebanyakan mangsa yang ditemui amat berterima-

kasih dengan kehadiran sukarelawan AMANAH.

"Komitmen yang diberikan oleh aktivis AMANAH tidak mengambil kira waktu dan tempat.

"Gerak kerja yang dilaksanakan termasuk dengan menaiki bot serta juga menggunakan kenderaan pacuan empat roda bagi kawasan yang sukar dilalui oleh kenderaan ringan.

"Selain dari itu kita juga membantu mangsa untuk menyediakan makanan di beberapa tempat pemindahan yang telah dikenal pasti," ujarnya lagi.

Selain itu jelas beliau, AMANAH akan terus menggerakkan jentera parti bagi meringankan beban mangsa khususnya dalam kerja-kerja pembersihan pasca-banjir.

Tambahnya lagi, kawasan banjir yang luas pada kali ini memerlukan komitmen dan sokongan semua pihak.



Asmirul dan Dr Mujahid membantu memindahkan mangsa banjir di Seberang Prai.



Dr Mujahid membantu mangsa banjir di Tasek Gelugor.



Asmirul bersama jawatankuasa Awan turun padang di Seberang Prai membantu mangsa banjir.



Pemimpin AMANAH Pulau Pinang membantu mengalih kereta mangsa banjir di Tasek Gelugor.



Faiz Fadzil bersama Pemuda AMANAH Perak menghulur bantuan di sekitar Kampung Permatang Rawa dan Kg Petani, Permatang Pauh.



Operasi membersih rumah mangsa banjir di Kubang Semang dengan kerjasama Pemuda AMANAH Perak dan Pulau Pinang.



Ustazah Mariam bertanya khabar mangsa banjir di pusat pemindahan Padang Menora.



TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI  
DESTINASI  
MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
APRIL 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
AUTUMN OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ UMRAH**

**PAKEJ**

**ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
MAC 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

**PAKEJ**

**RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
MAC 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

**PAKEJ**

**TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		



# Ketika Tahaluf Siyasi berstatus wajib

**KOLUM** saya kali ini, menumpu progam NUNJI 2017 di Bangi minggu lalu, dengan forum bertajuk "Tahaluf Siyasi - Perspektif Malaysia". Saya bersama Al-Fadhil Ustaz Zolkharnain Abidin, Pengarah Syariah Parti Amanah Negara menjadi panel. Tulisan ini menziarahi kembali mauduk yang tidak puas dibicara.

Saya kira konsep 'Tahaluf Siyasi' atau 'Muafakat atau Kesepakatan Politik' sudah agak jelas buat ramai pengamat politik di negara ini. Bahkan buat umum juga istilah Arab ini sudah semakin lumrah diguna.

Yang menjadi pertikaian dan polemik masa kini adalah apabila ada pihak yang memonopoli pentakrifannya bahkan memperincikan syarat-syarat untuk mengadakan tahaaluf atau koalisi ini.

Sekadar memperingatkan semua, sandaran kedudukan Syariah akan persoalan 'keharusan' Tahaluf atau Kesepakatan pihak Islam dengan bukan Islam merujuk kepada beberapa peristiwa seperti Hilful Fudhul, Suluhul (Perjanjian) Hudaibiyah dan Sahifah (Piagam) Madinah.

Tanpa menghuraikan cara mengambil hukum (istinbat) sebagai 'Harus-Yajuz' dari hadis dan sirah Rasulullah s.a.w., sayugia diingatkan kedudukan 'Tahaluf' adakalanya menjadi lebih kritikal dan penting sehingga boleh mencapai tahap satu yang bukan sahaja diharuskan bahkan dituntut Syarak (atau Matlub Syari'i) bergantung kepada 'Matlamat' (Hadaf) yang hendak dicapai. Di segi itu, tidak wajar diambil mudah isu atau konsep ini.

Bersandarkan peristiwa 'Hilful Fudhul' saya telah berhujah menggunakan nas atau hadis ketika Rasulullah s.a.w. menekankan bahawa, "Sungguh aku mengikuti sebuah sumpah perjanjian di rumah Abdullah bin Jad'an dari sebuah perjanjian yang lebih aku cintai daripada aku memiliki unta merah dan seandainya aku diundang untuk mendatangi perjanjian yang seperti itu ketika aku telah mengenal Islam, maka sungguh aku akan memenuhi undangan tersebut." [Ibnu Hisyam 1/154-155]

Hilful Fudhul adalah 'kesepakatan' untuk menghentikan segala bentuk kezaliman di Kota Makkah. Berlaku pada bulan Zulkaedah selesai atau seusai perang Fijar maka terjadilah Hilful Fudhul (kesepakatan) antara lima suku dari kabilah Quraisy. Mereka adalah Bani Hasyim, Bani Muthalib, Bani Asad, Bani Zuhrah, dan Bani Taim.

Meringkas pengkisahan dalam konteks politik tanah air mutakhir ini, saya segera menekankan betapa rakyat di negara ini dilingkungi kemelut dan krisis tidak berujung. Setelah sekian dekad lamanya diperintah oleh sebuah kerajaan BN yang ditunjangi sebuah parti politik Melayu-Islam, Umno, rakyat berhajatkan islah dan perubahan.

Berlatarbelakang kesemua inilah, maka pimpinan Pas yang dipimpin Murshidul 'Am Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) memeterai Tahaluf Siyasi bersama rakan parti-parti pembangkang; Parti Keadilan Rakyat dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) di atas wadah Pakatan Rakyat (PR).

Matlamat dan objektif PR sangat jelas kerana



**Dr Dzulkefly membentangkan pandangannya pada sesi wacana NUNJI '17 sambil diikuti Ustaz Zolkharnain Abidin.**

semuanya dimeterai dalam 'Dasar-Dasar Bersama' atau 'Common Policy Framework' (CPF). Antaranya, CPF mempertahankan Islam sebagai kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perkara 3 dan juga Perkara 153 dan 152 dalam Perlembagaan Persekutuan

Sebagai ingatan, tidak pula ada peruntukan dalam CPF memperjuangkan 'negara Islam' atau 'perlaksanaan Hudud'. Atas asas 'Ber-setuju Untuk Tidak Bersetuju' (Agree to Disagree), matlamat itu kekal sebagai hak Pas dan tidak dikongsi bersama dalam PR.

Justeru ketika Datuk Haron Din berucap menegaskan apakah tahaaluf (PR) itu 'lulus syariah atau tidak' kerana kerjasama politik itu mestilah 'meletakkan Islam sebagai dasar utama yang dipertahankan' (Sinar Harian, 3 Jun 2015), soalan itu seolah-olah mempertikaikan keputusan TGNA. Beliau lupa tentang Perkara 3 dalam CPF, ataukah memang beliau tidak pernah tahu pun.

Lebih malang, mungkin juga lucu, beliau menegaskan 'tahaaluf siyasi perlu menuruti kesetiaan wala' mutlak, hendaklah diberikan kepada kepimpinan Pas, bukan kepada parti yang lain yang bertahaluf' (Sinar Harian, 3 Jun 2015). Beliau silap congak lagi kerana memikirkan orang Pas telah hilang wala mereka.

Begitulah kurang-lebihnya naratif yang berakhir dengan Pas merungkaikan Tahaaluf Siyasi dengan parti pembangkang yang lain kerana dianggap tidak komplan Syariah.

Tidak langsung dipertikaikan apakah sebenar matlamat (hadaf) yang menjadi sebab atau hujah diwujudkan tahaaluf itu pada awalnya? Lalu Pas dengan amat bermudah merungkaikan Tahaluf Siyasi yang sekaligus telah merubah posisi Pas di persada politik negara.

Yang penting dalam setiap tahaaluf dan perjanjian yang dijalankan Rasulullah s.a.w.

adalah 'matlamat' yang hendak dicapai baginda. Sama ada dalam Suluhul Hudaibiyah dan juga seperti tertera bertulis dalam Piagam Madinah.

Syarat-syarat yang disebut-sebut sebagai memerlukan kedudukan 'dominan' atau 'mengetuai' dan wala' adalah 'tidak relevan' dan tidak berbangkit. Bahkan sebaliknya Rasulullah s.a.w. disaksikan banyak 'berkompromi' dan 'mengalah' sehingga dikritik para sahabat seperti Saidina Umar demi mencapai sesuatu maksud dan matlamat. Terserlah kebijaksanaan baginda.

Nah, tidak syak lagi perhitungan Pas dalam Tahaaluf Siyasi telah jauh tersasar. Pas bukan lupa tetapi buat-buat lupa bahawa parti itu menang besar atas dokongan dan sokongan pengundi bukan Islam yang 'baharu sahaja mula' untuk mempercayai Pas, setelah meninggalkan berbondong dalam PRU-11, 2004 atas isu fobia dan takut kepada Dokumen Negara Islam! Fakta itu adalah hasil post-mortem pilihan raya Pas Pusat.

Peliknya Pas mendakwa tidak lagi berpolitik untuk sekadar menang kerana mungkin tahu akan kalah. Pas berpolitik untuk 'berdakwah' kononnya. Dengan sikap dan pendekatan yang keras, konservatif dan tajam terhadap pelbagai pihak lain, matlamat nak berdakwah Pas ditakuti tersasar dan tidak menarik minat umat dan rakyat. Pas dilihat hanya boleh menghimpun golongan mereka sendiri... Aduh.

Kembali kepada soal besar dalam isu Tahaluf Siyasi. Apakah yang mahu dicapai dalam mewujudkan persepakatan politik, khasnya berdepan dengan 'Ibu Segala Pilihan Raya'? Soalan besar ini yang mesti dijawab semua pihak pembangkang termasuk Pas! Parti-parti komponen Pakatan Harapan amat jelas dengan matlamat dan tugas kami.

Kalau Tahaluf Siyasi atau kesepakatan politik



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

itu satu 'wasilah' atau 'jalan' untuk sampai kepada satu tujuan, maka apakah 'matlamat' itu?

Nah, di sini saya terpaksa mengulangi bahawa negara berdepan dengan sebuah kerajaan yang dinobatkan dunia sebagai 'Kerajaan Perompak-Penyamun-Pencuri' atau dengan bahasa globalnya 'Kerajaan Kleptokrat'. Bukan sahaja skandal 1MDB, tetapi termasuk Felda-FGV, Mara, Tabung Haji, Yapeim dan lain-lain. Dipandang di segi Islam dan apa jua kayu ukur moral yang lain, menamatkan dan menyingkirkan kuasa Umno-BN ini bukan lagi satu pilihan tetapi satu kewajipan dan kemestian. Ia satu yang telah sampai ke tahap 'Tuntutan Syarak' atau 'Matlub Syari'i'! Akan cuba saya huraikan.

Nah, ketika 'kesepakatan politik pembangkang' adalah jalan atau wasilah yang paling munasabah bahkan satu-satu jalan yang 'sah' di segi Perlembagaan, untuk 'menggulingkan' kerajaan kleptokrat ini, maka amat mustahak untuk difahami semua, khusus parti yang mendakwa berjuang di atas landasan Islam bahawa 'Tahaaluf Siyasi' sudah berada di tahap yang wajib dan fardu.

Berdasarkan dua kaedah usuliyah, "ma la yatimmu al-wajibu illa bihi fahuwa wajib" dan "al-wasilatu ila al-mafrudi mafrudun" iaitu "Jalan atau wahana kepada sesuatu yang diwajibkan atau difardukan adalah juga fardu", maka tidak ada pilihan untuk tidak bersama kecuali kalau ada muslihat pimpinan tertinggi parti politik yang sukar dibaca oleh pimpinan akar umbi serta umat dan rakyat. Hanya masa akan menentukan.

Maka tidak ada pihak atau parti pun yang boleh berdolak-dalib dan 'berpuas-hati' lagi dengan segala kemungkar ekonomi serta rompakan kewangan negara yang dilakukan kerajaan kleptokrat ini. Belum lagi dibicarakan secara teliti bagaimana rakyat kini terhimpit dengan kos bebanan hidup yang tinggi, akibat polisi-polisi fiskal penguasa politik yang songgang dan ganas, ketika cukai GST dikenakan ke atas semua termasuk yang miskin dan fuqara, serentak subsidi bahan keperluan harian... Aduh.

Semoga ringkasan ini menambah pencerahan umat dan rakyat tentang Tahaluf Siyasi... Amin.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**



# 'Ibu segala bajet' bakal ditampung kenaikan GST

Oleh HUSEIN MAHAT

**K**UALA LUMPUR: Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri di Dewan Rakyat 27 Okt lalu bukan sahaja sarat dengan pelbagai pemberian sekaligus (one off) untuk menarik sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum (PRU), malah mempunyai 'kelompokan besar' apabila kerajaan BN gagal menunjukkan kaedah bagaimana mengimbangkan perbelanjaan dengan pendapatan.

Penasihat umum Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu kenyataan meragui kemampuan kerajaan untuk menepati janji-janji dalam 'bajet pra-PRU' itu kerana tiada langsung penjelasan bagaimana kerajaan akan menambahkan pendapatan dalam belanjawan dibentangkan Datuk Seri Najib Razak itu.

"Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mendakwa bahawa beliau

telah mengumumkan 'ibu segala bajet'.

"Pelbagai janji telah ditabur dalam usaha yang tidak berselindung untuk memperdaya rakyat untuk menyokong BN pada PRU akan datang.

"Tetapi ada kelompokan cukup besar di dalam bajet prapilihan raya ini; ia gagal menunjukkan bagaimana kerajaan akan mengimbangkan perbelanjaan dengan pendapatan," ujarnya dalam satu kenyataan media, 3 Nov lalu.

Anwar mempersoalkan bagaimana kerajaan BN akan menepati janji-janji dalam bajet itu walhal ia belum menunjukkan kaedah pendapatan kerajaan akan ditambah malah tidak langsung ditunjukkan dalam mana-mana bahagian bajet ini.

Sehubungan itu beliau yakin cukai-cukai baru atau peningkatan dan perluasan Cukai Barangan dan Perkhidma-

tan (GST) akan dikenakan ke atas rakyat jika BN terus memerintah negara selepas PRU ke-14 akan datang.

"Sekiranya BN memenangi PRU akan datang, saya yakin mereka akan segera mengumumkan cukai-cukai baru atau peningkatan cukai GST.

"Rakyatlah yang akan menderita dan yang akan menanggung beban ini untuk membolehkan BN melaksana segala janji yang dibuat di dalam bajet ini," katanya. Jika BN terus memerintah negara selepas PRU ke-14 akan datang.

"Sekiranya BN memenangi PRU akan datang, saya yakin mereka akan segera mengumumkan cukai-cukai baru atau peningkatan cukai GST.

"Rakyatlah yang akan menderita dan yang akan menanggung beban ini untuk membolehkan BN melaksana segala janji yang dibuat di dalam bajet ini," katanya.

## Petugas bantuan banjir perluutamakan keselamatan

**KUALA LUMPUR:** Setiausaha Agung AMANAH, Mohd Anuar Tahir mengingati semua pihak yang terlibat dalam misi bantuan banjir supaya sentiasa mengutamakan aspek keselamatan, walau di mana mereka berada.

Ingatan itu dibuat ekoran insiden bot terbalik melibatkan Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, Bendahari Agung AMANAH, Asmuni Awi serta tiga yang lain, 6 Nov lalu.

Beliau bersyukur kerana semua yang terlibat dalam insiden tersebut selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan dan berdoa agar peristiwa seperti itu tidak berulang lagi.

"Begitu juga kepada petugas yang sedang dan akan turun menghulurkan bantuan supaya berhati-hati di jalan raya dan pastikan keadaan fizikal dan kenderaan dalam keadaan baik.

"Berdepan dengan keadaan cuaca tidak menentu, tentu sekali proses menyalurkan bantuan di lapangan agak rumit," kata beliau dalam satu kenyataan.

"Sejak arahan segera Presiden AMANAH Tuan Haji Mohamad Sabu, saya mendapat maklum balas positif daripada semua pihak tentang gerak kerja pasukan petugas AMANAH.

"Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada seluruh petugas AMANAH di semua peringkat khususnya pasukan ARiF yang telah menjalankan tugas dengan baik.

"Tidak ketinggalan juga penyelarasan gerak kerja bantuan oleh Biro Kebajikan, Kemanusiaan dan Bencana Alam Nasional yang diketuai Naib Presiden Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus," ujarnya.

Beliau menambah, kerja-kerja murni itu perlu diteruskan sehingga mangsa banjir yang terlibat dapat dibantu seadanya dan keadaan banjir pulih sepenuhnya.

## Bot dinaiki pemimpin AMANAH terbalik, barang bantuan tenggelam

**TASEK GELUGOR:** Bot yang dinaiki Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa bersama Bendahari Agung AMANAH Asmuni Awi terbalik ketika sedang menyelusuri banjir untuk menyampaikan bantuan di Lahar Yooi, 6 Nov lalu.

Bagaimanapun mereka yang memakai jaket keselamatan, sempat diselamatkan penduduk kampung dengan menggunakan sampan sementara lebih 20 kotak barangan bantuan termasuk makanan dan keperluan asas, hanyut dan tenggelam.

Dalam kejadian tengah hari itu, bot dengan muatan bantuan yang dinaiki mereka bersama tiga petugas tempatan dilaporkan terbalik ketika menghampiri sebuah rumah di Sungai Korok untuk memberikan bantuan.

Terdahulu mereka baru sahaja selesai menyampaikan bantuan kepada penduduk kampung Sungai Chegar dekat sini.

Mereka membawa lebih 60 kotak barangan keperluan harian untuk diagihkan kepada mangsa banjir di kawasan itu yang terperangkap di kediaman masing-masing.

Dr Mujahid ketika ditemui menceritakan terpaksa berpaut pada bot sementara me-



**SEBELUM KEJADIAN...** Dr Mujahid (hadapan, kiri) dan Asmuni (belakang, kiri) dalam perjalanan ke Kampung Lahar Yooi untuk menyampaikan bantuan.

nyunggu diselamatkan oleh sebuah keluarga yang kebetulan mempunyai sampan di rumahnya.

Setelah mereka diselamatkan, bot yang terbalik itu kemudiannya tenggelam.

"Alhamdulillah kami pakai jaket keselamatan. Kami berpaut pada bot dan mujurnya rumah yang kami nak bagi bantuan itu ada sampan dan dia selamat-

kan kami.

"Dompet, telefon dan barang-barang lain semua tenggelam tak tahu ke mana. Ada lagi 20 kotak kami tak sempat beri bantuan dan semuanya tenggelam," katanya.

Kesemua mereka kemudian dibawa ke darat oleh bot penyelamat lain kerana tiada jalan darat untuk sampai ke perkampungan itu.

## Bajet 2018 ulangi idea lapuk pemerksaan wanita

**KUALA LUMPUR:** Ketua Srikandi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Rina Mohd Harun berkata, langkah-langkah kerajaan BN untuk memperkasakan golongan wanita dalam Bajet 2018 sebahagiannya adalah idea lapuk yang selama ini tidak disokong secara optimum di peringkat pelaksanaan.

Beliau berkata, hasrat Bajet 2018 untuk memperkasakan golongan wanita tidak akan tercapai jika kerajaan gagal memastikan aliran peruntukan dalam bajet itu kelak menepati golongan sasaran.

"Walaupun peruntukan besar disediakan kepada kumpulan sasaran dengan pelbagai program latihan dan projek yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi bertanggungjawab, ia tidak dapat meningkatkan taraf hidup golongan wanita.

"Kita mempersoalkan cara bagaimana kerajaan melalui agensi dan kementeriannya menguruskan peruntukan yang disediakan dalam bajet setiap tahun," katanya.

Sehubungan itu pemantauan berkala perlu dilakukan kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan itu menepati golongan sasaran dan berupaya mengubah tahap sosioekonomi golongan wanita.

"Kita tahu semua rakyat termasuk golongan wanita sangat terkesan dengan kos sara hidup disebabkan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan).

"Jika ibu tunggal dan orang miskin dapat bantuan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) atau BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) atau usahawan wanita memperoleh modal perniagaan, mereka tetap perlu membayar GST," ujarnya kepada *Malaysia Dateline*.

Rina turut mengulas empat langkah yang terkandung dalam Bajet 2018 untuk memperkasakan wanita iaitu mewajibkan 30% wanita dalam keahlian Lembaga Pengarah GLC dan GLIC serta badan ber-

kanun sebelum berakhir 2018; cuti bersalin dinaikkan 60 hari ke 90 hari; RM20 juta bagi latihan keusahawanan melalui MyWin Academy' dan pengecualian cukai pendapatan individu kepada golongan wanita untuk kembali bekerja selepas dua tahun berhenti daripada pekerjaan.

Timbalan Presiden Wanita Pakatan Harapan (PH) menjelaskan, empat langkah tersebut bukanlah idea baharu.

"Perlibatan wanita sebanyak 30% dalam GLC dan GLIC bukan isu baharu tetapi isu lama yang mana ia masih lagi gagal dipecahkan tahun ini ditekankan lagi dengan meliputi badan berkanun pula," katanya.

Beliau menggesa sasaran 30% penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan dicapai di semua agensi dan 25 kementerian kerajaan sebelum diperluaskan di syarikat GLC, GLIC dan badan berkanun.

Menurutnya, cuti bersalin mandatori yang dinaikkan daripada 60 hari kepada 90 hari

tidak dapat menandingi tawaran Bajet Alternatif PH yang menawarkan 120 hari cuti bersalin.

"Ini kerana kita memikirkan tempoh 4 bulan itu sesuai kepada para ibu bagi memantau perkembangan anak dari lahir hingga menghantar anak ke nurseri atau pengasuh sebelum memulakan pekerjaan," jelasnya.

Beliau juga berpandangan tenaga kerja wanita dalam bidang profesional seperti jururawat, guru, doktor, akauntan dan pentadbiran perlu diberi perhatian khusus.

Menyentuh mengenai MyWin Academy (Women Innovation Academy Malaysia) yang ditubuhkan pada 2014 itu, beliau turut mempersoalkan kejayaan program latihan yang dibuat akademi tersebut.

"Kita harapkan MyWin Academy ini dapat membantu wanita secara optima bukan setakat memberikan latihan semata-mata," katanya.



# Tak wajar desak Ambiga, tunggu kes dibicara

**KUALA LUMPUR:** Para pemimpin Pas dan Umno diingatkan agar tidak mendesak bekas Presiden Majlis Peguam Datuk S Ambiga untuk menjelaskan maklumat berhubung dana disalurkan Perdana Menteri kepada Pas seperti dinyatakan pengarang Sarawak Report dalam pembelaan dan tuntutan balasnya terhadap saman fitnah presiden Pas di Mahkamah Tinggi London.

Ini kerana, ia adalah proses biasa mahkamah dan semua pihak perlu menunggu sesi perbicaraan bagi memperoleh penjelasan.

Pengerusi Biro Undang-Undang AMANAH (Kanun) Mohamed Hanipa Maidin berkata, beliau merasa lucu dengan kenyataan beberapa pemimpin Pas dan Umno yang menggesa Ambiga, Clare Rewcastle-Brown atau peguam Claire untuk mendedahkan maklumat tentang dakwaan penyaluran dana Datuk Seri Najib Razak kepada Pas.

Menurut Hanipa, oleh kerana saman fitnah itu belum dibicarakan di mahkamah, maklumat berhubung bukti pembelaan tidak boleh didedahkan di luar mahkamah.

"Sabarlah sikit, tunggu lah kes bicara dulu," katanya.

Hanipa menjelaskan, apa yang pernyataan pembelaan dan tuntutan balas (pliding) adalah fakta atau maklumat yang hanya perlu dibuktikan semasa perbicaraan.

"Tak boleh desak mana-mana pihak sama ada Ambiga atau Claire atau peguam Claire untuk suka-suka dedah. Ini bukan perhimpunan macam Fastaqim 2.0 yang suka-suka dedah!" ujar Hanipa merujuk kepada himpunan tiga hari, dua malam anjuran Pas di pantai Tok Jembal, Kuala Nerus, akhir Sept lalu.

Tambah Hanipa, peguam Claire juga tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan maklumat yang



S Ambiga

diperolehi kerana dikawal 'privilege communication' antara peguam dan anakguam.

"Bagus juga jika ingat nasihat Ustaz Ismail Kamus, 'Ada orang bila dia diam kita ingat dia bangang, tapi bila dia cakap confirm bangang!'" ujarnya sinis.

Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan dalam satu kenyataan 31 Okt lalu menggesa Ambiga memberikan respon terhadap dakwaan Claire dalam pernyataan pembelaannya bagi "memberikan gambaran sebenar terhadap kenyataan dengar cakap (hear say) tersebut".

Malah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika bercakap kepada pemberita 2 Nov lalu, menggesa Ambiga bertanggungjawab terhadap tindakannya memberikan data dan maklumat mengaitkan pemimpin tertinggi Pas menerima wang daripada perdana menteri kepada Clare.

Tidak tergugat dengan desakan para pemimpin Umno dan Pas, Ambiga dalam satu kenyataan berkata, serangan terhadapnya daripada Pas, penyokong, sekutu dan media berdasarkan kandungan dua perenggan daripada pernyataan

pembelaan Claire "amat janggal dan jarang berlaku".

"(Mereka) mahu menjalankan 'perbicaraan mini' atau pendakwaan di Malaysia berdasarkan dua perenggan daripada pembelaan yang menyebut nama saya.

"Dalam tempoh beberapa hari ini, saya terima serangan bertalu-talu daripada menteri, anggota parti dan sekutu yang sehaluan dengan pihak penuntut (Datuk Seri Hadi Awang).

"Media kerajaan semalam berikan saya liputan tiga muka surat, termasuk muka depan, yang menuntut saya menjelaskan perkara sebenar. Saya malah masuk berita TV#," katanya.

Ambiga berkata, oleh kerana Abdul Hadi memulakan prosiding itu di UK, sebarang permohonan maklumat mesti dibuat melalui mahkamah negara itu.

Perbicaraan juga, katanya jika berlaku akan diadakan di negara itu dan bukannya di Malaysia.

## MO1 gelabah dengan pendedahan Claire

**KUALA LUMPUR:** Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Hanipa Maidin berpendapat 'Malaysian Official 1' (MO1) tidak tentu arah atau gelabah dengan pendedahan editor Sarawak Report, Claire Rewcastle Brown.

Menurutnya, reaksi gelabah MO1 itu ekoran kenyataan pembelaan Claire terhadap saman dikemukakan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada April lalu.

"Teknik atau taktik orang yang gelabah kerana tanggung masalah atau beban ada pelbagai macam dan bentuk.

"Antara tekniknyanya adalah orang yang gelabah itu pula yang tuduh orang yang bikin dia gelabah itu sebenarnya yang telah gelabah.

"Inilah teknik MO1. Dia gelabah dengan pendedahan Claire ke atas saman Presiden Pas di London sebab nama dia juga terpalit.

"Jadi nak buat macam mana? Dia kata Claire yang sebenarnya gelabah!" ujarnya di laman Facebook.

Untuk rekod, Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat dalam tuntutan mahkamah ekoran skandal 1Malaysia Development

Berhad (1MDB) mengaitkan MO1 dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Dokumen itu pada muka surat 13, perenggan 39 contohnya menyebut, "Setelah ditubuhkan, MO1 iaitu Najib mengambil alih kedudukan kuasa dalam 1MDB. MO1 (Najib) mempunyai kuasa untuk meluluskan semua pelantikan dan penyingkiran, lembaga pengarah 1MDB, pengarah dan pengurusan kanan 1MDB."

Bahkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan sebelum ini turut mengakui MO1 yang disebut dalam tuntutan mahkamah oleh DOJ Amerika itu adalah Najib Razak.

Sehubungan itu, Hanipa yang juga Pengerusi Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH meyakini majoriti rakyat Malaysia menolak dakwaan kononnya Claire gelabah.

"Teknik sebegitu hanya mungkin berjaya jika 95 peratus rakyat negara ini bukan berfikir waras. Hanya orang tak siaman sahaja, bagi sayalah, yang percaya Claire gelabah dan bukannya MO1 atau yang 'sejahtera dan matang' dengannya," kata beliau.

## Menteri Pertahanan digesa siasat kerja 'tidak masuk akal' di Segamat

**SEGAMAT:** Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein harus melakukan siasatan dalaman dengan segera untuk mengenal pasti dalang yang melakukan kerja 'tidak masuk akal' dalam proses pendaftaran pemilih dan pemindahan pemilih anggota tentera ke Kem Segamat yang belum siap dibina.

Adun Mengkibol, Tan Hong Pin dalam satu kenyataan berkata, DAP dan Pakatan Harapan (PH) tidak ingin melihat anggota tentera disusahkan dan dijadikan mangsa dalam percaturan politik kotor.

Oleh itu, pihaknya telah mengemukakan bukti-bukti sahih bagi menyokong dakwaan tersebut dan mahu penjelasan diberikan pihak kementerian.

Menurut Tan, Rang Daftar Pemilih Tambahan adalah dokumen rasmi yang diterbitkan dalam warta Kerajaan Malaysia mengikut Akta Pilihan Raya dan ia bukanlah ciptaan ataupun sangkaan DAP.

"Begitu juga status pembinaan Kem Segamat yang belum siap dibina. Nyata sekali bangunan-bangunan di situ masih tiada bekalan air, tiada bekalan elektrik dan tidak didiami oleh mana-mana warganegara Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, 3 Nov lalu.

Sehubungan itu, beliau menggesa Hishammuddin agar berani bertanggungjawab dan bukan



Kem Segamat belum siap sepenuhnya tetapi sudah ada 1,051 pengundi tentera.

melepaskan isu ini kepada Panglima Angkatan Tentera.

"Beliau sewajarnya tampil memberi penjelasan secara terperinci di Parlimen," katanya.

Pihaknya juga akan mengemukakan aduan kepada Yang di-Pertuan Agong yang juga pemerintah tertinggi angkatan tentera jika menteri atau pihak kementerian gagal memberi penjelasan dalam tempoh tujuh hari dan mengambil tindakan pembedahan.

Beliau berasa kesal dengan jawapan Hishammuddin pada 2 Nov yang menafikan dakwaan DAP berhubung pemindahan pemilih anggota tentera ke Kem Segamat dengan menganggapnya sebagai 'tidak masuk akal'.

"Beliau (Hishammuddin) berkata orang yang waras tidak akan pergi ke tempat yang tidak sesuai untuk tinggal dan 'sangat gila' untuk memindahkan

askar tanpa menyediakan rumah untuk mereka, dan tindakan itu akan mengakibatkan anggota tentera terbabit tidak mengundi BN," kata Tan memetik kenyataan Hishammuddin.

Tan juga mahukan penjelasan sama ada wujud perbuatan sabotaj dalaman yang membawa kepada pendaftaran sejumlah 1,051 orang pemilih anggota tentera di Kem Segamat tanpa pengetahuan menteri.

"Harus diingat nama-nama 1,051 orang pemilih tersebut tidak mungkin tertera dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Ke-3 (RDPT) hanya kerana kesilapan teknikal ataupun kecuaihan.

"Sudah tentu ada orang yang mengisi borang, menandatangani borang dan menghantar borang kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk diproses dan didaftarkan," katanya.



# Najib perlu jadi 'pencelah' saman Presiden Pas

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Di saat para pemimpin Umno dan Pas bersepakat menggesa bekas Presiden Majlis Peguam S Ambiga menjelaskan maklumat yang diperolehinya berhubung dana yang disalurkan Perdana Menteri kepada Pas seperti didedahkan pengarang Sarawak Report dalam teks pembelaan dan tuntutan balasnya di Mahkamah Tinggi London, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil pula meminta Datuk Seri Najib Razak menjawab pembelaan Clare Rewcastle-Brown dengan menjadi pencelah dalam saman presiden Pas. Menurut Faiz, oleh kerana salah

laku jenayah Najib Razak didedahkan secara terperinci di dalam pembelaan Clare yang pasti telah mencemar nama baik negara, Najib seharusnya melantik peguam untuk memohon sebagai pencelah dalam saman Presiden Pas itu bagi menjawab segala dakwaan Clare. "Begitu mengejutkan meneliti pendedahan fakta oleh Clare Brown dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap Saman yang dikemukakan oleh Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Mahkamah Tinggi London susulan suatu artikel yang mendakwa RM90 juta dimasukkan ke akaun pemimpin kanan Pas untuk menyokong Umno dan BN seperti disiarkan Sarawak Report sekitar Ogos 2016.

"Pembelaan Clare tersebut mendedahkan beberapa fakta yang terperinci berkaitan pembayaran jutaan ringgit kepada pemimpin kanan Pas oleh Perdana Menteri. Antaranya, sejumlah RM200 juta kepada bekas Timbalan Presiden Pas Nasharudin Mat Isa termasuk wang hasil penyelewengan 1MDB dan pemilikan aset-aset mewah hartanah dan kenderaan oleh 10 orang pemimpin kanan Pas yang lain. "Clare mendakwa jumlah tersebut sebagai sogokan untuk Pas berpecah daripada Pakatan Rakyat. Dakwaan ini adalah serius dan seharusnya SPRM menjalankan siasatan segera kerana ia melibatkan jenayah rasuah dan penyelewengan dana awam di

bawah Akta SPRM 2009 dan Kanun Keseksaan," ujar Faiz dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, intipati substantif pembelaan Claire menjurus kepada pendedahan salah laku jenayah korupsi dan salah guna kuasa oleh Najib Razak termasuk skandal 1MDB, urusan kapal selam Scorpene, kes pembunuhan Altantuya Shaariibu dan pendakwaan politik kes sodomi Anwar Ibrahim bagi menunjukkan betapa korupnya Najib Razak.

Pas tambah beliau adalah antara 'umpan' Najib Razak bagi mengekalkan kuasa politik beliau dengan menyogok wang jutaan ringgit.

Perpecahan dalam parti Islam tersebut serta Pakatan Rakyat, ujar Faiz

dilihat sebagai kejayaan permainan licik politik Najib Razak dan Umno.

Sehubungan itu beliau menyarankan Najib menjawab pembelaan Clare Rewcastle-Brown dengan menjadi pencelah dalam saman Presiden Pas di Mahkamah Tinggi London bagi membersihkan imej beliau dan negara.

Menurut Faiz, pembelaan adalah dokumen mahkamah yang bersifat dokumen awam yang boleh diakses oleh mana-mana individu di seluruh dunia.

Sehubungan itu tambah beliau, Najib seharusnya mengambil langkah berani mempertahankan nama baik dan maruah negara atas premis integriti dan akauntabiliti.

## GST punca pelopor fesyen muslimah tutup kedai

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Terkesan dengan penutupan lima pasar raya besar Giant di seluruh negara, ikon usahawan wanita negara, Mona Din, 51, mengakui pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) menjadi punca beliau sendiri terpaksa menutup operasi butik fesyen muslimah koleksi Hajaba yang diasaskannya.

Beliau berkata, GST yang dikuatkuasakan mulai 1 April 2015 itu menyebabkan golongan usahawan sepertinya berdepan tekanan pertambahan berganda pelbagai jenis kos termasuk sewa premis sehingga terdapat rakan sepekerjaannya turut tidak mampu menampung gaji pekerja.

Menurut penerima Anugerah Wanita Waja 2008 itu, pada masa sama ekonomi negara sedang meruncing selain kebanjiran penjual dan penahit warga asing serta kemunculan anak muda dalam perniagaan atas talian.

"Sesak dada bila fikir tentang ekonomi kita yang makin tenat. Secara peribadi, saya merasakan perkara ini (penutupan operasi Giant) berlaku apabila bermulanya pelaksanaan sistem GST.

"Sebaik ada GST, saya antara pemain industri yang pertama dapat meramal perkara ini akan berlaku dan mengambil tindakan segera untuk mengelak kerugian.

"Bila mula kena bayar GST, cukup untuk sewa bulanan, pertambahan kos itu saja sudah boleh buat kita hampir nak pitam," ujarnya di akaun Facebook atas nama Mona Din.

Menurutnya, jika satu cawangan butik perlu membayar hampir RM4,000 GST sebulan yang boleh menyewa satu unit kedai biasa di luar pusat membeli belah, jumlah yang besar perlu dibelanjakan jika seseorang pengusaha memiliki 10 cawangan butik.

Jenama Hajaba yang dibangunkan Mona pernah mengungguli carta fesyen tanah air sehingga mampu membuka cawangan butiknya di pusat beli-belah terkenal antaranya di Suria KLCC; Pavilion, Bukit Bintang; Alamanda, Putrajaya; Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) dan Bangsar Village.

Ber cerita lanjut tentang keputusan menutup kesemua cawangan butik beliau secara berperingkat sejak dua



**Mona Din yang memelopori fesyen muslimah akui GST memberi banyak tekanan kepada peniaga tempatan.**

tahun lalu, Mona berkata, situasi bertambah kritikal apabila terpaksa menyerap GST selepas dikenakan pelbagai kenaikan kos tanpa berupaya untuk menaikkan harga jualan pakaiannya.

"Bagi yang berniaga di pusat beli-belah besar, kena bayar GST untuk segalanya termasuk sewa dan macam-macam benda lagi tapi tak boleh masukkan GST masa jual baju. Pelanggan tak mahu bayar sebab semua kedai lain pun tak caj GST, kena serap sendiri!

"Dan bila dah serap, patut nak kena jual barang dengan harga lebih tinggi sikit daripada sebelumnya, barulah OK, tapi mana boleh, sebab harga busana muslimah dan tudung mencanak turun," ujarnya yang mempunyai lebih 44,000 pengikut di Facebook.

Status Facebook Mona pada 31 Okt berkaitan tekanan dialami golongan peniaga tempatan ekoran pelaksanaan GST itu menerima lebih 4,300 respon pembaca serta kira-kira 900 komen selain dikongsi 2,000 pengguna media sosial hanya selepas 24 jam dimuat naik.

## 64,894 ketua isi rumah status miskin tegar



**TERDAPAT** sejumlah 64,894 ketua isi rumah yang berdaftar di bawah Sistem eKasih dengan berstatus miskin tegar, sehingga 12 Oktober lalu, persidangan Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Azizah Mohd Dun berkata daripada jumlah itu, 28,978 ketua isi rumah adalah di kawasan bandar, manakala 35,916 lagi di kawasan luar bandar.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Makin @ Marcus Mojigoh (BN-Putatan) berhubung bilangan mereka yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar dalam dan luar bandar serta jumlah ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) yang telah mendapat bantuan kementerian itu.

## Johor larang ceramah Ismail Menk, Haslin Bollywood

**SELEPAS** Singapura, Johor pula bertindak mengharamkan dua pendakwah Islam, Mufti Zimbabwe, Ismail Menk dan Ustaz Haslin Baharim.

Ustaz Haslin juga dikenali sebagai 'Ustaz Haslin Bollywood' kerana kerap menyelitkan nyanyian dan madah bahasa Urdu ketika menyampaikan ceramah.

Ini berikutan dakwaan bahawa pandangan mereka boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian kaum.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Johor Abd Mutalip Abd Rahim dilapor sebagai berkata, keputusan itu atas titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang dikeluarkan 1 Nov lalu.

## Apa salah saya, tanya Ustaz Haslin

**USTAZ** Haslin Baharim berasa hairan dengan keputusan Kerajaan Negeri Johor mengharamkannya berceramah sedangkan beliau sudah lebih dua tahun tidak berceramah di negeri itu.

Haslin bersedia bertemu dengan Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) berhubung dakwaan ceramahnya berpotensi menjejaskan perpaduan dan keharmonian kaum.

"Saya bersedia berhadapan dengan pegawai di Jaij untuk mengetahui apa yang mereka dakwa itu benar atau pun tidak.

"Ini kerana alasan yang mereka beri tidak munasabah dan sedikit sebanyak ia telah mencalarakan reputasi saya sebagai seorang pendakwah di negara ini," ujarnya ketika dihubungi Malaysia Dateline.



**G**ORGETOWN: Banjir besar yang melanda Pulau Pinang 4 Nov lalu mengakibatkan pokok tumbang di 100 kawasan di seluruh negeri serta beberapa kejadian tanah runtuh di bahagian pulau negeri itu.

Seawal musibah melanda pihak polis, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Perkhidmatan Bomba, kakitangan pejabat daerah, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan agensi kerajaan negeri bertungkus lumus menjalankan kerja-kerja menyelamatkan dan memindah penduduk yang terjejas banjir.

Keadaan yang bertambah genting awal pagi 5 Nov mendorong Ketua Menteri Lim Guan Eng memohon bantuan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membantu usaha menyelamatkan.

“Saya menghargai kesediaan Datuk Seri Ahmad Zahid kerana sudi menerima panggilan telefon sungguhpun pada waktu 3.30 pagi dan bertindak segera untuk mengerahkan ATM membantu Pulau Pinang,” kata Guan Eng.

Sementara itu Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam sidang media berkata, hujan lebat luar biasa yang bertembung dengan kemuncak air pasang setinggi 2.7 meter pada pukul 1 petang, 4 Nov menjadi punca kejadian banjir di Pulau Pinang.

Air pasang tinggi ini juga mengakibatkan sebuah feri di pangkalan feri Sultan Abdul Halim Butterworth dilambung ombak ke daratan.

Kon Yeow menambah, hujan yang turun berterusan seperti dicatat sesen hujan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak 4 November bermula 2 petang sehingga 5 pagi 5 Nov dikenal pasti sebagai punca kejadian banjir.

Beliau berkata dalam tempoh 15 jam, hujan yang diterima adalah sebanyak 85 peratus daripada purata tahunan hujan di negeri ini iaitu sekitar 2,500 mm setahun.

Kejadian banjir yang berlaku juga, jelas beliau disebabkan sebahagian sungai dan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung jumlah aliran air yang tinggi rentetan hujan lebat luar biasa.

Kon Yeow yang turut sama dalam pemantauan banjir di Pulau Pinang berkata, kerajaan negeri melalui agensi dan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan akan terus melaksanakan projek tebatan banjir terutamanya di kawasan hotspot banjir seluruh negeri.

“Buat masa ini kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan akan diteruskan dan pemantauan berterusan akan dibuat melalui kawalan CCTV,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, sejumlah 51 pusat pemindahan banjir dibuka di lima daerah di Pulau Pinang bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir pada 5 Nov.

Setiasaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus yang juga Pengerusi Operasi Banjir negeri berkata, pusat pemindahan banjir yang dibuka itu masing-

# Pulau Pinang, AMANAH bersama rakyat



Guan Eng memberi taklimat ringkas kepada Dr. Ahmad Zahid setibanya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Butterworth bagi meninjau situasi banjir.



Dr Wan Azizah dan Exco Kerajaan Negeri Dr Afif Bahardin bersama petugas Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Permatang Pauh.



Petugas Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan anggota tentera daripada Regimen Askar Jurutera Diraja membekalkan air bersih kepada mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan banjir.



Operasi menghantar makanan kepada mangsa banjir di kawasan Dun Sungai Dua.



Guan Eng dan Datuk Bandar MBPP meninjau situasi banjir di Bilik Kawalan Operasi Bandaraya Pulau Pinang.



BERKAIN PELIKAT... Dr Mujahid Yusof Rawa, Pengerusi AMANAH Pulau Pinang, memberi taklimat kepada rombongan AMANAH yang tiba pada dini hari bagi memulakan operasi banjir.



Sukarelawan AMANAH membantu memindahkan seorang warga emas ke pusat pemindahan.



# AMANAH t harungi banjir

Tanah runtuh di Jalan Tun Sardon akibat banjir kilat.



Presiden Pakatan Harapan yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh menziarahi mangsa banjir di Dewan Guar Jering, Penanti.



Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil menyerahkan sumbangan makanan kepada mangsa banjir Di Kampung Samagagah, Seberang Perai.



Peman-CCTV Majlis

ng juga memberikan ANAH Perak bantu mangsa



Bendahari AMANAH, Asmuni Awi memeriksa bot sambil diperhatikan Naib Presiden AMANAH, Dr Mujahid Yusof Rawa. Bot yang mereka naiki bagaimanapun terbalik ketika menyampaikan bantuan makanan kepada mangsa banjir di Kampung Lahar Yooi.



Pasukan Pemuda AMANAH Serdang turut hadir membantu mangsa banjir.

masing tiga di daerah Timur Laut (DTL), Seberang Perai Tengah, SPT (25), Seberang Perai Utara, SPU (18), Daerah Barat Daya, DBD (4) dan Seberang Perai Selatan, SPS (1).

Bagi kerja-kerja pembersihan pasca banjir, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Maimunah Mohd Sharif mengumumkan kesediaan MBPP untuk membantu membersihkan sekolah terlibat banjir dan menghadapi sebarang kemungkinan hujan akan turun semula.

Langkah ini bagi memberi ke-selesaian kepada calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menduduki peperiksaan.

Sementara itu AMANAH telah mengerahkan jentera parti bagi membantu usaha-usaha menyelamatkan mangsa dan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berharap mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang dan negeri-negeri di utara Semenanjung dapat bersabar dengan musibah yang melanda.



# Pemuda AMANAH, ARiF bantu mangsa banjir

Oleh **ARIF ATAN**

**BANJIR** besar di Pulau Pinang menyaksikan Pemuda AMANAH dari seluruh Semenanjung menyinsing lengan dengan turun ke lokasi terjejas sebaik berlaku bencana mahu pun ketika bah surut.

Bersama sukarelawan skuad Biro Keselamatan dan Kebajikan (ARiF) diketuai Johari Osman, operasi pasca banjir dilihat sedikit sebanyak meringankan beban rakyat yang menanggung banyak kerugian akibat kerosakan sejumlah harta benda.

Di Pusat Operasi Banjir (POBA) pada 8 November lalu contohnya, Ketua AMANAH Nasional, Sany Hamzan dan Setiausahanya, Mahadzir Mat Zili seawal pagi lagi membantu membungkus bekalan sarapan.

Menurut Mahadzir, sebanyak 500 bungkusan bihun goreng diagihkan kepada mangsa banjir hasil sumbangan orang ramai kepada Pemuda AMANAH Nasional sebelum ini.

Selesai kerja-kerja penyediaan makanan pagi di Dewan JKKK Pajak Song, Kepala Batas itu, misi seterusnya membersihkan rumah terjejas di sekitar Kampung Bukit Indera Muda yang terletak dalam Dewan Undangan Negeri (Dun) Permatang Pasir.

Sebanyak 19 rumah berjaya dibersihkan di kawasan yang difahamkan kali pertama berlaku banjir itu dengan rata-rata penduduk menganggarkan kerugian mereka mencecah kira-kira RM10,000.

Kerja-kerja pasca banjir di daerah Seberang Perai Tengah itu juga menyaksikan penebangan dahan pokok yang tum-



Mohd Sany Hamzan membersihkan sebuah rumah yang terjejas akibat banjir

bang sehingga menimpa rumah dan talian bekalan elektrik.

Terdahulu, Ketua Pemuda AMANAH Perak, Hasnul Zulkarnain turut membantu dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir yang terperangkap di Taman Desa Murni, Sungai Dua pada 5 November lalu.

Bahkan, beliau pada malam itu telah memikul seorang warga emas untuk dipindahkan ke tempat lebih selamat. Sebelum itu, di sebelah petangnya, Hasnul juga mendukung seorang mangsa banjir yang didapati lumpuh.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil dan Ketua Pemuda AMANAH Pulau Pinang, Saifullah Abd Nasir turut sama membersihkan lantai rumah mangsa banjir di Kubang Semang.

Lebih lima rumah dapat dicuci dalam misi bantuan di Bukit Mertajam itu.

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Hanya kudrat bersama doa yang dipanjat buat rakyat di utara tanah air yang diuji dugaan hebat.



Hasnul Zulkarnain memikul warga emas untuk dipindahkan ke tempat selamat.



Faiz Fadzil turut mengagihkan bekalan makanan kepada mangsa banjir.



Mahadzir Mat Zili memikul bekalan perubatan untuk mangsa banjir.



Sukarelawan ARiF merakamkan kenangan bersama Presiden AMANAH.



Anggota ARiF memotong dahan pokok yang tumbang.



Sany (bertopi) bersama Pemuda AMANAH membungkus pek sarapan.



Pemuda AMANAH menyantuni anak-anak keluarga yang terjejas banjir.



# Intelektual berani kritik sikap nafi realiti

Kelolaan **ARIF ATAN**

**PETIKAN** kenyataan yang menggambarkan luahan hati sebenar pakar ekonomi Dr Muhammed Abdul Khalid dalam satu forum secara langsung tentang belanjawan 2018 di TV1 tular di media sosial.

Orang ramai turut berkongsikan rakan video kritikan berfakta bukan auta berdurasi hampir empat minit oleh mantan Pengarah Penyelidikan di Institut Penyelidikan Khazanah itu.

Rata-ratanya bersetuju dan tidak menyangka masih berbaki lagi ilmuwan di tanah air ini yang berani untuk bercakap secara lantang, tambahan pula di saluran TV dikuasai rejim parti pemerintah.

Mungkin selepas ini namanya sudah disenaraihitamkan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bahkan Media Prima untuk muncul dalam mana-mana saluran TV.

Namun, penanganan hujahnya dalam forum yang dimoderatorkan perantara



**Dr Muhammed Abdul Khalid**

terkenal, Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar dan seorang lagi penyampai itu bukan sekarang hamburan emosi yang meluap semata-mata.

Buku edisi bahasa Melayu tulisan intelektual berkenaan, *Antara Dua Darjat: Agihan Pendapatan di Malaysia* terbitan Dubook April lalu kembali laris bagai pisang goreng pada musim tengkujuh.

Penjual di Kedai Buku Mukmin, Jalan Tuanku Abdul Rahman sendiri mengakui hal tersebut apabila pihak akhbar mingguan Amanah cuba untuk mendapatkan naskhah itu pada 7 November lalu. Kembali kepada penekanan Dr Muhammed dalam slot Landskap itu dapat dicerap teguran paling ketara beliau yang menyentuh sikap keengganan mengakui realiti ekonomi semasa.

Pemilik PhD (Kepujian Kelas Pertama) dari Institut d'études politiques de Paris (*Sciences Po*), Perancis tersebut berkata, sikap meremehkan nasib masyarakat tetapi menuding jari kononnya mereka gagal merebut peluang adalah tidak adil.

Walhal, jelasnya, ada dalam kalangan rakyat hari ini yang terpaksa membawa kereta Uber bagi menambahkan pendapatan selain sudah wujud graduan kejuruter-



**Keberanian Dr Muhammed memberi pandangan melawan arus di TV1 sangat menarik perhatian netizen.**

aan yang menjual nasi lemak.

"Isu fundamental malam ini (Oktober 2017) adalah bukan pasal Bajet 2018 tetapi pasal menidakkan realiti yang berlaku.

"Sikap nak ubah, bagaimana lagi. Dah susah, 'Tak ambil kesempatan'? Siang kerja, malam bawa Uber. Keluar (universiti) tiada kerja, jual nasi lemak, (tapi kelayakan) jurutera," hujahnya.

Beliau berpendapat masih wujud polisi yang "menekan orang miskin" dan pada masa sama memberi banyak keistimewaan kepada golongan maha kaya melalui pengecualian cukai.

Tanpa berlakap lagi, Dr Muhammed dengan dialek utaranya mengaitkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015 itu.

"GST - orang miskin, makan gaji bayar cukai. Beli makanan, barang bayar cukai. Orang kaya di negara kita sayang. Sistem cukai di Malaysia regresif lebih menekan kepada orang susah," tegasnya.

## MISKIN AKAL

Biarpun seorang lagi ahli panel - profesor pendidikan - cuba menyampuk dengan reaksi yang dilihat tidak menyenangkan serangan bertubi-tubi daripada Dr Muhammed, beliau terus berhujah bersandarkan realiti yang berlaku dalam sistem pendidikan pula.

Pemegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya (UM) berkenaan mengkritik praktik pengambilan pelajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pada masa ini yang lari daripada matlamat kewujudan kedua-dua sistem itu.

"Sebelum ini polisi kita hendak masuk MRSM, sekolah asrama penuh, untuk biasiswa, penekanan (kepada) orang susah. Makan tidak cukup, berjalan jauh. Sekarang, tidak peduli.

"Sekarang nak masuk MRSM, online. Orang di Gua Musang, Sabah, Sarawak macam mana? (Keputusan) 10A budak mana yang dapat? Salah budak (yang tinggal) di flatkah?" bidasnya.

Sejurus profesor pendidikan tersebut mendesak apa fakta sebagai bukti, Dr Mu-

ammed spontan mendedahkan penelitannya terhadap trend kemasukan pelajar ke MRSM sejak 2015.

"Dulu 100 peratus budak-budak di MRSM datang dari keluarga susah. Data dua tahun lepas, 64 peratus golongan B40 (kategori 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah).



"(Maksudnya), empat daripada 10 (pelajar)

bukan golongan susah. Peratusan yang beri peluang kepada (pelajar dari keluarga) berpendapatan tinggi itu makin meningkat. Ini tak wajar," tegas bekas Pengarah Penyelidikan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia itu.

Sekali lagi, beliau menekankan tidak adil apabila wujudnya sikap mementingkan diri dengan tidak mpedulikan nasib golongan miskin.

Lebih 'pedih' dan agak langka untuk didengari daripada para sarjana di media arus perdana hari ini apabila Dr Muhammed memetik pandangan akal budi dua tokoh ulung pemikir Melayu sebelum mengakhiri pandangannya.

"Ini apa yang Syed Hussein Al-Attas dan Za'ba kata, kemiskinan akal dan jiwa dalam kalangan pemimpin pelbagai peringkat," ujar pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari University of Southern California, Amerika Syarikat itu lagi.



## PETIKAN FAKTA DARIPADA ANTARA DUA DARJAT: AGIHAN PENDAPATAN DI MALAYSIA

1. Jurang pendapatan antara isi rumah di bandar dan desa pada 2012 sebenarnya berada di tahap yang sama pada 1957. Perbezaan pendapatan bulanan melebar dari hanya RM 214 sebulan pada 1970 kepada RM 3,002 pada 2014.
2. 72 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada 2015 memiliki purata pelaburan hanya RM 536 sedangkan 0.2 peratus pelabur teratas mempunyai purata pelaburan RM 745,000.
3. Kadar kemiskinan relatif pada 2014 tidak banyak berbeza pada 40 tahun lalu lantaran separuh daripada keseluruhan pekerja di Malaysia memperoleh pendapatan kurang daripada RM 1,600 sebulan.
4. Tabungan tidak cukup untuk menampung keperluan semasa mahu pun pada hari tua apabila Bank Negara pada 2016 dedahkan hanya 1 dari 10 mampu bertahan lebih daripada enam bulan jika hilang punca pendapatan.
5. Lebih ngeri, cuma 1 dari 5 pekerja yang hampir bersara hanya memiliki simpanan di KWSP kurang daripada RM 10,000 iaitu bersamaan dengan hanya 10 bulan perbelanjaan.
6. Polisi ekonomi negara masih tertumpu untuk menaikkan taraf pertumbuhan ekonomi atau menuju negara berpendapatan tinggi tetapi itu tidak bermakna jika ramai rakyat masih miskin dan papa kedana.
7. Ketiadaan cukai harta warisan di Malaysia pastinya akan terus mengekal dan mengandakan tahap ketaksamaan pengagihan kekayaan dengan Bumiputera memiliki kekayaan paling sedikit berbanding kaum Cina dan India.
8. Kaum Cina jelas tidak gemar berkecimpung dalam sektor awam dan terbukti paling kurang permintaan mereka sekali gus menafikan dakwaan peratusan rendah kaum itu dalam perkhidmatan awam kerana tempat terhad.
9. Diskriminasi kaum sangat berleluasa dalam sektor swasta dengan meletakkan syarat kelayakan sama ada 'kaum Cina' atau 'boleh berbahasa Mandarin' walaupun pekerjaan itu berkaitan dengan pasaran domestik.
10. Agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mencapai objektif 30 peratus pemilikan aset Bumiputera tidak menjalankan tugas. Pegawai kanan ICU akui polisi itu sudah tiada apabila Najib Razak mengumumkan konsep 1Malaysia.



Bahagian Kedua

# Tekad budaya dan kewajaran Islam

**S**AYA tidak bercadang untuk membicarakan hal politik dan kepimpinan politik Malaysia di sini, walaupun dikatakan berita mengenai kepincangan dan ketidakwajaran dalam kepimpinan politik Malaysia kini sudah tersebar ke seantero dunia.

Saya lebih tertarik untuk membicarakan peranan yang boleh dimainkan oleh para seniman, budayawan, intelektual dan profesional, khususnya pentadbir. Malah saya mengatakan bahawa sekiranya empat golongan ini berperanan dengan sewajarnya, mereka akan mempengaruhi atau memberi kesan ke atas perjalanan politik tanpa perlu mencampuri urusan politik secara langsung.

Mereka hanya mewujudkan keseimbangan dan kewajaran, yang dengan sendirinya menghalang daripada terjadinya politik yang keterlaluan atau berlebihan-lebih, seperti yang terjadi sekarang.

Keadaan berpolitik yang keterlaluan atau berlebihan-lebih di Malaysia adalah satu pandangan dari kacamata Tekad Budaya. Dan ini adalah satu keadaan yang sangat tidak sihat, yang ingin diubah oleh Tekad Budaya melalui langkah mengaktifkan aktiviti seni-budaya ke tahap yang berkali ganda lebih daripada apa yang ada sekarang.

Isinya di sini ialah dana atau peruntukan kewangan dalam jumlah yang munasabah di dalam bajet kerajaan (Persekutuan dan Negeri). Munasabah yang dimaksudkan di sini ialah tidak kurang daripada tambahan

500 peratus, misalnya, kepada jumlah yang sedia ada dalam bajet sekarang.

Apakah tambahan 500 peratus itu terlalu besar? Kalau sekarang hanya dua juta daripada bajet kerajaan negeri yang berjumlah dua bilion misalnya, apakah tambahan 500 peratus itu besar? Tentulah tidak, bukan?

Untuk permulaan, jumlah peruntukan sebenar yang diperlukan untuk seni-budaya tidaklah begitu penting, berbanding dengan kesedaran dan kefahaman yang perlu ada pada orang-orang kerajaan yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan mengurus hal-ehwal seni-budaya.

Mentaliti mereka itu sekian lama apabila ada badan seni-budaya memohon dana untuk apa-apa program, mereka mengangap dana dalam jabatan mereka itu adalah hak atau harta mereka dan apabila mereka memberi, itu adalah bantuan dari ihsan mereka. Itu mentaliti yang salah.

Dana itu bukannya hak atau harta mereka. Mereka hanya diamanahkan untuk mengurus dana tersebut, yang menjadi hak para seniman-budayawan untuk menjalankan aktiviti seni-budaya. (Baca "Aktiviti seni bukan mohon bantuan baiki rumah" dalam buku Pemikiran dan Perancangan Seni Budaya, 2012, hal. 47-50).

Dalam satu esei yang ditulis tahun 2008 saya katakan: "Tidak sempurna pembangunan sesuatu tamadun ummah tanpa disertai dengan pembangunan seni dan budaya. Sepertimana pertanian diperlukan manusia untuk keperluan survival fizikal, dan pelajaran diperlukan untuk keperluan

survival mental, demikianlah juga seni-budaya diperlukan untuk keperluan intelektual dan kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

"Maka sepertimana sebuah kerajaan perlu memperuntukkan dananya kepada pembangunan dalam pelbagai bidang kehidupan (pertanian, pendidikan, perindustrian, infrastruktur, sukan, keselamatan, telekomunikasi dan sebagainya), demikianlah juga ia pun perlu memperuntukkan dana kepada pembangunan seni-budaya." (PDPSB, hal.34)

Empat golongan penting yang disasarkan oleh kempen Tekad Budaya itu salah satunya ialah profesional, khususnya pentadbir. Entah kenapa, para pentadbir dalam kerajaan di Malaysia khususnya yang berkaitan seni-budaya, pemahaman mereka mengenai seni-budaya sangatlah mundur. Kalau ada pun yang berpengetahuan agak luas, pengetahuannya itu hanya untuk mengisi ucapan/pidatonya sahaja. Tidak untuk praktis. Praktisnya masih seperti 40 tahun yang lalu. Buktinya?

Saya selalu berhubung dengan mereka ini sejak tamat universiti tahun 1974. Seingat saya apa yang perlu saya jelaskan kepada mereka, hujah yang perlu saya kemukakan kepada mereka, cadangan yang perlu saya ajukan kepada mereka, hampir sama saja. Walaupun waktu telah berlalu lebih 40 tahun.

Satu perkembangan yang agak membanggakan hari ini Malaysia mempunyai ramai anak muda aktivis teater, dan



TEKAD  
BUDAYA  
DINSMAN

peminat teater boleh menonton teater beberapa kali dalam seminggu kalau dia rajin. Berbeza 40 tahun, 30 tahun, 20 tahun dahulu kita perlu menunggu berbulan-bulan untuk dapat menonton teater. Ini satu kemajuan yang sangat mengembirakan.

Maka saya katakan bahawa anak-anak muda aktivis teater kita sudah bersedia untuk mengangkat teater Malaysia ke peringkat bertaraf dunia, tetapi para pentadbir seni-budaya dalam kerajaan Malaysia masih berfikir dan bersikap seperti 40 tahun yang lalu. Alangkah tragisnya!

Bagaimana Malaysia boleh mempunyai sekian ramai anak muda aktivis teater kalau para pentadbir dalam kerajaan Malaysia jahil mengenai seni-budaya? Saya rasa dalam hal ini kita perlu berterima kasih kepada pihak pentadbiran akademi di universiti-universiti yang percaya akan perlunya diwujudkan pengajian seni persembahan atau teknologi kreatif di universiti-universiti.

Mungkin tak lama lagi sebahagian daripada graduan bidang ini akan terserap masuk ke jabatan-jabatan kerajaan yang boleh memberi kesan kepada pentadbiran seni-budaya. ■

## Menolak amalan politik berasaskan korupsi

Oleh ABU FIRDAUS

**C**UBA lihat bagaimana amalan politik kepartian, pentadbiran dan perniagaan di negara ini yang sudah menjadi suatu sistem yang berasaskan korupsi. Sistem ini berkembang sedikit demi sedikit sejak negara ini mencapai kemerdekaan hinggalah pada waktu sekarang.

Pada zaman kolonial, korupsi berbentuk lain. Begitu juga pada zaman feudal sebelum kedatangan penjajah, itu perlukan kajian ilmiah sejarah untuk memahaminya. Tetapi sejak merdeka, negara ini dipimpin secara berterusan oleh Umno, walaupun ada masanya ia menjadi Umno Baru, dan kemudian kembali pada nama Umno dengan elit pemerintahannya adalah serupa.

Kepimpinan elit Umno ini berterusan walaupun gabungan parti yang dipimpin berubah dari Perikatan ke Barisan Nasional. Komponen parti Barisan Nasional juga berubah-ubah terutama di Sabah tetapi terasnya tetap sama iaitu

Umno-MCA-MIC dengan Umno yang menentukan jejaknya.

Sememangnya terdapat perbezaan gaya pimpinan iaitu dari Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak, tetapi amalan dan politik budaya mereka serupa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dr Mahathir adalah sebahagian daripada amalan dan budaya politik itu, tetapi tentunya kini sudah meninggalkan sistem itu dan bersama pihak pembangkang.

Pihak pembangkang pada semangatnya adalah menolak sistem politik berasaskan korupsi. Anwar melancarkan Reformasi untuk membersihkan sistem itu. Sementara Dr Mahathir menentang amalan itu kerana tidak tergamak menelan saja skandal 1MDB yang merupakan kemuncak pada sistem itu. Kini ia dikenali sebagai kleptokrasi. Iaitu korupsi telah menjadi kleptokrasi.

Apa yang dikatakan sebagai

sistem budaya korupsi dalam politik dan pentadbiran adalah begini: Kerajaan mengutip cukai daripada pelbagai sumber termasuk GST daripada rakyat. Bagaimana dan apa yang dikutip adalah ditentukan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional didominasi oleh Umno, diketuai oleh presidennya yang merupakan perdana menteri, dengan ketua perhubungan Umno negeri menjadi menteri besar dan ketua menteri di peringkat negeri.

Kerajaan ini juga menentukan rancangan dan belanjawan untuk melaksanakannya. Mereka juga melantik pucuk pimpinan agensi-agensinya kerajaan serta syarikat berkaitan dengannya, GLC dari kalangan ahli-ahli parti yang menguasai kerajaan. Walaupun mereka boleh melantik birokrat dan teknokrat bukan dari kalangan Umno, tetapi selalunya mereka melantik orang di kalangan mereka, ada kalanya bukan berdasarkan keupayaan dan kebolehan perniagaan atau pentadbiran tetapi sebab hubungan politik dan kepentingannya.

laitu mampu berpolitik dengan memegang GLC.

Untuk melaksanakan rancangan kerajaan tentunya ia melibatkan projek dan tender. Umum mengetahui bahawa projek-projek ini selalunya diperolehi oleh orang Umno bukan atas kebolehan, tetapi lebih kerana hubungan politik. Lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan dasar membantu Bumiputera dan Melayu. Maka keluarlah istilah Umnoputra.

Masalah dalam pembahagian projek dan kontrak ini ialah soal nilai dan harga projek. Ia boleh menjadi lebih besar dan terdapat peratusan komisyen yang disalurkan kepada orang tengah yang bertindak bagi orang politik.

Komisyen ini dikatakan bertujuan untuk membiayai parti dan aktiviti. Walaupun berapa peratus masuk ke kantung peribadi, sama ada orang tengah ataupun ahli politik, itu adalah soal peribadi masing-masing.

Nilah yang disebut sebagai amalan dan budaya politik korupsi. Perkara ini sering didengari. Ada-

kah ia benar atau mitos? Mungkin ada siasatan tetapi ia tidak diumumkan. Pihak akhbar patut menyalurkan dan mendedahkan supaya sistem demokrasi di negara ini dapat berfungsi. Inilah yang dikatakan kebebasan akhbar. Tetapi ia tidak berlaku di Malaysia.

Apa yang ternyata ialah jelas kelihatan Umno dan Barisan Nasional memperoleh banyak dana. Adakah ia bergantung pada derma syarikat-syarikat besar? Mengapakah mereka mahu menderma? Adakah kerana benar-benar menyokong BN semata-mata atau ia berupa habuan balasan kerana memperoleh projek atau kontrak? Atau mereka sendiri adalah sebahagian daripada pimpinan parti memerintah.

Apabila sudah berlanjutan dan meluas amalan ini maka ia dianggap tidak salah. Ia dianggap sebagai biasa dalam proses politik negara ini. Jika budaya ini tidak diubah, ia akan berjangkit dan diwarisi oleh parti lain yang menggantikan BN kelak. ■



# Memasarkan ideologi, prinsip AMANAH

**KALAU** sebelum ini saya lontarkan pandangan tentang naik dan turun Parti Amanah Negara dalam suhu politik negara. Dalam dinamik politik hari ini, AMANAH seolah kehilangan peranannya sebagai tempat berpaut orang Melayu yang telah digantikan dengan Bersatu.

Pandangan tersebut terhasil dari pemerhatian bahawa AMANAH adalah pengganti Pas di dalam Pakatan. Pas pula asalnya adalah calon pengganti kepada Umno. Apabila muncul Bersatu, dengan sendirinya mereka-lah yang kini menjadi calon untuk menggantikan Umno. Bukan lagi Pas, jauh sekali AMANAH.

Jadi apa dan di mana harus diposisikan AMANAH sekarang?

Kita mulakan dahulu dengan aspek paling asas - matlamat tertubuhnya sebuah parti politik. Matlamat paling asas dalam konteks politik demokrasi adalah untuk memenangi pilihan raya.

Memenangkan pilihan raya pula tidaklah sama seperti memenangi sebarang pertandingan lain. Tujuannya bukan untuk membuktikan siapa yang terbaik, sebaliknya adalah untuk menjadi yang paling berkuasa. Memenangkan politik pilihan raya datang dengan ganjaran yang agak kompleks iaitu memegang kuasa tertinggi dalam sebuah negara, iaitu menjadi kerajaan.

Tentulah untuk memenangi pilihan raya, kita bukan sahaja perlu jadi yang terbaik, sebaliknya juga perlu menjadi yang paling popular. Adakah sukar untuk menjadi popular? Sebenarnya tidak sukar. Kita hanya

perlu menjadi dan menuruti apa yang dikehendaki masyarakat yang mengundi.

Namun kompleksnya politik ini adalah, di sebaliknya untuk menjadi yang paling popular dalam kalangan masyarakat, muncul pula ideologi dan dasar sesebuah parti. Hampir semua parti mempunyai ideologi tersendiri dan lucunya, tidak ada satu pun ideologi ini digariskan berdasarkan apa yang dikehendaki dan disukai oleh masyarakat.

Oleh kerana ideologi atau dasar parti ini bukan tergaris dari apa yang masyarakat mahukan, maka sering kali ia menjadi punca kepada gagalnya parti tersebut menjadi popular.

Hal ini saya anggap sebagai paradoks politik. Ia muncul bukan hanya dalam AMANAH, sebaliknya banyak parti yang lain juga. Persoalan yang sering timbul adalah; yang mana satu datang dahulu? Ideologi atau populariti? Paradoksnya muncul kerana ada yang menganggap popularitilah yang akan menjayakan sebuah ideologi. Ada pula yang menganggap ideologilah yang akan membawa kepada populariti.

Biar demikian, ia bukan paradoks yang tidak boleh diuraikan. Ringkasnya, jika kita mengambil jalan yang pertama; iaitu men-



jadi popular agar ideologi dapat dijayakan - risiko yang ditanggung adalah hanyutnya ideologi yang dipegang. Dalam cuba untuk menjadi popular, seringkali kita akan terpaksa melonggarkan perkara-perkara yang digariskan dalam prinsip ideologi kita.

Misalnya untuk menjadi popular dalam kalangan masyarakat Melayu, Pakatan sendiri hari ini mengambil jalan untuk melonggarkan prinsip yang lebih keras dahulu iaitu dengan bekerjasama bersama Dr Mahathir Mohamad - sosok yang selama ini ditentang atas dasar prinsip politik pembangkang sendiri.

Apabila kelonggaran seperti ini dilaksanakan, maka mahu tidak mahu prinsip yang menggariskan politik kita akan mulai berhadapan risiko terhanyut. Semakin lama kita terpaksa berpaut kepada populariti, semakin jauh juga prinsip dan ideologi kita akhirnya akan terkorban. Untuk memaksa ideologi tersebut diterima adalah sukar, kerana masyarakat mengundi kita bukan atas ideologi sebaliknya populariti.

Jika kita mengambil pandangan kedua pula, iaitu dengan menunggang ideologi untuk mengecapi populariti, ia adalah sangat sukar namun lebih kukuh dan mampu bertahan lebih lama. Apabila majoriti masyarakat mulai menerima dan menyatakan kebersamaan dengan ideologi yang dibawa, kita tidak lagi perlu risau dengan risiko hilang dan gagalnya ideologi politik yang asalnya diperjuangkan kita.

Dalam erti kata lain, jika yang didahulukan adalah ideologi, jika berjaya dijadikan ia

sehingga diterima ramai, kita akan berjaya mencapai kedua-duanya; ideologi dan populariti.

Sebuah parti yang ikhlas akan kekal dengan ideologi mereka, biarpun tidak popular. Dalam konteks AMANAH, saya sentiasa berpendapat bahawa AMANAH perlu mengam- bil garis yang ini.

AMANAH tidak perlu cuba untuk menjadi popular dalam jangka masa yang singkat. AMANAH seharusnya terus menumpukan tenaga dan usaha untuk mengasah prinsip perjuangan dan ideologi parti. Apabila ideologi dan prinsip ini sudah siap diasah, AMANAH perlu mulakan kerja menyusun masyarakat agar dapat memahami ideologi tersebut agar ia diterima pakai.

AMANAH mempunyai keupayaan untuk melakukan perkara ini. Sejarah jujur perjuangan AMANAH bukan bermula hanya pada 2015, sebaliknya berdekad lama lagi. Pemimpin yang sama memimpin AMANAH hari ini adalah orang yang dahulu menggerakkan kerja-kerja bawah tanah Pas sehingga garis politik mereka hari ini menjadi garis politik arus perdana yang diterima ramai.

Dengan berbekalkan sejarah keupayaan sebegini, AMANAH mampu untuk berjaya dalam jangka masa panjang. Jauh lebih berjaya berbanding parti lain yang bergerak bersandarkan semata-mata sentimen popular. Cuma untuk mencapai cita-cita yang ini, AMANAH juga harus bersedia untuk melakukan pengorbanan yang besar.

## Bila nenek angkat beras 10kg

**S**IAPA yang tidak tersentuh apabila melihat seorang nenek mengangkat beg kempit beras seberat 10 kilogram? Dengan sepuhnya tenaga beliau mengangkatnya untuk dibawa pulang ke rumah selepas menerima sumbangan sewaktu program Kedai Peduli anjuran Angkatan Wanita Amanah Nasional (AWAN).

Itu hanya sebahagian perit jerih rakyat yang kian berperang untuk meneruskan kehidupan di negara ini. Jika diperhatikan dalam usaha mendekati diri dengan keperluan rakyat hari ini, kita akan dapat lihat bagaimana sebuah persada peperangan hidup ini berlaku.

Ini mungkin tidak pernah difikirkan bagi golongan yang hanya duduk di atas awangan atau kayangan kemewahan seperti yang dinyatakan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil - kleptokrasi.

Manakan tidaknya, kehidupan yang sentiasa berperang dengan pendapatan yang tidak setimpal daripada perbelanjaan ini telah menimbulkan pelbagai kesusahan rakyat. Ketidakeimbangan ini boleh berlaku lebih teruk lagi jika apa yang berlaku hari ini dibiarkan secara berterusan.

Siapa yang tidak terkesima dengan pembentangan Belanjawan 2018 atau Bajet (selepas ditukar nama) yang telah menawarkan kos operasi sebanyak 84 peratus yang membabitkan sektor awam dan masyarakat? Namun, adakah benar ia dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul?

### Kembara Selatan Amni Jagat



Keperitan hidup di negeri Johor misalnya, jelas terasa dengan adanya pentadbiran yang tidak mengamalkan sistem penyelesaian sebaliknya hanya cenderung menafikan sahaja. Manakan tidaknya saya berkata sebegini kerana sebelum ini Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Johor yang juga merupakan Adun Parit Yaani telah mempertikaikan kenyataan Menteri Besar Johor yang menyatakan 'sifar miskin' di Johor.

Siapa tidak terperanjat dengan dakwaan itu apabila umum melihat terdapat sebilangan besar masyarakat atau rakyat di Johor yang masih lagi hidup dalam keadaan tertekan dengan kos sara hidup yang meningkat.

Golongan miskin makin meningkat di negeri ini.

Namun, pertikaian YB Parit Yaani itu telah disanggah dengan para cerdik pandai yang berwalakkan Menteri Besar Johor yang menuduh Adun tersebut sebagai orang yang bercakap kosong tanpa fakta. Persoalan melalui fakta kayangan ini saya nafikan kerana kebiasaan yang diwar-warkan hanya tidak sampai separuh yang berjejak pada bumi nyata.

Fakta bertulis hanya sekadar suatu rujukan

atau analisis secara rambang sedangkan fakta yang sebenar-benarnya adalah dengan melihat sendiri keadaan rakyat di peringkat bawah-han yang saban hari mengharap untuk terus hidup dalam keadaan yang selesa.

Saya telah acap kali mengutarakan soal permasalahan yang berlaku di negeri Johor ini, baik dari segi sistem sungai yang tercemar hinggalah ke soal masalah salah tadbir urus dalam sistem kehidupan seharian rakyat seperti kadar kemiskinan yang meningkat dan juga soal taraf pendapatan serta perbelanjaan yang tidak seimbang.

Inilah permasalahan dengan sistem yang berlaku di Johor secara khususnya. Jika dilihat berkenaan dengan harga rumah di negeri ini pastinya ramai yang tidak akan percaya dengan apa yang akan didengari mereka. Rumah teres 22 x 70 berharga RM504,000.00 dan perkara ini wujud di sekitar kawasan Johor Bahru.

Persoalannya, siapakah sasaran pasaran yang telah ditetapkan oleh pihak pemaju? Saya yakin ia hanya menyasarkan orang luar seperti warga Singapura yang mempunyai tukaran Dollar Singapura yang tinggi dengan Ringgit Malaysia yang hanya mampu memiliki rumah tersebut.

Pastinya rakyat tempatan atau penduduk tetap di negeri ini akhirnya akan terpinggir jauh dari pembangunan dengan hanya mampu memiliki rumah di kawasan luar bandar atau separa bandar. Rakyat semakin terpinggir jauh dan yang pastinya bangsa melayu yang katanya diperjuangkan oleh kerajaan UMNO yang akan teruk merasa

kepinggiran itu.

Seperti tiada langsung desakan mahu pun sekatan ke atas harga rumah yang melampau kepada pemaju perumahan di negeri Johor ini. Itu adalah hakikat yang terpaksa ditelan oleh rakyat di negeri ini. Dalam perkara yang lain, tarif air Johor seperti yang umum ketahui dalam tulisan saya sebelum ini adalah yang tertinggi di negara ini.

Semuanya adalah faktor yang menyatakan bahawa kerajaan negeri Johor ini bukan hanya setakat mahu membantu malah lebih menambah perit lagi kehidupan rakyat di negeri ini. Bagaimana Menteri Besar Johor dengan banyanya boleh menyatakan Johor sifar miskin sedangkan hakikat yang terpaksa dialami oleh rakyat adalah sebaliknya.

Begitulah hakikat yang tergambar di wajah seorang mak cik yang datang menerima sumbangan di Kedai Peduli itu. Seorang mak cik yang hanya tinggal menumpang di rumah anaknya yang merupakan rumah setinggalan di Kempas itu telah menceritakan pada saya dan semua berkenaan bagaimana keperitan hidup yang terpaksa dilalui dalam negara ini.

Belum lagi jika diceritakan berkenaan dengan keperitan dan kepayahan yang dialami oleh pekerja yang terpaksa berkerja di negara jiran Singapura. Mungkin pada masa akan datang saya akan menceritakan pula tentang keperitan rakyat Malaysia yang berkerja di sana.



# Negara madani berlandas prinsip demokrasi

**BERIKUT adalah ucapama Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ketika merasmikan NUNJI 2017: Wacana Tahaluf Siyasi Perspektif Malaysia di Dewan Danau, Golf Resort Bangi pada 4 Nov lalu.**

**T**UJUAN utama manusia diberikan kuasa di bumi adalah untuk memakmurkan dunia ini dengan memastikan keamanan dan kestabilan terpelihara. Sesebuah negara tidak akan tertegak tanpa suasana yang mengembangkannya melalui kepimpinan yang beramanah.

SYABAS dan tahniah atas penganjuran NUNJI dengan tema Tahaluf Siyasi. Sesungguhnya antara Maqasid dalam Siasah Syar'iah adalah memastikan dasar-dasar keadilan tertegak. Semua aktiviti politik yang berkehendakkan keadilan tertegak termasuk kerjasama politik mesti bersetuju atas menegakkan keadilan. Jikalau asas ini tiada maka segala persefahaman politik tidak akan mempunyai apa-apa makna.

## ASAS PAKATAN HARAPAN

Pakatan Harapan (PH) telah menandatangani satu perjanjian pada 13 Dis 2016 di mana empat parti

gabungan bersetuju atas tujuh perkara. Dua perkara pertama melambangkan asas keadilan di mana memelihara Perlembagaan Persekutuan dan Reformasi Institusi merupakan tujuan utama kenapa PH diasaskan. Lima perkara yang lain adalah teknikaliti tentang komitmen kesepakatan komponen parti dalam PH. PH adalah evolusi kepada Pakatan Rakyat (PR) di mana parti AMANAH Alhamdulillah adalah pemangkin kepada lahirnya PH setelah PR berku-bur pada hujung 2014.

Latar belakang politik negara sejak awal 2000 memperlihatkan kebangkitan suara tidak puas hati dan politik reformasi mula menguasai pengundi. Penguasaan BN selama beberapa dekad adalah hasil dari demokrasi tempang termasuk sistem pilihan raya yang berat sebelah. Atas kesedaran ini, persefahaman parti-parti dalam PH adalah untuk memastikan asas keadilan ini tertegak termasuk kebobrokan rasuah.



## DINAMIKA TAHALUF

Tahaluf atau kerjasama politik adalah sesuatu yang berkembang dan bukan sesuatu yang kaku. Panduan dari penulisan akademik adalah secara asasnya memberikan ketenangan hujah bahawa kerjasama politik ada kewajarannya secara syar'ie. Ia amat penting agar penggerak parti berada pada kejelasan dalam gerak kerjanya.

Namun seni tahaluf perlu kepada pengamalannya memupuk,

membina dan mematangkannya sehingga asas menegakkan keadilan tercapai. Dalam konteks ini, Tahaluf memerlukan rundingan berpanjangan dalam mencapai konsensus. Ia bukan sahaja tentang falsafah tetapi secara praktikalnya adalah persefahaman di medan, konsensus manifesto, gerak kerja pilihan raya bersama dan paling sukar adalah pembahagian kerusi supaya tidak berlaku pertindihan tuntutan.

Tahaluf tidak terlaksana tanpa kesediaan untuk 'give

and take' dan seni ini tidak akan tertulis dalam mana-mana buku akademik. Bersedialah untuk mempelajarinya di medan.

## TUNTUTAN

Antara pengajaran Tahaluf adalah isu mempersadakan Islam dan tidak merugikan Islam. Ini adalah kenyataan yang terbuka untuk dibahaskan atas beberapa hujah antaranya; Apakah maksud persadakan Islam dan merugikan Islam? Ada yang beranggapan rugi Islam apabila hudud ditolak dan Islam dihina lantas yang dimaksudkan menang Islam adalah hudud tertegak.

AMANAH punya visi Islam Rahmatan lil Alamin, Islam yang dilandasi AMANAH adalah mencapai Maqasid sesebuah negara iaitu menegakkan keadilan. Keadilan pula mesti melibatkan kesejahteraan rakyat dan kesejahteraan hidup. Untuk mencapai tujuan tersebut sebuah kerajaan yang adil, tidak rasuah dan tidak prejudis kaum dan agama perlu ditegakkan kerana Islam ditegakkan atas tujuan tersebut.

AMANAH memaklumkan kepada semua bahawa negara yang diperjuangkan adalah "sebuah negara madani berlandaskan prinsip demokrasi".

AMANAH menghormati prinsip demokrasi dan tertumpu kepada mengisi nilai-nilai keadilan dalam semua landasan pemerintahan.

Selagi kerjasama ini terbina atas mencapai maksud di atas dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Prinsip Perundangan dan Rukun Negara maka AMANAH akan terus memperkukuhkan kerjasama ini sehingga kita diberi amanah oleh rakyat untuk memerintah Malaysia.

## PENUTUP

Saya yakin program hari ini akan merungkaikan berbagai aspek falsafi, operasi dan cabaran-cabaran. Yang berbahagia Ustaz Alias Othman ialah nama yang tidak asing bagi gerakan Islam di Malaysia dan luar negara. Sebagaimana para pengkritik ialah mereka yang bergelumang dalam medan politik kepartian, sinergi ini adalah keunikan NUNJI yang merupakan platform terbaik untuk orang ramai. Syabas kepada Amanah Selangor dan Wilayah Persekutuan yang berjaya menganjurkan wacana ini dan selamat bernadwah dan saya merasmikan majlis ini dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim.

## PH fail aduan qazaf terhadap Husni Hanadzlah

**PAKATAN** Harapan (PH) pada 7 Nov lalu telah memfailkan aduan qazaf terhadap Ahli Parlimen Tambun Datuk Seri Ahmad Husni Mohamed Hanadzlah kerana mendakwa anak saudaranya diliwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dakwaannya itu dibuat Ahmad Husni ketika bangun berucap membahaskan Bajet 2018 di Dewan Rakyat, 1 Nov lalu.

Memandangkan dakwaan bekas Timbalan Menteri Kewangan sesuatu yang serius dan menjejaskan imej Ketua Umum PH, Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah dan Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin telah membuat laporan qazaf.

Mereka memohon Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) menyasat kenyataan dibuat Ahmad Husni di bawah Seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

Berikut adalah transkrip penuh laporan qazaf Raja Bahrin dan Hanipa:

Laporan kesalahan jenayah Qazaf ke atas YB Datuk Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah (Ahli Parlimen Tambun) di bawah seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

Pengadu: YB Raja Kamarul Bahrin Shah bin

Raja Ahmad dan YB Mohamed Hanipa bin Maidin  
Tarikh kejadian: 1.11.2017 (Rabu)  
Tempat Kejadian: Dewan Rakyat Malaysia

## ISI TAU INTIPATI ADUAN

1. Pada 1.11.2017 (Rabu) dalam jam sekitar 12.40 petang, YB Datuk Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah iaitu Ahli Parlimen BN daripada Tambun, Perak telah berbahas Bajet 2018 di Dewan Rakyat.

2. Semasa beliau berbahas bajet tersebut, kami berdua selaku pengadu di dalam laporan ini, juga berada di dalam Dewan Rakyat dan dapat mendengar ucapan perbahasan beliau tersebut.

3. Antara lain, YB Tambun telah menyatakan di dalam ucapannya tersebut perkataan-perkataan berikut:

"... Do you know who is Anwar Ibrahim? Saya orang Anwar Ibrahim. I left him. Selepas dia berhenti jadi Timbalan Perdana Menteri, I helped him pergi ke rumah dia di Bukit Damansara. For 10 days I was watching him, I said, no.

Bila dia terlibat dengan liwat. Liwat, dia terlibat dengan anak buah saya. We are brought and tears. I went to Jordan, saya baca kitab. Kalau orang liwat



**Hanipa dan Raja Bahrin mengemukakan laporan qazaf kepada Jawi dengan diiringi beberapa ahli parlimen PH.**

dengan liwat, dilaknati Allah and the whole population will suffer macam di Sodom di Jordan..."

4. Dalam ucapannya itu juga, YB Tambun juga kemudiannya menyebut nama individu yang dikatakan tersebut sebagai Hairani Nafis. Beliau menyebut dengan perkataan-perkataan berikut: "...Saya tidak tahu tapi kes itu is kes. Yang kes Hairani Nafis, everybody di UKM tahu..."

Bersama-sama ini kami lampirkan bersama-sama sesalinan Hansard Dewan Rakyat bertarikh 1/11/2017 yang melaporkan ucapan verbatim

beliau tersebut untuk rujukan tuan.

5. Kami sesungguhnya percaya kata-kata yang dikeluarkan oleh YB Tambun tersebut di atas adalah satu tuduhan jenayah qazaf ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim di mana YB Tambun telah menuduh Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan tuduhan meliwat seseorang iaitu anak buah beliau dan tuduhan liwat tersebut dibuat tanpa YB Tambun mengemukakan empat (4) orang saksi lelaki yang benar-benar menyaksikan tuduhan perbuatan liwat tersebut.

6. Justeru itu kami sesungguhnya percaya YB Tambun telah melakukan satu kesalahan jenayah syariah qazaf dan amat wajar disiasat di bawah seksyen 41 Akta 559 tersebut.

Sekian laporan kami berdua.

Bertarikh pada : 7.11.2017

Pengadu Pertama,  
YB Raja Kamarul Bahrin Shah Bin Raja Ahmad  
Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

Pengadu Kedua,  
YB Mohamed Hanipa bin Maidin  
Ahli Parlimen Sepang



Bantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir

# AMANAHA gesa hantar petugas tambahan

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**K**EPALA BATAS: Keadaan banjir di Pulau Pinang 8 Nov lalu semakin surut dengan bahagian pulau pulih sepenuhnya dan kebanyakan kawasan Seberang Perai juga semakin baik.

Bagaimanapun operasi pemulihan selepas banjir yang melibatkan beribu-ribu rumah tenggelam memerlukan bantuan besar-besaran.

Naib Presiden AMANAHA Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus berkata operasi ini memerlukan tenaga yang ramai khususnya dari kalangan pemuda.

Semua AMANAHA kawasan seluruh negara diminta memastikan membuat persiapan bagi menghantar skuad peduli masing-masing bagi menyertai gerak kerja ini.

"Semua urusan bantuan dan pasukan pembantu diminta melaporkan diri di sini bagi membolehkan kita mengagihkan-agihkan pasukan ke kawasan-kawasan



**Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus**

yang memerlukan sokongan," katanya yang ditemui di pusat operasi banjir AMANAHA peringkat negeri di Dewan JKK Pajak Song, dekat sini, 7 Nov lalu.

Beliau juga berterima kasih kepada AMANAHA negeri-negeri yang menghantar petugas sukarela dan berharap mereka membuat perancangan menyusun gerak kerja dengan baik.

"Untuk operasi berikutnya apa yang diperlukan adalah peralatan membersihkan rumah dan kawasan.



**Ustazah Mariam Abdul Rashid**

"Kalau ada bantuan berbentuk peralatan rumah seperti tikar, selimut dan bantal amatlah dialu-alukan.

Sementara itu Pengerusi Biro Kebajikan Kemasyarakatan dan Bencana Alam Awan, Ustazah Mariam Abdul Rashid berkata petugas wanita juga amat diperlukan.

"Sebaik kembali ke rumah masing-masing, mangsa banjir amat memerlukan bantuan mengemas rumah, membersihkan



**Ustazah Mariam di pusat pemindahan banjir Kg Chegar.**

kawasan dan membuat persiapan untuk memasak.

"Dalam situasi mereka yang tertekan, amat perlu mereka dibantu bagi meringankan beban dan menstabilkan emosi mereka," katanya.

Beliau berharap para petugas

AMANAHA yang ingin berkhidmat di bahagian Seberang Prai dapat melampirkan diri di dua pusat operasi banjir AMANAHA (POBA).

"Satu terletak di Pajak Song dan satu lagi di pusat khidmat Adun Permatang Pasir di Kampung Petani," katanya.

## Tun M, Husam di program 'hard talk' PH

**KOTA BHARU:** Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad dijadual hadir dalam satu majlis bersama perantau anjuran PH Kelantan awal Disember ini.

Pengerusi Jentera Pilihan Raya PH negeri, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata tujuan majlis ini adalah untuk mempenalkan barisan kepimpinan PH Kelantan yang telah selesai dibentuk.

"Program ini dirancang dalam bentuk 'hard talk' yang disertai Datuk Husam Musa dan Tun Dr. Mahathir sendiri.

"Pada majlis itu nanti pihak kita (PH) akan mengemukakan program-program yang dirancang dalam



**Cikgu Wan Abdul Rahim bersama Sazmi Miah seusai mesyuarat pilihan raya PH Kelantan.**

menghadapi pilihanraya umum ke 14.

"Pihak kami juga akan mengemukakan tawaran-tawaran yang akan

dilaksanakan bila dipilih mentadbir Kelantan nanti," katanya.

Beliau yang ditemui selepas mesyuarat pilihan raya PH negeri bersyukur kerana pembentukan jentera pilihan raya telah dibentuk dengan sempurna.

"Saya, Datuk Sazmi Miah dan Saudara Khir Zahari Ghani sebagai setiausaha telah menyelesaikan perantaraan portfolio utama yang sebahagian telah bersama dan sebahagian lagi akan dijemput dalam mesyuarat berikutnya.

"Apa yang menarik inilah kali pertama sebuah jentera yang melibatkan semua parti di luar kerajaan berjaya dibentuk,

"katanya.

Mulai sekarang menurut beliau, semua pergerakan berkaitan pilihan raya tidak lagi berjalan berasingan mengikut parti.

"Kita telah memutuskan semua peringkat dari negeri, parlimen, Dun dan Daerah Mengundi kita bergerak atas satu jentera.

"Bilik operasi semua peringkat juga hanya satu akan diadakan bagi semua parti anggota PH.

"Dan paling penting setiap kawasan pilihan raya kita akan ada hanya satu calon iaitu calon PH," katanya.

Menurut beliau butiran lengkap program itu akan dimaklumkan kemudian.

## AMANAHA, DAP sokong titah TMJ bidas kuota politik

**BATU PAHAT:** Teguran Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Idris Ibtis Sultan Ibrahim Ismail terhadap tindakan ahli politik dan pemimpin tertentu yang memperalatkan jawatan politik bagi membolot tiket perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia 4 November lalu mendapat sokongan AMANAHA dan DAP Johor.

Naib Pengerusi AMANAHA negeri Suhaizan Kaiat berkata, kenyataan tegas Tunku Ismail amat bertepatan dengan suasana dan tepat pada masanya.

"Saya menyokong penuh kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Tunku Ismail yang bertegas untuk tidak memberi ruang kepada orang politik menggunakan pengaruhnya bagi membolot hak rakyat.

"Walaupun isu tiket bolasepak adalah isu kecil tetapi itulah simbol diskriminasi

selama ini," ujar Suhaizan Kaiat.

Menurut beliau lagi, sikap berat sebelah dalam pemberian tender kerajaan sebagai contoh sudah menjadi amalan biasa bagi pemimpin Umno-BN dan budaya ini merebak kepada perkara-perkara yang lebih kecil seperti pengagihan tiket perlawanan bolasepak.

Suhaizan juga memberikan contoh diskriminasi dalam pemilihan rumah di Johor apabila 'kuota menyokong kerajaan' hanya dibolot anggota Umno-BN tanpa diberi ruang kepada rakyat umum termasuk penyokong parti pembangkang.

"Dalam isu kuota tiket ini pun kita dapat lihat bagaimana diskriminasi sudah menjadi amalan pemimpin Umno-BN seperti yang dinyatakan Tunku Ismail.

"Sememangnya Umno-BN wajar belajar untuk mengenal jerih rakyat seperti penyokong bola sepak JDT dan Kedah bukan dengan hanya

goyang kaki dan minta tiket secara percuma untuk diberikan kepada kroni mereka," ujar Suhaizan.

Tiket perlawanan bola sepak, jelas beliau sepatutnya boleh dijual secara atas talian tanpa peminat bola sepak beratur panjang sehingga membazir masa.

Sebelum ini penjualan tiket perlawanan akhir bola sepak Sukan SEA 2017 antara pasukan negara menentang Thailand juga kecoh apabila jumlah tiket yang besar diberikan kepada 'orang politik' sehingga ramai penyokong setia bola sepak negara gagal mendapatkan tiket.

"TMJ hanya menyerahkan 600 tiket sahaja kepada Menteri Besar Johor walaupun beliau memohon 1000 tiket. Ini merupakan satu tamparan hebat kepada Umno-BN di Johor," ujar beliau.

Mengulas isu yang sama, Penolong Setia-

usaha Publisiti DAP Johor Sheikh Omar Ali menyokong titah Tunku Ismail bahawa bola sepak adalah hak milik rakyat dan bukan untuk dipolitikkan.

"Memang benar, semangat kesukanan adalah milik semua, bukan untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan pihak tertentu.

"Mesej menerusi titah TMJ ini adalah amat penting sekali. Sukan merupakan salah satu elemen yang sewajarnya menyatukan rakyat apatah lagi dalam konteks Johor menerusi gelombang kebangkitan pasukan bola sepak JDT," kata Sheikh Omar.

Menurut Sheikh Omar, sebahagian rakyat khususnya anak muda tidak memilih untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik justeru pengagihan tiket perlawanan bola sepak melalui saluran politik akan menguncupkan ruang perpaduan dan semangat patriotisme rakyat.



# Selangor sumbang RM1 juta bantuan banjir

**GEORGE TOWN:** Sebagai tanda solidariti, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali menyumbangkan RM1 juta bagi membantu Pulau Pinang menghadapi banjir paling teruk dalam sejarah ekoran tempas taufan Damrey.

Menurut Azmin, sumbangan itu turut disertai jentera serta logistik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan 300 sukarelawan.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri Selangor menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai Ketua Menteri Lim Guan Eng.

"RM1 juta yang diberikan adalah untuk disumbangkan kepada keperluan mangsa-mangsa banjir di negeri ini... PBT bersama-sama jentera juga diarahkan untuk turun membantu sebaik sahaja banjir reda," katanya pada sidang media di Bilik Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dekat Komtar, 6 Nov lalu.

Hadir sama Exco Kerajaan Tempatan, Pen



**Guan Eng dan isteri makan tengahari bersama mangsa banjir di Dewan Serbaguna Perkampungan Juru ketika melawat pusat penempatan banjir itu.**

urusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Chow Kon Yeow, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Dr. Afif

Bahardin, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Farizan Darus, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Datuk Ghazali

Derahman dan Datuk Bandar MBPP Datuk Maimunah Mohd. Sharif.

Azmin dalam pada itu turut memuji Ketua Menteri yang memberikan komitmen selama 48 jam dalam menangani isu banjir yang berlaku di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Guan Eng ketika berucap menyatakan rasa terharu kepada sokongan yang ditunjukkan oleh Azmin bersama-sama rombongannya.

"Saya berasa terharu atas sokongan, simpati dan solidariti yang ditunjukkan oleh Azmin ke atas bencana yang berlaku di Pulau Pinang, dan apa yang berlaku dan diderita oleh rakyat di sini.

"Saya ucapkan terima kasih mewakili kerajaan negeri atas sokongan beliau (Azmin), sehingga beliau sendiri hadir ke Pulau Pinang, batalkan program-program lain untuk menunjukkan komitmen beliau," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Putih

Azmin turut ditunjukkan paparan rakaman CCTV tempas taufan yang membadai sekitar pulau pada 5 Nov. - Buletin Mutiara

## AMANAHA Kelantan edar 1000 pek makanan

**SEBERANG PRAI:** Misi bantuan banjir Pemuda AMANAHA Kelantan memulakan usaha membantu mangsa banjir dengan mengagihkan sarapan pagi kepada mangsa-mangsa yang terkandas di rumah masing-masing.

"Keadaan banjir bertahan dan pergerakan untuk surut sangat perlahan," kata Ketua Pemuda AMANAHA Kelantan Hazmi Hassan yang mengetuai pasukan bantuan itu.

Mereka mula bergerak dari bilik gerakan banjir di Pajak Song, Seberang Prai Tengah.

"Kami bermula di pusat pemindahan Lubuk Meriam untuk menemui mangsa di beberapa kampung di sekitarnya.

"Kebanyakan mangsa memang tiada bekalan untuk makan pagi kerana rumah masing-masing tengelam purata sekitar setengah meter.

"Malam tadi masing-masing tidur dalam kereta atau khemah sementara di tepi-tepi jalan kerana tidak mahu ke pusat peminda-

han kerana bimbang keselamatan barang-barang dalam rumah," katanya.

Kanak-kanak katanya amat terkesan kerana tiada bekalan makanan.

"Bila kami tiba jelas mereka begitu perlukan bantuan dan berlari-lari ketempat kami membahagi-bahagikan makanan.

"Jenis makanan yang diperlukan adalah bahan yang boleh terus dimakan seperti biskut, roti, kerepek atau keropok yang sesuai.

Pasukan itu bagaimanapun mempunyai bekalan amat terhad dan hanya sempat menyampaikan 1000 pek sarapan pagi.

"Sejumlah 300 pek bihin kami masak di bilik gerakan manakala selebihnya pek biskut dan roti yang kami sempat kumpul sebelum bertolak ke sini.

"Keadaan memang masih sukar dan segala bantuk sumbangan amat diperlukan.

"Para penyumbang bolehlah sampaikan



**Hazmi dan aktivis Pemuda AMANAHA Kelantan mengagih sarapan pagi kepada mangsa banjir.**

bantuan kepada kami melalui saluran-saluran yang telah kami tularkan melalui laman

facebook Pemuda AMANAHA Kelantan," katanya.

## Jamal dinasihat henti laku aktiviti kurang siuman



**Zuraidah melancarkan Geran Penyelidikan Institut Wanita Berdaya dan Program Perlindungan Kanak-kanak Negeri Selangor.**

**AMPANG:** Ketua Umno Bahagian Sungai Besar Datuk Seri Jamal Md Yunos dinasihati supaya berhenti melakukan perkara tidak siuman dan membuang masa.

Ketua Wanita Keadilan Zuraida Kamaruddin berkata, nasihat dan teguran yang sama pernah diberikan sewaktu perbicaraan kes di Mahkamah Tinggi sebelum ini.

"Saya minta dia berhenti lakukan aktiviti-aktiviti yang kurang siuman dan bukan-bukan sebab berdosa, jadi kalau lepas ini dia buat lagi perkara sama, dia akan terima padahnya.

"Kalau dia buli orang lagi, kita akan terus ambil tindakan dan takkan biarkan orang macam ini merosakkan masyarakat," katanya pada sidang media, 8 Nov lalu.

Sebelum itu, Zuraidah melancarkan Geran Penyelidikan Institut Wanita Berdaya dan Program Perlindungan Kanak-kanak Negeri Selangor di sebuah hotel, dekat sini.

Ahli Parlimen Ampang itu mengulas kes saman fitnahnya terhadap Jamal berhubung

insiden pukul pada 13 November 2016 lalu.

Melalui proses mediasi hampir empat jam di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 7 Nov lalu, kes itu diselesaikan di luar mahkamah apabila Jamal yang juga Pengerusi Gabungan NGO Malaysia bersetuju memohon maaf.

"Alhamdulillah... memang ramai peguam telefon saya nak ambil kes ini sebab mereka yakin boleh menang, tapi menang bukan menjadi isu tetapi prinsip.

"Jadi saya harap dia (Jamal) berhenti buat bukan-bukan dan berubah. Saya minta dia jadikan pengajaran jangan senang-senang buli orang. Lagipun banyak kes saman dia yang belum selesai lagi," katanya.

Dalam kejadian itu, Jamal mendakwa ditumbuk di mukanya ketika mengetuai penyokong Baju Merah mengekori Zuraida di Pusat Beli-belah Ampang Point.

Jamal yang pada mulanya menjerit mendakwa polis memukulnya tiba-tiba mengubah kenyataan dengan mendakwa 'budak Zuraidah' memukul beliau.



# Peniaga kecoh MDPP roboh pagar pasar

Oleh RAMLI HUSSIN

**PASIR PUTEH:** Lebih 200 peniaga Pasar Besar Pasir Puteh, kecoh apabila pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) bertindak meroboh pagar pasar lama itu, 3 Nov lalu.

Usaha beberapa anggota Unit Penguatkuasa MDPP itu bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir setengah jam kemudian.

Timbalan Pengerusi Persatuan Peniaga Pasar Besar Pasir Puteh Mohd Badrul Yaacob, berkata usaha MDPP untuk meroboh pagar pasar lama terbantut apabila lebih 200 peniaga keluar menghalang usaha itu.

Bagaimanapun kekochan dapat dikawal oleh pihak polis dalam masa 30 minit sebelum kerja perobohan diteruskan MDPP.

Katanya, dalam usaha menghalang tindakan meroboh pagar itu hampir berlaku pergaduhan antara peniaga dan penguat-

kuasa MDPP.

"Kami peniaga terpaksa bertindak dengan apa cara sekali pun untuk menghalang usaha mereka kerana kes rayuan kami di Mahkamah Rayuan belum selesai lagi, dan sebutan kes pada 11 Dis nanti.

"Jadi saya sangat mengharapkan agar pihak MDPP dapat menangguhkan usaha meroboh pasar lama ini sehingga ke selesai di mahkamah," katanya ketika ditemui.

Mohd Badrul Yaacob berkata, pihaknya kecewa dengan sikap kerajaan negeri yang tidak menunaikan janji untuk menyediakan tempat yang lebih selesa kepada para peniaga.

"Nak suruh kami pindah tapi mengapa mereka menggunakan kekerasan tanpa menunggu keputusan mahkamah. Sabarlah dulu dan saya memohon pihak MDPP menghormati mahkamah," katanya.

Katanya, sebelum ini kerajaan negeri berjanji akan membina gerai yang sama luas seperti ukuran di pasar lama namun sebaliknya saiz gerai yang dibina di pasar



**Para peniaga keluar beramai-ramai menghalang usaha penguatkuasa MDPP merobohkan pagar pasar lama tersebut.**

Siti Hajar amat kecil.

Mohd Badrul berkata, jika permintaan mereka tidak dilayan para peniaga tidak akan berpindah ke pasar baru Siti Hajar.

Mohd Badrul berkata, sepatutnya kerajaan

negeri lebih prihatin dengan nasib yang dihadapi para peniaga di situ memandangkan mereka seratus peratus peniaga Melayu yang berpendapatan 'cukup makan' sahaja.

## Hentikan provokasi, hormati undang-undang

**KOTA BHARU:** Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Che Ibrahim Mohamed menasihatkan Pas supaya menghentikan tindakan provokasi, sebaliknya mematuhi serta menghormati undang-undang dalam isu pemilikan Wisma Tok Guru.

Beliau kecewa dengan beberapa individu dalam Pas yang menyifatkan laporan polis dibuat AMANAH Kubang Kerian baru-baru ini sebagai usaha untuk menghalang ahli Pas bersolat hajat di Wisma Tok Guru.

"Suka saya maklumkan mengikut Kanun Acara Jenayah, adalah menjadi tanggungjawab orang awam membuat laporan polis bila disyaki akan berlaku provokasi dan kekacauan sebagai maklumat awal kepada pihak polis untuk membuat penyiasatan dan mengambil langkah

prevenasi.

"Kenyataan YB Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan seperti yang disiarkan oleh akhbar dan diikuti dengan kenyataan Ahmad Fadli Shaari, Ketua Pemuda Pas Kelantan melalui status facebooknya adalah jelas bersifat provokasi yang bertujuan untuk menimbulkan kekacauan dan keresahan awam," kata Che Ibrahim yang juga Pengarah Panel Syariah AMANAH Kelantan.

Katanya lagi, walaupun Pas cuba berselindung di sebalik solat hajat, tetapi tindakan tersebut semakin menampakkan sikap Pas yang sering menunggang agama untuk tujuan politik.

"Masyarakat Islam amat faham dan sudah lama mengamalkan solat hajat tanpa

menimbulkan apa-apa keresahan yang boleh mengganggu ketenteraman awam, tetapi sikap Pas yang mengerahkan ahlinya dari seluruh negara untuk bersolat hajat hanya bagi tujuan memasuki bangunan di atas tanah yang baru dibeli, adalah jelas bersifat provokasi dan menggunakan agama untuk menyembunyikan hasrat sebenar mereka.

"Sikap mereka ini jelas membelakangkan undang-undang dan tidak menghormati proses mahkamah syariah yang masih membicarakan tuntutan pengesahan pusaka oleh waris si mati termasuk ke atas tanah yang telah dibeli oleh Pas ini," jelas beliau.

Sehingga kini sambungnya, Pas tidak pernah menfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi untuk mendapat perintah mengusir AMANAH yang didakwa telah

menduduki premis tersebut tanpa izin.

"Notis peguam supaya sesiapa yang menduduki bangunan tersebut keluar dan menyerahkan milikan kosong kepada tuan tanah yang baru tidak mempunyai apa-apa kuat-kuasa undang-undang selagi ia tidak berbentuk satu perintah mahkamah.

"Oleh itu adalah wajar buat AMANAH Kubang Kerian dan orang awam yang lain membuat laporan polis bagi membolehkan pihak polis membuat siasatan awal sebagaimana kehendak undang-undang bagi menghalang sebarang bentuk provokasi dan kekacauan berlaku walaupun mereka cuba berselindung di sebalik ajaran beragama seperti solat hajat dan seumpamanya," kata Che Ibrahim.

## TMB Kelantan salahkan 'dua ekor' punca masalah

**PENGKALAN CHEPA:** Masalah reka bentuk pasar baru Pasir Puteh yang diberi nama Pasar Siti Hajar adalah angka seorang pegawai di Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan seorang bekas ahli majlis MDPP.

Timbalan Menteri Besar (TMB) Kelantan Datuk Mohd Amar Abdullah berkata, dua individu itu memulakan perundingan dengan pihak pemaju dalam merekabentuk pasar baru itu.

"Dua ekor makhluk ini yang pergi berunding dengan syarikat pemaju pada masa Tok Guru (Nik Abdul Aziz Nik Mat) ada lagi.

"Kalau ada masalah pasar tu sempit atau lain-lain masalah pergi tanya mereka dan jangan salahkan orang lain," katanya ketika berceramah dekat

sini, 1 Nov lalu.

Enggan menamakan dua individu terbabit, beliau berkata MDPP dan badan-badan pelaksana lain hanya bertindak melaksanakan apa yang diputuskan.

"MDPP dan badan-badan lain yang membina pasar ini hanya melaksanakan keputusan kerana mereka telah dilantik mewakili majlis," katanya.

Beliau menggesa orang ramai khususnya para peniaga yang tidak berpuas hati dengan pasar baru itu supaya 'mencari' dua individu terbabit.

"Kalau nak komplek ruang tak muat, banyak masalah pergi cari dua orang ini dan marahkan mereka.

"Dua orang ini sekarang jadi kepala halian (juara) PAN di Pasir Puteh," katanya. PAN adalah singkatan Parti Amanah

Negera yang biasa digunakan pemimpin Pas dan Umno apabila merujuk kepada AMANAH.

Mohd Amar juga melahirkan rasa pelik apabila kerajaan negeri dipersalahkan ekoran masalah yang timbul di pasar baru itu.

"Sekarang pihak kerajaan pula mahu disalahkan sedangkan ini kerja mereka. Minta pula Menteri Besar turun cari penyelesaian.

"Kita telah ada Yang Dipertua Majlis Daerah, kita ada Exco (Kerajaan Tempatan) mereka-lah kena selesaikan masalah," katanya.

Beliau menyifatkan apa yang berlaku berpuncu daripada wujudnya 'pengacau' yang menghasut rakyat.

"Mereka ini yang mengadakan pelbagai cara untuk menimbulkan kebencian rakyat kepada kerajaan (negeri). Mereka sekarang menjadi pengganti Umno untuk menyerang

kita," katanya.

Majoriti peniaga Pasar Besar Pasir Puteh enggan berpindah ke pasar baru kerana mengadu ruang niaga yang disediakan terlalu kecil, sistem keselamatan dan longkang tidak sempurna dan lokasi pasar yang terpencil.

MDPP memberi notis supaya mereka berpindah sebelum 22 Oktober lalu.

Pada 22 Oktober, bekalan elektrik dan air di pasar lama dipotong dan ini memaksa peniaga mencari alternatif sendiri untuk meneruskan perniagaan.

Persatuan peniaga juga mengadakan gotong royong membersihkan kawasan pasar lama ekoran pihak MDPP menghentikan khidmat pembersihan dan pungutan sampah di pasar itu.



# Ganjil bila swasta pacu pembangunan

**KUALA LUMPUR:**Perbahasan Bajet 2018 di Dewan Rakyat menyaksikan cubaan Ahli Parlimen BN untuk mengalihkan tanggung jawab memacu pembangunan kepada pihak swasta dalam apa yang dianggap usaha meminimumkan pergantungan kepada kerajaan.

Sikap itu dikritik Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam) dan Liew Chin Tong (DAP-Kluang) yang berbalas hujah dengan Datuk Seri Ahmad Hamzah (BN-Jasin) dan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (BN-Kota Tinggi), 30 Okt lalu.

Khalid berpendapat ungkapan seperti "pembangunan dipacu sektor swasta" boleh mengelirukan orang awam kerana pihak swasta hanya berorientasikan keuntungan menyebabkan rakyat kemudiannya menanggung kos tinggi projek pembangunan.

"Ini istilah yang mengelirukan orang. Bila kita cakap pembangunan dipacu oleh sektor swasta maknanya kalau nak bina hospital, biar bina hospital swasta. Swasta ini dia buat sebab nak untung.

"Akhirnya rakyat yang kena bayar. Dia (swasta) buat lebuhraya maknanya dia mahukan keuntungan," tegas Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Sebaliknya, beliau berkata perbelanjaan

kerajaan dalam pembangunan bukan bersifat keuntungan.

"Ia dilakukan hasil kutipan cukai dan pendapatan maka kerajaan buat jalan raya, hanya dikenakan cukai jalan.

"Buat hospital hanya (kos) 'aircond'. Murahlah. Tapi bila kita kata dipacu oleh sektor swasta, maksudnya rakyat kena bayar. Adakah itu cadangan yang hendak dibawa oleh Jasin?" soal Khalid.

Walau bagaimanapun, Ahmad sekadar menjawab kerajaan juga ada masalah dan kekangan dan menyerahkan kepada menteri untuk menjawab kemusykilan ditimbulkan Khalid.

"Ramai rakyat gembira bahawa Bajet 2018 adalah yang terbaik sejak 60 tahun lalu. Ia telah dirangka secara berhemah dan pragmatik. Bukan saja berjanji bahkan ditunai. Kita punya kemampuan untuk melaksanakannya.

"Daripada bayi dalam kandungan sehingga kepada warga emas yang sakit dan sihat daripada petani sehingga flat di bandaraya mendapat faedah daripada Bajet 2018," hujahnya.

Terdahulu, Chin Tong ketika mencelah ucapan Ahmad berkata, belanjawan kali pertama dibentangkan Najib Razak (BN-Pekan) pada 2010 memperuntukkan 27

peratus bagi pembangunan berbanding hanya 16 peratus dalam Bajet 2018.

"Peruntukan pembangunan tidak boleh dipacu sektor swasta. Adakah Jasin setuju peruntukan pembangunan ini (Bajet 2018) di tahap yang rendah iaitu 16 peratus sahaja sedangkan tadi Jasin kata ini bajet paling baik di dunia," soalnya.

Bagaimanapun, Ahmad menjawab kerajaan BN tidak sempurna dan akan melakukan penambahbaikan.

Sementara itu, Noor Ehsanuddin mengagap pelaburan yang lebih besar daripada sektor swasta membantu bagi memacu transformasi ekonomi di negara ini.

"Kita mengurangkan pergantungan kepada sektor awam. Pihak pembangkang agak dangkal dalam melihat keperluan mengurangkan pergantungan kepada kerajaan," tuduhnya.

Susulan itu, Ahmad menyambung penjelasan kononnya kerajaan akan mengambil kira dan mempertimbangkan cadangan penambahbaikan dan kritikan membina berkaitan belanjawan tahun depan.

"Saya minta Parlimen, kalau Jasin dan Kota Tinggi setuju, kita boleh buat usul bersama supaya bajet boleh diubah," sambut Chin Tong yang juga Pengarah Pendidikan Politik DAP.

SIDANG  
DEWAN  
RAKYAT



## Sikap orang agama antara penyebab Islam dipersenda

**MOHAMED** Hanipa Maidin (AMANAH-Sepang) menegur sikap dan tindakan setengah orang agama yang membuka ruang untuk agama Islam itu dilihat buruk dan dipersenda.

Menjawab celahan Nasrudin Hassan (Pas-Temerloh) dalam perbahasan di Dewan Rakyat 25 Oktober lalu, Hanipa berkata, lebih teruk lagi apabila 'orang agama' itu secara terang-terangan membela pemimpin yang korup.

"Saya setuju secara umumnya kita tidak harus mempersendakan. Tetapi kadang-kadang kenyataan kita (orang agama) meletakkan diri kita dipersendakan. Sebagai contoh, saman DoJ (Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat). Kita (orang agama) kata ini campur tangan asing. Ini menjatuhkan imej orang agama.

"Orang-orang mufti semua boleh kata DoJ ini pun campur tangan asing sedangkan saman DoJ ini menunjukkan satu saman yang patut kita sokong. Bukan campur tangan asing. Kamu tidak faham DoJ, janganlah buat kenyataan," katanya.

Terdahulu Nasrudin ketika mencelah ucapan Hanipa berkata, orang agama tiada masalah untuk dikritik namun jangan sampai menghina dan memperlekeh golongan itu sehingga menjadi modal menjatuhkan imej institusi agama.

Malah kata Hanipa, masalah lebih besar yang berlaku pada waktu ini adalah apabila kadang-kadang ada kalangan orang agama menganggap diri mereka suci dan tidak boleh dikritik.

Sementara itu, Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam) yang turut mencelah pada sesi perbahasan berkata, menjadi suatu masalah apabila kritikan terhadap orang agama dianggap sebagai menghina agama.

"Sedangkan kita berhadapan dengan masyarakat yang banyak kekeliruan, lebih-lebih lagi berhubung dengan Islam. Bukan sekadar yang bukan Islam, yang Islam pun keliru berhubung dengan Islam oleh sebab apa yang berlaku di peringkat antarabangsa dan sebagainya.

"Maka kita sebagai pemimpin, sebagai wakil rakyat, mengatakan kita mewakili perjuangan Islam dan sebagainya, sama ada mereka memberikan tegurankah, kritikankah, kita seharusnya memberikan satu respons yang positif dan tidak sentiasa hendak cari point untuk mencetuskan perbalahan dan melakukan adu-domba, hendak bergaduh di sana," katanya.

## Ibu segala bajet atau ibu segala kleptokrat?

**SIFAT** seorang ibu sangat menyayangi anak-anak dan sentiasa berkorban tanpa meminta balasan daripada mereka, kata Dr Mohd Hatta Md Ramli (AMANAH-Kuala Krai).

Dalam nada sinis Mohd Hatta berkata, sifat itu sangat bercanggah dengan 'ibu segala bajet' yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2018 di Dewan Rakyat lalu.

"Ibu lebih sensitif dan penyayang, ibu juga tidak meminta balasan, ibu apabila memberi menganggap itu satu tanggung jawab dia untuk memberi. Dia tidak mengambil hak anak-anak dan keluarga, tidak mencuri, kita tidak pernah dengar seorang ibu kleptokrat.

"Tidaklah seperti ibu segala bajet ini, penghujungnya minta rakyat menyokong BN. Itu tidak kena. Jadi ibu segala bajet ini Yang Berhormat sekalian, kita kena hati-hati," kata Mohd Hatta ketika membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2018 di Dewan Rakyat

31 Oktober lalu.

Mohd Hatta berkata, Bajet 2018 yang juga 'gula-gula pilihan raya' ini sekalipun manis tetapi pahit untuk ditelan oleh rakyat.

Apatah lagi kata beliau, kenyataan Najib yang mendakwa ekonomi negara berkembang baik dirasakan bercanggah dengan keadaan semasa yang dihadapi oleh rakyat terbanyak.

"Dikhabarkan setiap tahun 50,000 pemuangan pekerja berlaku dan meningkat, tahun sebelumnya 40,000 lebih, apakah masa depan kita akan lebih baik? Pengangguran pula pada kadar 3.45 peratus iaitu meningkat daripada 2.85 peratus dalam tahun 2014.

"Peningkatan indeks harga pengguna (IHP) sebanyak 4.3 peratus pada September 2017 ini, berbanding setahun yang lalu. Ini tentulah memberi kesan yang pedih kepada rakyat. Inilah inflasi dan rakyat rasai

kepedihannya," katanya.

Selain berita beberapa buah pasaraya besar mengumumkan akan menutup operasi, sebelum ini rakyat juga dikejutkan dengan penutupan cawangan-cawangan bank dan terbaru Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

"Jadi ini semua kesimpulannya menunjukkan ekonomi kita tidak baik. Walaupun Perdana Menteri meyakinkan kita dengan senyum sepanjang pembentangan, dengan membawa beberapa tetamu hadir termasuk Kak Wan, tetapi hakikatnya rakyat di luar sana sedang menghadapi masalah.

"Puncanya kita tahu, kita tahu, bukan kita tidak tahu. Antaranya GST, kita sebut sudah banyak kali. Kejatuhan ringgit sudah diulang. Jadi perkara-perkara macam ini tidak bolehlah rakyat biasa hendak menanganinya. Kerajaan lah yang harus menanganinya," katanya.

## Kerajaan BN gagal tunai janji bina 1.1 juta rumah

**AMANAH** mempersoal kesungguhan kerajaan BN dalam menunaikan janji mereka pada 2013 lalu untuk menyediakan 1.1 juta rumah mampu milik menjelang 2018.

Khalid Abdul Samad (AMANAH-Shah Alam) berkata, dengan berbaki lebih sebulan sahaja lagi sebelum menjengah tahun 2018, angka itu agak mustahil untuk dicapai apatah lagi dengan rumah yang telah siap tidak sampai separuh daripada jumlah keseluruhan.

"Adakah ini merupakan satu hakikat bahawa Kerajaan BN hanya membuat janji-janji manis bila hendak pilihan raya, tetapi bila sudah dekat hendak habis, sudah hendak tamat, sudah tidak boleh buat," kata Khalid.

Terdahulu Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar ketika menjawab soalan Khalid memaklumkan bahawa daripada jumlah 1.1 juta itu hanya 255,341 unit atau 23 peratus sahaja yang sudah siap.

Menurut Noh, dari 1 Januari 2013 hingga 15 Oktober 2017 sebanyak 717,512 unit atau 64.6 peratus masih dalam proses pembinaan dan baki 138,335 unit atau 12.4 peratus belum dibuat.

Alasan kepada masalah itu, kata Noh kerana beberapa faktor termasuk kerjasama daripada kerajaan negeri untuk proses kebenaran tanah dan lain-lain.

Mengulas perkara itu, Khalid bagaimana-

pun berkata, ia adalah satu kegagalan bagi kerajaan BN apabila tidak mengambil kira semua persoalan itu dalam perancangan mereka sebelum ini.

Malah kata beliau, jumlah baki yang masih belum dibuat itu pada pandangannya belumpun dimohon kebenaran untuk pembinaan sedangkan tempoh masa yang dijanjikan akan tamat beberapa bulan lagi.

"Yang Berhormat Menteri macam mana hendak tangani masalah ini? Hampir 700,000 lebih dalam proses, 130,000 lebih baki itu sudah dekat 900,000 lebih.

"Ringkasnya Yang Berhormat Menteri, BN buat janji tidak ambil kira ini semua. Maknanya Yang Berhormat Menteri tidak tahu proses," katanya.



# Amar makruf nahi mungkar adalah pembebasan

**MEMBICARAKAN** tema besar dalam Al-Quran bahawa umat yang utama itu adalah mereka yang menyeru kepada kebaikan, kebajikan dan menolak segala bentuk keburukan, kebatilan dan kemungkaran adalah suatu yang menjelaskan imej agama yang mulia ini.

Ali bin Abi Talib k.w.j. yang digelar Gerbang Ilmu oleh Rasulullah s.a.w. itu pernah mengatakan kalimat-kalimat seperti berikut yang kemudiannya dikutip oleh Ibnu Taimiyah di dalam kitabnya, *Amar Maaruf Wa Nahyu Anil Munkar*:

"Tuhan akan menolong negeri yang adil meskipun penduduknya kafir, dan tidak akan menolong negeri yang zalim walaupun penduduknya adalah majoriti muslim." (Harun Nasution, *Pembaharuan Dalam Islam: Sejarah pemikiran dan Gerakan*, Jakarta, Bulan Bintang, 1975. Dan lihat juga Harun Nasution, *Islam Rasional*, Bandung, Mizan)

Oleh itu saya amat bersetuju dengan Sarjana Muslim Indonesia, Kuntowijoyo yang menegaskan bahawa konsep Amar Maaruf Nahi Munkar itu sebenarnya adalah konsep 'liberation' atau pembebasan di mana penggarapan seluruh daya untuk yang baik, yang benar dan penggarapan seluruh daya untuk menolak kejahatan, kebatilan dan kemungkaran adalah sebuah doktrin yang jika dilaksanakan akan dapat membebaskan manusia.

Amar Maaruf Nahi Munkar akan menjurus kepada adil dan keadilan. Konsep ini juga membawa kepada paradigma dasar untuk membawa keseimbangan atau al-mizan yakni pegangan hidup yang tidak berat sebelah, adil mendekati kata sawiyat iaitu pemerataan (equalizing) dan kesamaan.

Seperti mana yang kita ketahui, bentuk lawan dari kata adil adalah 'zhulum' dan 'jaur' (penindasan dan kejahatan). Kata qist' yang mengandung makna distribusi, ansuran, jarak yang merata, keadilan,

kejujuran atau kewajaran.

Al-Quran mengajar kita supaya selalu menegakkan nilai-nilai keadilan dalam kehidupan masyarakat. Salah satunya menuntut orang-orang kaya agar memberi sesuatu yang dimiliki kepada orang miskin sesuai dengan kadar yang ditentukan oleh syarak. Konsep Amar Maaruf Nahi Munkar perlu difahami secara yang luas tetapi merangkul konsep-konsep yang berkaitan dengannya. (Dipetik daripada *Wacana Islam Progresif*, Sudarto, IRCiSoD, 2014)

Sampai bila kita hanya menanggapi konsep Amar Maaruf Nahi Munkar ini secara literal dengan menekankan kepada usaha menyeru kepada yang baik dan mencegah dari segala kemaksiatan, di mana ianya hanya dibicarakan dalam konteks dakwah semata-mata?

Konsep Al Amru Bil Maaruf Wa Nahyu Anil Munkar selama ini ditafsirkan sebagai usaha-usaha menyeru kepada kebajikan dan menentang kemungkaran secara yang sempit. Ia tidak digarap menjadi suatu kekuatan revolusioner umat bagi menegakkan keadilan, kesaksamaan dan pemerataan ekonomi dalam negara. Hati-hatilah bila berbicara tentang konsep Amar Maaruf Nahi Munkar kalau ianya tidak dilihat sebagai sebuah konsep utama yang merangkumi sebahagian besar daripada ajaran dan tema penting agama Allah ini.

Peranan ulama dan intelektual dalam masyarakat untuk memperjelaskan lagi konsep ini menerusi wacana dan diskusi yang serius dengan melalui pembebasan pemikiran daripada tafsiran-tafsiran lama yang disempitkan.

Menurut Mazlee Malik (2016), "Di dalam melaksanakan konsep al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'al-an-munkar, prinsip akauntabiliti merupakan salah satu dari kewajipan yang perlu ada di dalam proses tatakelola yang baik. Konsep akauntabiliti pula memerlukan kepada unsur ketelusan

(transparency) di dalam semua lapisan proses tatakelola. Setiap pihak, sama ada pemerintah, pentadbir, mahupun penjawat awam perlu bersikap telus. Setiap aktor yang terlibat dengan aktiviti tatakelola, parti-parti politik, penggubal undang-undang (ahli parlimen), penjawat awam, pentadbir dan mana-mana wakil rakyat perlu bersikap telus di dalam menjalankan tugas mereka."

Jelaslah konsep amar maaruf nahi munkar amat besar sekali impaknya kepada perjuangan Islam sejagat. Tema inilah yang merubah pemikiran dan gerak tinda kami para pelajar, mahasiswa negara di awal tahun 70-an dahulu. Di waktu kami belum lagi mampu menghafal dan menerapkan dalam diri kepelbagaian ayat-ayat suci Al-Quran maka, kalimat-kalimat amar maaruf nahi munkar ini sentiasa di bibir kami. Apapun gerak kerja yang kami lakukan dilandaskan amar maaruf nahi munkar.

Ada seorang pemimpin pelajar yang terlalu ghairah dengan kalimat-kalimat mulia ini tersasul menyebut, "Perjuangan kita di negara ini adalah berlandaskan amar maaruf... munkar nakir..."

Kami yang berada di majlis itu berasa amat malu tetapi lucu memikirkannya apabila ucapan itu dibuat oleh seorang pelajar Islam seperti pepatah, "Anak mula julung berkeris" di hadapan tetamu seorang menteri yang mendapat pendidikan tinggi agama.

Walaupun peristiwa ini satu anekdot kecil yang berupa ketersasulan kata seorang pemicato yang agak gopoh berkata-kata. Tetapi bagi saya ini menunjukkan betapa kalimat al amru bil maaruf wa nahyu anil munkar amat mempengaruhi kami di zaman mahasiswa. Kalimat-kalimat itulah yang menumbuhkan sikap sasa dan berani para mahasiswa tanah air, menolak segala bentuk kepura-puraan, penyele-



**PENDAPAT**  
**MOHD ANUAR TAHIR**

wengan, penindasan dan kezaliman.

Berpijak kepada pegangan amar maaruf sebagai sebuah gerakan pembebasan, marilah bersama kita lestarikan kefahaman rakyat dan warganegara seluruhnya untuk berjuang memelihara amanah demokrasi dan kemerdekaan.

Para anggota dan penyokong Parti Amanah Negara hendaklah menjadikan al amru bil maaruf wa nahyu anil munkar sebagai tema pokok dalam perjuangan untuk melaksanakan dasar dan tujuan kewujudan parti seperti yang termaktub dalam fasal ketiga dalam perlembagaan:

3.1 Memartabat dan menegakkan Islam sebagai dasar perjuangan.  
3.2 Mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua (Rahmatan li 'Alameen).  
3.3 Melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus yang baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan.

Dengan semangat Amal Maaruf Nahi Munkar kita bangkit Menjunjung Amanah Rakyat dan menggerakkan seluruh upaya yang ada demi idealisme perjuangan. Ayuh menuju demokrasi asasi. Hayya 'Ala Dimuqratiyyah!

■ **Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

## Felda menang sorak kampung tergadai?

**SEBELUM** Felda Global Ventures (FGV) disenaraikan lagi, Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) telah membuat bantahan dan tentangan kuat.

Anak bertegas, penyenaarian FGV di Bursa Malaysia adalah suatu malapetaka yang bakal memberi kesan buruk kepada Felda dan peneroka Felda.

Segala usaha dan ikhtiar dibuat. Merayu kepada YAB Perdana Menteri dengan menyerah sendiri memorandum di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

YAB Perdana Menteri bukan sahaja tidak menghargai pandangan Anak, bahkan tergamak mengungkapkan perkataan kesat, 'haram jadah' kepada penentang FGV.

Anak mengetuai himpunan aman di bangunan ibu pejabat Felda, berarak dan menyerah memo ke Istana Negara, Jelajah Kembara Oren dan menggunakan saluran undang-undang.

Tidak banyak pihak yang bersama Anak waktu itu. Rata-rata terpedaya dengan gambaran indah mengenai penyenaarian yang diumumkan dengan bangganya, kedua

terbesar selepas facebook. Apatah lagi setiap peneroka diberi RM15,000!

Justeru benarlah seperti kata pakar ekonomi Dr Jomo Kwame Sundaram; hari ini masyarakat felda yang terdiri daripada peneroka, generasi baru Felda dan kaki-tangan Felda sekitar sejuta orang telah menanggung akibat yang sangat buruk.

Untuk meredakan amarah warga Felda, diberilah dedak (gula-gula) melalui insentif, antaranya insentif khas berjumlah RM5,000 kepada peneroka 'yang bersama Felda'.

Dalam situasi FGV yang terumbang ambing, terlalu awal untuk menjangkakan kemampuan Pengerusi dan CEO Felda membawa pelan pemulihan ke atas FGV.

Ada yang memberi pandangan agar Anak hentikan pertembungan dengan kerajaan dan melakukan kerjasama demi kebaikan peneroka.

Sebenarnya itulah yang diusahakan dari awal. Sama ada Perdana Menteri, Tan Sri Isa Samad, Datuk Ahmad Maslan dan Datuk Faizoul Ahmad, berbagai usaha

dibuat. Sampaikan ke suatu peringkat ketika Datuk Ahmad Maslan menolak debat dan bersedia dengan 'dialog tiga hari tiga malam' (ungkapan Ahmad Maslan), Anak menerima dengan senang hati.

Malangnya ego dan sombong kerajaan, segala pandangan ditolak mentah-mentah. Bahkan anggota pengurusan kanan Felda yang telah berkhidmat begitu lama menerima tekanan teruk, hanya kerana berbeza pandangan mengenai FGV.

Justeru bagi Anak, sementara kita merai dan menghargai langkah-langkah pemulihan ke atas Felda dan FGV; tidak dapat dinafi, warga Felda mesti mempertimbangkan situasi yang ada demi masa depan mereka.

Kuasa undi di 54 parlimen Felda seluruh negara harus dimanfaatkan dalam PRU14 ini.

Sama ada memilih kerajaan sedia ada atau kerajaan baru, semuanya terpulung kepada kebijaksanaan peneroka dan



**PENDAPAT**  
**MAZLAN ALIMAN**

warganya.

Barang diingat, kegagalan memulihkan Felda dan FGV; mimpi ngeri yang tidak terfikir oleh kita, boleh sahaja akan menimpa masyarakat Felda!

Adakah ia membenarkan pepatah Melayu, 'menang sorak, kampung tergadai'?

■ **Mazlan Aliman ialah Presiden Anak dan Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional.**



# The shocking "kepala bapak kau" remark

By **MARIAM MOKHTAR**

**WHEN** a prime minister uses coarse, gutter language like "kepala bapak kau" when addressing a large crowd, and he is all too aware that he is being filmed, it could mean any of the following.

He is angry.

He is rude.

He is reacting to the remarks someone else made.

Perhaps, all of the above.

Nothing anyone says, not even the PM, can justify the use of the words, "kepala bapak kau". In Malay households, the use of these words are verboten.

One friend, who used this expression was severely reprimanded by his mother and told to wash his mouth out with "Chlorox". That person was not a child or a wily teenager. He was a forty-year-old married man with two children, and he had scolded his maid for leaving a tap dripping. His own mother heard him, and sent him packing. Those words are

not just rude, they are also a sign of a bad upbringing. No wonder, his mother told him off. It reflected on her, too.

What was Prime Minister Najib Razak thinking when he used the three words, "kepala bapak kau" at the 64th MCA annual general assembly recently? Was it for effect?

From the laughing faces and hoots of approval, Najib appeared to be playing to the crowd. This is shocking, but not as shocking as the MCA leadership's apparent lack of knowledge of the nuances of the Malay language.

Najib's words were coarse and should never have been uttered by a PM. He sets a poor example and in other parts of the civilised world, a leader who utters these words would be fighting for his political survival. Our MPs appear to think that sexist, ageist, and crude remarks are a legitimate part of a politician's repertoire.

The remarks, "kepala bapak kau" were uttered when Najib denied that his government had sold off the sovereignty of the nation to

the People's Republic of China.

Najib was enraged by the claim made by the opposition that locals were not allowed to enter the Kuantan Industrial Park land in Gebeng.

A newspaper reported that the local representative, Teruntum assemblyman, Sim Chon Siang, was prevented from visiting the site despite a written request. The project forms part of the Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP), and Sim's constituents had complained about the lack of transparency, and that mainly foreign workers and foreign construction material was being used at the site.

The entire project site is surrounded by an eight-foot wall, most of which is topped with steel spikes. Satellite images show that the protective wall is about nine kilometres long. The main, and only, entrance is guarded by men in white uniforms from a local private security firm. Additional security is provided by guards from China, in black uniforms.

Najib's three little words, were also directed

at Mahathir Mohamad's comments about Forest City in Johor.

Perhaps, Najib should understand the concerns of the locals. The Forest City is reclaimed land, but the target customers are those with money. Locals cannot afford the sort of houses which Forest City offers. Moreover, the mainly foreign owners of Forest City will enjoy the special perks, and tax-free status, which will be denied to the locals.

The homes in Forest City will be sold on a 99-year lease to wealthy foreigners, but for many locals, this is as good as providing them with freehold land. Many of the locals, who own tiny plots of land are still unable to convert these into freehold status.

Najib should stop using crudity to detract from the main concerns which the locals have about these two areas. Is it any wonder that many people, including the opposition, have claimed the nation's sovereignty has been sold-off?

■ **Mariam Mokhtar is an FMT columnist.**

## Ex-envoy abandoned Pas, joins DAP

**FORMER** ambassador to Mexico Yeop Adlan Che Rose has joined DAP, according to the party's Malay-language news portal *Rocketkini.com*.

According to the portal, Yeop Adlan, 74, said DAP's governance of Penang was the main reason he had joined the party.

"The party isn't anti-Islam, as claimed by some. The Penang Islamic Department is given an allocation of RM14 million a year by the state government," he was quoted as saying.

Yeop Adlan said the Penang government, led by DAP and other Pakatan Harapan parties, was the only state government that was clean, efficient and trustworthy.

He said this was the main reason that drew him to the party, which he decided to join after having previously joined Pas and PKR.

"For 50 years, Penang was held by Barisan Nasional and what have they done? There



was no planning, everything was disorganised, eateries were filthy.

"DAP, in just two terms, has turned the state into a clean one. The state is prudent with its budget and there is no more abuse of funds. They also practise an open tender system.

"The debts have been reduced from RM680 million to just RM66 million while Pahang's debts are at RM2.3 billion," he was quoted as saying.

Yeop Adlan said the economic been reduced from RM-680 million to just RM66 million while Pahang's debts are at RM2.3 billion," he

was quoted as saying. development of Malays would only be achieved in a country that was administered in the same manner as Penang.

He said Malays should not be afraid of DAP's involvement in PH.

"DAP is under the Chinese, but if the party is successful and shows its prowess, then what is wrong with that?"

"Like how the Malaysian football team was such a feared team those days. The captain of the team was Soh Chin Aun and there were no problems with that. Abdullah Nordin could still play by his side and Santokh Singh behind him."

He also said fighting corruption should be the main agenda for the federal government.

"It is the main thing that should be given high priority. The Malaysian Anti-Corruption Commission has failed in its job to curb corruption as until today it has failed to investigate the money from 1MDB.

"If you have RM2.6 billion in your account, that makes it a world record," he said, adding that the recent high profile arrests were just for show.

## Why I am willing to accept Mahathir in the opposition

By **MICHELLE NG**

I am a 27-year-old member of DAP. When the announcement was first made that PPBM would be joining the opposition coalition, I could not stomach it.

I shook my head at the idea of working with a political party with a race-based facade. We, the opposition, had long fought against the laws, policies and institutional and social fragmentation that occurred during Dr Mahathir Mohamad's era – how could we turn our backs on our work all these years and now sleep with the devil, so to speak?

I figured there must have been a reason for this move, and decided that instead of criticising, I would choose to first listen to my leaders. In doing so, I effectively had a mirror held up in front of me for a good, hard look at myself. I realised that the questions I asked had

reflected on me as well. Let me explain why.

I learned that my views came from ideals – the ideal that Malaysians should be treated equally regardless of race or religion. But I learned that ideals cannot be imposed onto present reality – they are two opposites that repel each other. To achieve our ideals, we must work from reality.

And our reality is this: Outside our cities and suburbs (and perhaps even within) live a majority of our fellow Malaysians who are a product of racial and religious fragmentation from the old regime.

Through no fault of their own, they think, communicate and operate in a particular fashion, such that they tend to trust those from the same race and religion quite a bit more. You and I do not understand them, and perhaps never fully will.

Bring a DAP ceramah into the estates, and we would be lucky to have 50 attendees. But bring a PPBM ceramah with the

same message into the same estate, and we see it thronged with thousands of attendees.

The people who can relate to them understand this social fragmentation. They are the people who can convince them to break off from what they have been made to believe. If that is the best way forward, I am willing to stomach our alliance with Mahathir if this means achieving that goal of a Malaysia for Malaysians.

Let us remember that the opposition did not go to them. They came to the opposition.

I gain strength in observing my leaders – Lim Kit Siang and Anwar Ibrahim, in particular – who have expressed such grace in the opposition's decision to work with Mahathir.

The very men who suffered during that regime and who were incarcerated and tortured have forgiven him. Why

can't I, someone who is, at best, an indirect recipient of that regime?

I looked in that mirror and chose to overcome my pride and come to terms with what I do not know.

I do not need an apology to forgive. As Eva Mozes Kor, a Holocaust survivor, said: forgiveness is a power that I exercise towards self-healing, self-liberation and self-empowerment. The tragic part is that we cannot change what happened, but we can change how we relate to it.

Enough of chaining ourselves to the past. We must get down to business.

■ **Michelle Ng is a member of DAP, a practising lawyer and the DAP legal bureau secretary. She graduated with a Bachelor of Law from the London School of Economics and Political Science.**



# Tanda-tanda Najib tertekan

**B**ARU-BARU ini rakyat Malaysia terkejut dengan kata-kata kesat yang dikeluarkan Najib semasa beliau berucap di dalam mesyuarat agung tahunan MCA.

Perkataan 'bodoh' dan 'kepala bapak kamu' merupakan perkataan 'highlight' persidangan tersebut. Sambil itu yang turut menjadi tumpuan adalah pendendahan dan pengakuan Najib bahawa DAP tidak boleh berkuasa.

Ada yang menyatakan bahawa kata-kata kesat itu adalah petanda bahawa "Najib is at the end of his rope" atau sudah hampir nak hilang kesiumannya atas sebab tekanan yang dialaminya. Kata-kata sebegini yang jelas ditujukan kepada Tun Mahathir, memperlihatkan ketidakmampuan beliau untuk menghadapi serangan demi serangan yang semakin mengasak yang dilancarkan pembangkang terhadapnya, khususnya oleh Tun Mahathir. Maka apabila tidak mampu lagi, cacian dan makian adalah jawapan balasnya.

Semua tahu bahawa perkembangan luar negara berhubung siasatan terhadapnya tidak dapat dikawal. Tidak memadai dengan apa yang dilakukan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dan perbicaraan-perbicaraan di Singapura dan sebagainya, kesemua berhubung 1MDB, tiba-tiba putera diraja Saudi yang terbabit dengan Najib turut ditahan. Suasana yang semakin berubah kelihatan mengecilkan Najib dan ruang untuk beliau berpencak silat menghadapi tuduhan kleptokrasi semakin sempit.

Hasil dari ini semua, maka rakyat dihidangkan dengan adegan-adegan mencaci dan menyumpah yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia. Tidak cukup dengan dibebani

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL

KHALID SAMAD



tuduhan kleptokrasi yang hingga hari ini tidak dijawabnya, Najib sekarang ini dibebani imej celupar dan tidak beradab atau kurang ajar!

Sudah pasti Najib akan dapati bahawa tindakan mencaci dan menyumpah beliau hanya mendatangkan kelegaan sesaat sahaja, mungkin semasa beliau menuturkannya sahaja, tetapi akan menghantuinya sebaik sahaja selepas itu sehingga PRU ke-14.

## HILANG SIUMAN

Sekiranya andaian bahawa beliau "at the end of his rope" atau hampir hilang kesiumannya, sudah pasti peristiwa ini akan mempercepatkan proses 'penggilaan' beliau lagi. Yang menghairankan, mereka yang sedang mendengarnya bertepuk sorak tanda setuju. Terhakisnya kesiuman seseorang hasil tekanan yang dialaminya merupakan penyakit yang menjangkit? Mungkin boleh berlaku apabila yang mendengar turut mengalami tekanan yang sama walaupun tidak ke tahap yang sama. Hanya bagaikan 'Bravado' terakhir. Menunjukkan keberanian saat-saat di akhir hayat politiknya seperti 'General Custer's last stand'?

Walaupun andaian di atas adalah menarik, yang lebih menarik adalah kata-kata Najib berhubung DAP. Dalam menyeru masyarakat Tiong Hua yang hadir sebagai perwakilan dan pemerhati mesyuarat agung tahunan

“**Sebenarnya ucapan Najib mengejek kaum Tionghoa. Najib menyatakan kepada mereka secara menyindir bahawa kehendak mereka tidak akan tercapai. Kaum Tionghoa tidak mampu selain menjadi pengikut Umno. Wawasan dan harapan kaum Tionghoa akan hanya tercapai dengan mereka berpaut pada Umno. Dan dalam soal berpaut dan melutut pada Umno, di kalangan masyarakat Tionghoa, MCA adalah 'nomboro Uno' atau nombor satu.**

MCA, Najib sebenarnya mengejek-ejek masyarakat Cina. Maksud tersirat pada kata-kata Najib adalah mana-mana parti Cina termasuk DAP, tidak boleh membentuk kerajaan. Walaupun kesemua kerusi Cina dimenangi DAP, seperti yang hampir berlaku pada PRU yang lepas, DAP tidak boleh membentuk kerajaan. Oleh itu terima sahajalah kedudukan kamu sebagai masyarakat minoriti yang mesti tunduk pada Umno. Dan Umno melayan kamu dengan baik maka kaum Cina nak apa lagi?

Maka kata-kata Najib ini mendedahkan bahawa dakwaan Umno selama ini bahawa sekiranya BN kalah dan PH memerintah maka kerajaan PH akan dikuasai DAP adalah satu pembohongan! Lanya sekadar untuk menakutkan Melayu semata-mata demi kepentingan politik Najib sendiri. Supaya Melayu terus tunduk kepada Umno atas sebab ketakutan ini.

Sudah lama kami katakan, bukan sekadar DAP tidak mampu membentuk kerajaan, mereka turut tidak akan mampu menguasai kerajaan. Itu hakikat politik negara

kita yang sebenarnya. Apabila PH membentuk kerajaan, ini bermakna PH mempunyai paling kurang 112 kerusi. Ini bermakna beberapa kerusi Umno telah jatuh kepada AMANAH, PPBM dan Keadilan. DAP hanya bertanding 50 kerusi dan dengan itu hanya mampu memperolehi maksima 50 kerusi. Ini bererti 62 kerusi berada di tangan parti-parti lain. Maka bagaimana parti yang mempunyai 50 kerusi boleh menguasai parti-parti yang apabila dijumlahkan, mempunyai 62 kerusi yang lain?

Itu pun kalau yang dimenangi hanya 112 kerusi. PH meletakkan sasaran untuk menang 130 kerusi paling minima. Ini bererti jumlah kerusi AMANAH, PPBM dan Keadilan apabila dijumlahkan adalah sebanyak 80 kerusi. Dan ini tidak mustahil tercapai sekiranya diusahakan. Rakyat jelata bukan sekadar naik meluat dengan bahasa kesat Najib, mereka merasai kesan buruk dasar-dasar Najib! Termasuk persoalan kenaikan harga minyak yang semakin naik.

Dalam keadaan begitu, bagaimana DAP atau mana-mana satu parti boleh mendominasi PH? Dari 80 kerusi itu

mungkin 20 milik AMANAH, 25 milik PPBM dan 35 Keadilan. Tiada mana-mana satu parti pun boleh mendominasi. Maka tidak akan diulangi penyakit diktator seperti yang pernah dialami di bawah BN.

Dan kami yakin, setelah dimenangi PH, Ahli Parlimen BN sendiri akan berganjak. Mereka bukan Ahli Parlimen pembangkang dan tidak mampu menjadi pembangkang. Tetapi kita akan pilih dan tapis dengan baik. YB Pekan dan penyokong tegarnya akan terpaksa kita tolak walaupun pada ketika itu mereka mungkin memohon untuk menyertai AMANAH!

Selain dari itu, sebenarnya ucapan Najib mengejek kaum Tionghoa. Najib menyatakan kepada mereka secara menyindir bahawa kehendak mereka tidak akan tercapai. Kaum Tionghoa tidak mampu selain menjadi pengikut Umno. Wawasan dan harapan kaum Tionghoa akan hanya tercapai dengan mereka berpaut pada Umno. Dan dalam soal berpaut dan melutut pada Umno, di kalangan masyarakat Tionghoa, MCA adalah 'nomboro Uno' atau nombor satu.

Saya pelik melihat perwakilan MCA bertepuk tangan dan bersorak bersetuju dengan kenyataan Najib. Memang betul dia sedang mencaci Tun Mahathir, tetapi dia turut menghina kamu. Masyarakat Tionghoa tidak mampu menjadi selain pengikut dan pemuja Umno.

Sudah pasti PH menawarkan peranan yang lebih terhormat dan mulia bagi masyarakat Tionghoa. Sebagai rakan dalam usaha membina kembali negara Malaysia sebagai negara aman, damai, maju dan makmur.

**Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH.**

## Inikah standard Perdana Menteri Malaysia?

**SAYA** mendengar sendiri video ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam Perhimpunan Agung MCA di ibu kota.

Saya sama sekali tak sangka standard percakapan beliau dalam perhimpunan itu, khususnya tentang DAP, begitu rendah setahap itu. Saya tertanya "Ni PM negara aku ke?"

Saya mungkin masih boleh terima jika yang bercakap sebegini ialah menteri dalam kabinet beliau atau timbalan menteri atau ahli parlimen parti beliau, sebab saya biasa dengar ucapan "low standard" daripada mereka dalam sidang Parlimen.

Bila Perdana Menteri minta MCA memberitahu masyarakat Cina jika DAP menang semua kerusi sekalipun dalam pilihan raya umum (PRU), parti itu tidak boleh perintah kerajaan, bagi saya, "he is beyond repair" (tidak



boleh diperbaiki) dah!

Macamlah MCA, parti yang PM sendiri akui hanya ada tujuh kerusi Parlimen sahaja sekarang ini sedang perintah kerajaan.

Satu lagi, sejak bila pula DAP mahu membentuk kerajaan di peringkat pusat secara bersendirian. Ini bukan isu yang DAP, setakat yang saya tahu, perjuangkan daripada dulu, kini dan masa depan. DAP yang ramai orang cerdik dalamnya, memang mahu memerintah Malaysia tetapi bukan bersendirian, sebaliknya dengan Pakatan Harapan (PH).

Satu lagi janganlah anggap orang

Cina bodoh. Saya juga tak rasa MCA terlalu bodoh dan bersedia bawa mesej tak cerdik daripada PM itu.

Yang akhir sekali DAP bukan parti Cina macam MCA. DAP parti pelbagai kaum meskipun ramai orang Cina dalam parti itu. Kenapa hendak mainkan isu perkauman sampai ke tahap itu?

\*\*\*

Malysiakini melaporkan kenyataan seorang pemimpin Umno yang menggesa agar jentera penerangan Umno negeri jangan terlalu "malu alah" dalam menyebarkan kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Saya setuju dengan kenyataan pemimpin Umno tersebut, cuma mungkin berbeza sikit pandangan

dari segi menafsirkan perkataan "kejayaan Najib tersebut"

Bagi saya "kejayaan gemilang dan terbilang" Najib amat banyak dan amat tak patut rakyat Malaysia malu alah untuk tahu. Antara "kejayaan gemilang dan terbilang" beliau adalah:

a) Meletakkan nama Malaysia di peta dunia dengan skandal kewangan yang berskala besar melibatkan wang berbilion USD lesap. Sudah tentu, ini adalah "ibu segala kejayaan" tersebut.

b) Berjaya meyakinkan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) untuk memfailkan saman sivil dan tindakan jenayah ke atas 1MDB di bumi Uncle Sam di bawah Unit Kleptokrasi. Tiada lagi mana-mana PM negara ini "berjaya secemerlang" Najib bagi perkara yang sama!

c) Berjaya menghantar seorang yang mengemudi 1MDB utk memahami isu 1MDB yang "berbelit-belit" tersebut sekitar dua jam sahaja kepada pemimpin Pas. Yang ini saya amat cemburu kerana sehingga kini saya masih "struggle" nak faham!

d) Berjaya mendorong seorang pemimpin Pas yang dikatakan pemimpin agama bertaraf dunia dengan penuh yakin dan tiada sebarang "taraddud" (keraguan) berkata yang saman DoJ itu adalah campur tangan asing.

Banyak lagi "kejayaan" Najib namun saya pilih yang mega-mega sahajalah untuk disebar ke seantero Malaya dengan tanpa rasa malu alah!

**Mohamed Hanipa Maidin ialah Ketua Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH Nasional.**





# NUNJI '17 bicara kerjasama politik versi Malaysia

**BANGI:** Buat kesekian kalinya siri ke-8 Nadwah Ulama Nahdhah Jadidah (NUNJI) diadakan bertujuan mengupas topik semasa isu-isu berkaitan siasah syar'iyah dalam konteks Malaysia.

NUNJI'17 yang berlangsung 4 Nov lalu membicarakan tentang 'Tahaluf Siyasi Perspektif Malaysia' dan berwacana di Dewan Danau, Golf Resort Bangi, dekat sini.

Majlis anjuran bersama AMANAH Selangor dan AMANAH Wilayah Persekutuan itu berjaya menarik kehadiran ratusan peserta, satu petanda baik tentang kecenderungan anggota dan penyokong AMANAH terhadap wacana ilmu.

Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof, antara penggerak utama NUNJI, menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan program.

Ketika berucap, beliau menjelaskan tentang dinamika tahaluf atau kerjasama politik yang berkembang dan bukan kaku.

Seni tahaluf, ujarnya memerlukan pengamalannya memupuk, membina dan mematangkannya sehingga asas menegakkan keadilan tercapai.

"Dalam konteks ini, Tahaluf memerlukan rundingan berpanjangan dalam mencapai konsensus. Ia bukan sahaja tentang falsafah tetapi secara praktikalnya ialah persefahaman di medan, konsensus manifesto, gerak kerja pilihan raya bersama dan paling sukar ialah pembahagian kerusi supaya tidak berlaku pertindihan tuntutan.

"Tahaluf tidak terlaksana tanpa kesediaan untuk 'give and take' (memberi dan menerima) dan seni ini tidak akan tertulis dalam mana-mana buku akademik. Bersedialah untuk mempelajarinya di medan," ujar beliau.

Sesi pertama NUNJI'17 diisi bekas Prof Madya di Jabatan Siyasah Syar'iyah, Akademi Islam Universiti Malaya, Ustaz Alias

Othman.

Tokoh dakwah ini membedah buku tulisannya bertajuk "Tahaluf Siyasi Dari Perspektif Maqasid Syariah dan Siasah Syar'iyah".

Menurut beliau, hukum syarak adalah hukum yang dapat menjana masalah dan menolak mudarat pada masa, tempat dan ke atas siapa ia dilaksanakan, sekalipun pada zahirnya kelihatan bercanggah dengan nas qat'iy.

Sesi kedua NUNJI'17 pula dihidupkan dengan Wacana Tahaluf Siyasi bersama Pengarah Syariah AMANAH Ustaz Zolkharnain Abidin Al-Abyadhi dan Pengarah Strategik AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad.

Wacana dihangatkan dengan sesi soal jawab bersama peserta yang inginkan penjelasan tentang isu-isu berkaitan kerjasama politik berdasarkan kefahaman dan pengalaman ahli panel.



Dr Mujahid menyampaikan ucapan.



Ustaz Alias tekun mendengar pertanyaan seorang peserta non muslim.





Dr Dzulkefly memberikan pandangan sambil diikuti penuh minat Ustaz Zolkharnain.



Adun Pas Anak Bukit Datuk Ir Amiruddin Hamzah (kanan) turut hadir.



Suasana majlis ketika program perasmian berlangsung.



Mungkin ada sesuatu yang mencuit hati sehingga para tetamu ketawa girang.



Dr Mujahid bersalaman dengan Ustaz Alias Othman sambil diperhatikan Naib Presiden AMA-NAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus.



Antara aktivis AWAN yang hadir.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

**RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.



**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**

**01132334322 (EN HAKIM)**



6 Merawat luka amanat  
Banggol Peradong

13 'Ibu segala bajet' bakal  
ditampung kenaikan GST

22 Najib perlu jadi 'pencelah'  
saman Presiden Pas



Selangor  
sumbang RM1 juta  
bantuan banjir

ms24

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU  
SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR  
DAN KAWASAN-KAWASAN  
YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:22	18:58	20:10
13.11.2017	5:30	5:40	6:57	13:00	16:22	18:58	20:10
14.11.2017	5:30	5:40	6:58	13:00	16:22	18:58	20:10
15.11.2017	5:30	5:40	6:58	13:01	16:22	18:58	20:11
16.11.2017	5:30	5:40	6:58	13:01	16:23	18:58	20:11
17.11.2017	5:30	5:40	6:58	13:01	16:23	18:58	20:11
18.11.2017	5:31	5:41	6:59	13:01	16:23	18:58	20:11

# Amanah

BIL 76 | 12 - 18 NOVEMBER 2017

Putera Arab, pengasas Petrosaudi ditahan dalam operasi anti rasuah



Najib berbual mesra dengan Putera Turki dalam satu majlis santai yang melibatkan keluarganya serta Jho Low.

# RAKAN NAJIB, PUTERA TURKI DITAHAN

## Adun Anak Bukit antara peserta NUNJI 2017



Datuk Amiruddin (berbaju putih) antara yang menyertai NUNJI 2017 baru-baru ini.

**ADUN** Anak Bukit, Kedah, Datuk Amiruddin Hamzah adalah antara 350 peserta yang menyertai Nadwah Ulamaik Nahdah Jadidah atau singkatannya NUNJI 2017 di Bangi baru-baru ini.

NUNJI ke-8 yang bertemakan "Tahaluf Siyasi" itu berjaya menghimpunkan pelbagai pihak bagi membincang isu politik bag memastikan dasar-dasar keadilan tertegak.

Naib Presiden AMANAH yang menjadi tunggak di belakang NUNJI selama ini, Datuk Dr Mujahid Yusof dalam ucapannya berkata, semua aktiviti politik yang berkehendakkan keadilan tertegak termasuk kerjasama politik mestibersetuju atas menegakkan keadilan.

"Jikalau asas ini tiada maka segala persefahaman politik tidak akan mempunyai apa-apa makna," kata beliau dalam ucapan itu.

➔ [Laporan penuh muka 30 dan 31](#)

**KENALAN** Datuk Seri Najib Razak yang juga putera Arab yang dikatakan menderma kepadanya sebanyak RM2.6 bilion, Putera Turki bin Abdullah ditahan oleh kerajaan Arab Saudi dalam satu operasi besar-besaran anti rasuah baru-baru ini. Pengasas syarikat Petrosaudi yang ada kaitan dengan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) itu juga adalah bekas Gabenor Riyadh, ibu negara Arab Saudi.

[Laporan penuh](#) ➔  
muka 2 ➔

**Natural Safe Effective**

**Olive Kapsul Manjakani**

**Olive Sabun Manjakani**

SABUN MANJAKANI  
KAPSUL MANJAKANI

**OTHER PRODUCTS:**

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

**DR. OLIVE**

**BODY CARE**

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:  
TEL: +6013 754 9335  
EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)